

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 54

Isnin

18 Oktober 2010

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 32)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 32)
Usul Anggaran Pembangunan 2011	(Halaman 33)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2011	(Halaman 33)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 18 Oktober 2010

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mempunyai Jawatankuasa Penilai bagi setiap teks khutbah Jumaat sebelum diedarkan kepada semua masjid di bawah negeri yang Ketua Agamanya ialah Yang di-Pertuan Agong.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat Libaran, Jabatan Kemajuan Islam telah mewujudkan Jawatankuasa Penilai bagi setiap teks khutbah Jumaat bagi masjid-masjid di bawah pentadbiran JAKIM sendiri iaitu Masjid Negara, Masjid Putra, Masjid Wilayah dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin. Tujuannya adalah untuk menjaga kualiti teks khutbah dari segi kandungan dan penggunaan bahasa yang bersesuaian. Jawatankuasa ini terdiri daripada panel imam empat buah masjid utama dan juga disertai oleh beberapa ahli jawatankuasa yang dilantik terdiri daripada pengarah-pengarah bahagian di JAKIM. Teks khutbah Jumaat ini boleh dilayari secara *online* di dalam laman web JAKIM melalui Khutbah Online.

Manakala urusan hal ehwal Islam di negeri-negeri di bawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong seperti mana Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan dan Melaka, negeri-negeri ini telah pun mempunyai jawatankuasa yang tersendiri di bawah Jabatan Agama Islam Negeri untuk menyediakan teks khutbah dan diedarkan ke seluruh masjid negeri-negeri berkenaan. Terima kasih.

Datuk Juslie Ajirol [Libaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan. Akhir-akhir ini Tuan Yang di-Pertua, atas keghairahan segelintir rakyat Malaysia, berbagai-bagai isu telah ditimbulkan termasuklah agama menjadi sandaran kumpulan yang berkepentingan tanpa mengira

ataupun melihat kepentingan pada keseluruhannya. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian bercadang untuk menggubal satu akta yang boleh mengawal kegiatan seumpamanya? Ini kerana kita tidak mahu kepentingan rakyat Malaysia ini menjadi permainan oleh pihak-pihak yang berkepentingan. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Libaran sebentar tadi, di mana dalam lingkungan kebelakangan mutakhir ini, banyak pentas khutbah yang telah disalahgunakan. Sebenarnya akta ataupun enakmen yang bersesuaian telah pun diwujudkan di bawah pemerintahan ataupun di bawah negeri masing-masing. Jabatan Agama Islam Negeri mempunyai peraturan sendiri bagi mengambil tindakan terhadap khatib ataupun imam yang tidak membaca khutbah yang telah disediakan.

Saya mengambil contoh di Wilayah Persekutuan Tuan Yang di-Pertua. Bahawa kita telah menyediakan pihak berkuasa agama yang menurut seksyen 9 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559), telah jelas memperuntukkan di mana, *“Mana-mana orang yang bertindak dengan cara yang menghina pihak berkuasa agama atau mengingkari, melanggar atau mempertikaikan perintah atau arahan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam, Majlis atau Mufti, yang dinyatakan atau diberikan melalui fatwa, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM3,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”*

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan bahawa tindakan oleh Jabatan Agama Islam adalah merupakan peruntukan yang diberikan kepada negeri masing-masing. Terima kasih.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bagaimanakah pihak kementerian Yang Berhormat khususnya yang arif yang mempelajari secara mendalam Islam ini. Pada zaman Sayidina Umar r.a, pernah beliau ditegur sekiranya tuan menyeleweng maka pedang inilah yang akan meluruskan tuan. Jadi saya rasa di atas konsep amar makruf nahi mungkar, menegur pemerintah itu adalah salah satu kewajipan pada umat Islam. Jadi saya rasa dalam konteks menegur, mengkritik itu, adakah itu dianggap satu kesalahan dari segi Islam itu sendiri?

Jadi saya rasa kita – walau apa pun akta atau enakmen yang hendak digubal, saya rasa itu perlu juga diambil kira dalam kita melihat konteks Islam itu sendiri.

Bukannya kita melihat dalam konteks sentimen ataupun isu-isu yang *dimanipulated* ataupun yang disensasikan oleh mana-mana pihak. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kubang Kerian. Saya amat bersetuju apabila Sayidina Umar mengambil alih kepimpinan negara, di hujung ucapan Sayidina Umar, "*Tolong betulkan Umar kalau Umar melakukan kesalahan*". Ada orang yang bangun untuk menyatakan, "*Wahai Umar, aku akan betulkan kamu dengan pedang ini.*" Memang Sayidina Umar dalam sejarah saya melihat tidak dibetulkan. Ini Umar Al-Khattab bukan Umar Abdul Aziz – dibetulkan dengan teguran-teguran yang baik dan sebagainya.

■1010

Dalam konteks kerajaan juga tidak menjadi satu kesalahan apatah lagi apabila perkara-perkara yang salah dan silap itu diperbetulkan. Ini berjalan sebagaimana biasa tetapi apa pun dalam konteks yang berlaku di dalam pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri-negeri bagi memberikan keadilan kepada semua pihak dan juga bagi memberikan suatu perjalanan mengurus dan mentadbir Jabatan Agama Islam dengan jalan dan cara yang betul, maka diwujudkan enakmen-enakmen dan peraturan-peraturan. Akan tetapi mungkin teguran-teguran itu dibuat pada tempat-tempat yang kena pada tempatnya.

Apa pun dalam konteks khutbah ini Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Kubang Kerian, peraturan itu ialah untuk menjaga supaya jangan ada di sana unsur-unsur provokasi dan sebagainya termasuk juga dalam menjaga kepentingan keseluruhan umat Islam yang datang berjemaah terutamanya pada hari Jumaat dalam khutbah supaya di sana terjaga kerukunan dan juga terjaga keharmonian di antara masyarakat. Oleh sebab itu diwujudkan akta-akta dan peraturan seperti ini. Terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Mana ada provokasi..

2. **Tuan Lim Guan Eng [Bagan]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan yang telah diambil ke atas pengetua dan guru sekolah di Kulai, Kedah dan Pulau Pinang yang menghina pelajar India sebagai anjing dan pelajar Cina balik ke China.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin supaya soalan Yang Berhormat Bagan ini

dijawab bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Bukit Gantang pada hari ini 18 Oktober 2010, Yang Berhormat Gombak pada 1 November 2010, Yang Berhormat Alor Gajah pada 29 November 2010 dan Yang Berhormat Taiping pada 6 Disember 2010 kerana ia berkaitan perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baiklah.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa sejak kebelakangan ini terdapat segelintir pegawai awam yang didakwa mengeluarkan kenyataan yang menyentuh sensitiviti kaum dan agama. Kerajaan memandang serius mengenai perkara ini dan sama sekali tidak akan bertolak ansur ke atas perbuatan tersebut walaupun bilangan terlibat amat kecil berbanding dengan 1.2 juta orang pegawai awam.

Kerajaan akan berusaha membendung perbuatan tersebut yang boleh meruntuhkan kerukunan antara pelbagai kaum yang dinikmati selama ini. Kerajaan memberi jaminan akan menyasat dan mengambil tindakan ke atas pegawai terbabit berasaskan peruntukan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Insiden-insiden yang melibatkan segelintir pegawai itu tidak seharusnya dilihat sebagai menggambarkan pendirian kerajaan malah pihak pentadbiran kerajaan tidak pernah dan tidak akan membiarkan berlaku apa-apa tindakan dan kelakuan yang bertentangan dengan keharmonian kaum yang dipupuk selama ini terutamanya daripada pegawai awam yang merupakan golongan pelaksana dasar-dasar kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan melalui Ketua Setiausaha Negara telah mengeluarkan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2010 mengenai tindakan tatatertib terhadap penjawat awam yang mengeluarkan kenyataan menyentuh sensitiviti kaum dan agama. Langkah ini adalah sebagai peringatan tegas dan serius kerajaan kepada semua penjawat awam agar tidak membuat apa-apa kenyataan yang menyentuh sensitiviti kaum dan agama dalam apa-apa keadaan sekali pun. Kerajaan juga telah memutuskan supaya mana-mana pegawai yang didapati berbuat demikian akan digantung daripada menjalankan tugasnya serta-merta sementara menunggu siasatan dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai tindakan ke atas Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Tuanku Abdul Rahman Putera, Kulai, pengetua tersebut kini dalam prosiding tatatertib berdasarkan peraturan-peraturan pegawai awam iaitu Kelakuan dan Tatatertib 1993. Tindakan ini diambil kerana pihak kerajaan mengambil kira faktor

bahawa pengetua tersebut telah membuat empat kali permohonan maaf dan menarik balik ucapannya kepada pihak terlibat iaitu:-

- (i) semasa perhimpunan mingguan;
- (ii) di bilik gerakan sekolah semasa pertemuan dengan guru-guru bukan Melayu sesi pagi
- (iii) di kantin sekolah; dan
- (iv) daripada kelas ke kelas;

Pengetua tersebut telah dihadapkan dengan tiga pertuduhan kerana membuat pernyataan yang menyentuh sensitiviti kaum dan berbaur perkauman. Surat pertuduhan terhadap pegawai telah pun dikemukakan iaitu dihantar pada 8 Oktober 2010 dan pegawai diberi peluang untuk membela diri selama 21 hari. Saya difahamkan beliau telah menerima surat itu pada 13 Oktober 2010 dan tindakan keputusan akan diambil selepas 21 hari beliau menerima surat pertuduhan itu.

Apabila pegawai mengemukakan representasi bertulis, Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Pendidikan Kumpulan Pengurusan No. 1 akan bersidang dan memutuskan hukuman tatatertib terhadap pegawai sekiranya didapati bersalah. Dalam tempoh prosiding tatatertib berjalan pegawai telah digantung daripada menjalankan tugasnya dan pegawai ditempatkan di Jabatan Pelajaran Negeri Johor berkuat kuasa pada 23 Ogos 2010.

Sementara itu bagi Pengetua Sekolah Menengah Bukit Selambau, Sungai Petani, Kedah – beliau telah diberikan amaran oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Pegawai juga telah memohon maaf secara terbuka kepada pihak terlibat di atas ucapan berbaur perkauman yang dilakukannya. Pegawai telah digantung daripada menjalankan tugasnya dan kini ditempatkan di Pejabat Pelajaran Daerah Kuala Muda berkuat kuasa pada 23 Ogos 2010.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan kenapa tindakan yang begitu lewat diambil terhadap kedua-dua pengetua oleh kerana sungguhpun tadi Yang Berhormat mengatakan ada pergantungan tetapi ini sangat lewat. Ini tidak selaras dengan pengumuman beliau bahawa apabila perkara tersebut berlaku akan dibuat pergantungan serta-merta dan diikuti dengan tindakan.

Keduanya, adakah Yang Berhormat sedar bahawa pernyataan *racist* yang dibuat akibat daripada *introduction* BTN. Apa yang kita dapat ialah bahawa fahaman *racist* ada ditanamkan sehingga adakah kerajaan berhasrat untuk bukan sahaja kaji semula

kurikulum tetapi untuk menutup BTN kerana bertentangan dengan apa yang dicadangkan di dalam Gagasan 1Malaysia. Biro Tata Negara yang sebenarnya '*biro tentang negara*'.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Hari ini kita tahulah siapa yang sebenarnya berkuasa dalam parti DAP. [*Tepuk*] Dia bukan *Sec. Gen.*, yang penting penasihat itu. [*Ketawa*]

Seorang Ahli: Jawablah, jawab.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Mesti jawab Yang Berhormat. Dalam pepatah Inggeris, '*better late than never*'. Cuma saya hendak sebut di sini, *it is not late*. Kita kena faham, pertamanya ialah ini kali pertama dalam sejarah perkhidmatan awam iaitu seorang pegawai dipanggil kerana mengeluarkan kenyataan yang berbaur perkauman. Jadi ia makan masa sedikit.

Keduanya, dalam kes di Johor. Ia melibatkan banyak saksi-saksi dan kerana ia di dalam satu majlis *assembly*. Sebenarnya keterangan yang diterima oleh saksi-saksi itu amat berbeza. Oleh kerana pihak yang menyiasat perlu melalui dan menapis untuk mendapatkan keterangan saksi yang benar-benar boleh mengaitkan dengan pertuduhan yang disebut tadi, ada tiga pertuduhan. Maka itu sedikit masa telah berlalu tetapi yang penting serta-merta beliau digantung kerja sebab dalam penyiasatan kita perlu lakukan perkara itu.

■1020

Jadi biar kita buat satu penyiasatan yang mendalam supaya akhirnya nanti apabila pertuduhan dibuat dianya akan dapat disabitkan. Kalau tidak penyiasatan yang *flip-flop* akan menyebabkan mungkin kita tidak akan dapat kepada satu keputusan yang boleh merasakan kita rasa puas hati. Kedua...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dia sudah mengaku bukan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kalau Sosilawati punya itu pun, kalau kita berdasar kepada surat khabar dia sudah mengaku kita patut gantung dia teruskah atau apakah. Akan tetapi orang yang dibunuh juga diberikan masa, kuasa ataupun hak untuk membela diri.

Jadi dalam perkara ini kita sebelum hendak menjatuhkan hukuman kita kena tengok keadaan, situasi bagaimana perkara itu telah berlaku? Adakah dia dengan niat yang betul-betul mahu menghasut ataupun pada ketika itu lihat pada situasi sekelilingnya sama ada apa yang dilakukan itu bukan berniat untuk melakukan

demikian. Akan tetapi mungkin dia marah atau apa sahaja. Ini semua kena lihat, barulah kita boleh ambil satu keputusan yang adil kepada semua. Kalau tidak susahlah kalau saya kenal Yang Berhormat di sini saya berseloroh, saya kata, "*Apalah Yang Berhormat pergilah balik China.*" Takkanlah Yang Berhormat hendak dakwa saya, kita kenal antara satu sama lain.

Jadi perkara ini kita kena siasat betul-betul supaya berlaku adil kepada semua pihak. Keduanya ini bukan kerana indoktrinasi BTN. Saya telah sebut iaitu bahawa kita BTN akan menukarkan modulnya supaya menampakkan apa yang dimahukan oleh Perdana Menteri 1Malaysia. Ini perkara yang disebut oleh seorang pengetua dan kita tidak tahu dalam keadaan apa dia sebut demikian. Jadi itu tidak boleh sabitkan dengan indoktrinasi BTN, sebab itu saya hendak menyebutkan di sini bahawa kerajaan tidak bercadang untuk hendak menutup BTN. Itu sahaja. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Wah. Macam pakat, bapa dahulu baru anak. Mana boleh. *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat. Penjelasan, memang saya terpanggil dengan persoalan ini. Cuma saya ingin bertanya Yang Berhormat, apakah agaknya pula tindakan kepada pelajar Namewee yang telah melakukan perbuatan rasis berulang kali membangkitkan kemarahan dan sebagainya. Nyata DAP tidak pula mempersoalkan persoalan yang sama.

Beberapa Ahli: Ya, betul. *[Tepuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini yang rasis. Seharusnya sama-samalah tanya apa hukuman kepada guru? Apa hukuman kepada Namewee? Yang Berhormat Bagan diam-diam pula, DAP diam-diam. Macam ini nampak rasis betul. Minta pandangan Yang Berhormat sebab ini budak-budak pelajar Melayu marah dan saya bimbang kalau dia di jalan raya dia akan dikenakan. Itu sebab kena ambil perhatian yang sewajarnya. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kalau tadi saya mula jawapan dengan memberikan peribahasa Inggeris kepada mereka. Saya juga hendak katakan bahawa *two wrongs do not make one right* - dua kesalahan tidak menjadikan satu perkara itu betul. Kita tetap akan mengambil tindakan terhadap Namewee, tetapi mestilah berdasarkan kepada fakta-fakta yang boleh mensabitkan beliau. Sebagai contoh kita boleh ambil tindakan terhadap kerajaan ini kerana dia pegawai kerajaan kita ada peraturannya.

Akan tetapi Namewee ini kita tidak boleh ambil tindakan dia sebagai kerajaan, dia bukan cikgu, dia bukan bekerja dengan kerajaan, namun apabila ada laporan polis

yang dibuat maka saya ingin menyebutkan di sini iaitu bahawa kita sedang mempertimbangkan beberapa undang-undang di mana tindakan boleh diambil terhadap beliau.

Oleh kerana laporan polis sudah ada dan pihak penyiasat sedang mengumpul maklumat dan cuba melihat di bawah undang-undang apakah yang boleh kita dakwakan dia di mahkamah. Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan sekurang-kurangnya secara spesifik tentang tindakan yang telah diambil dan tentulah saya rasa tindakan yang diambil haruslah dikenakan kepada semua pihak tanpa kira mana-mana kaum yang mereka datang. Asalkan mereka membuat kenyataan yang berbaur perkauman maka tindakan harus diambil dan kita harap ia boleh diambil tindakan secara adil dan saksama tanpa pilihan.

Saya hendak sebutkan di sini ialah kerana seperti mana kenyataan-kenyataan ini timbul, sungguhpun ada usaha Kerajaan Persekutuan untuk memaparkan konsep 1Malaysia. Dalam konsep 1Malaysia ini saya ingin ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Padang Rengas kerana berani menyebutkan apa yang tidak berani disebutkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan, iaitu *"I am Malaysian first and a Malay second has any beget got a problem with it."* Adakah pendekatan yang begitu terbuka dan begitu bernas ini akan diterima pakai oleh semua Ahli Parlimen Barisan Nasional? Adakah mereka berani menyatakan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Padang Rengas, *"I am Malaysian first."*

Oleh kerana kalau tidak saya rasa susah untuk kita hapuskan kenyataan-kenyataan berbaur perkauman dan kalau boleh, bolehkah ini diserapkan juga di sekolah-sekolah supaya kenyataan-kenyataan berbaur perkauman ini tidak akan timbul sekali lagi. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya gembiralah Yang Berhormat berdiri dan bangun kerana bapa dia suruh marah saya, sebab saya lambat. Anak dia minta supaya adil dan saksama sebab itu kita lambat sedikit. Lain kali bercakap berdua dekat luarlah senang tidak perlu saya jawab balik.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya semangat Malaysia kita ini, Pakatan Rakyat baru belajar sahaja dalam tahun 2008. Kita sudah buat tahun 1959 lagi. Waktu sebelum merdeka pun kita sudah buat, pilihan raya pertama kita sudah buat seperti konsep kita Perikatan. Bermakna itu bahawa kita memperjuangkan hak semua bangsa. Jadi ini

sudah menjadi satu kelaziman kepada kita. Bagi orang yang baru perlulah menyatakan mereka itu *Malaysian* dahulu dan *the rest next* sebab baru kenal, yang ini PAS, DAP, PKR ini, jadi kena sebut selalu.

Oleh sebab orang tahu DAP *chauvinist* Cina, dan PAS *chauvinist, extremist* Islam, jadi barulah PKR datang memperimbangkan. Jadi bagi kita, kita sudah lama buat benda ini. Jadi orang tahu *branding* Barisan Nasional, inilah *branding* Malaysia. [Tepuk] Jadi kita tidak perlu hendak banyak kali bercakap. Bagi yang baru cakap selalu kerana rakyat belum percaya lagi.

3. Datuk Ir. Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan adakah kerajaan mempunyai peralatan serta radar-radar untuk mengesan di peringkat awal serta memberi amaran kepada pihak berkuasa yang berkaitan tentang kebarangkalian berlakunya bencana alam seperti yang berlaku di beberapa buah negara seperti banjir besar di Pakistan, taufan Katrina di Gulfport, Mississippi, Amerika, tsunami di Indonesia dan gempa bumi di Christchurch, New Zealand.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Haji Fadillah bin Yusof]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bencana ditakrifkan sebagai satu kejadian yang berlaku secara mengejut, bersifat kompleks dan mengakibatkan kehilangan nyawa, kemusnahan kepada harta benda atau alam sekitar serta menjejaskan aktiviti masyarakat setempat.

Secara umum sistem amaran awal pelbagai bencana yang diguna pakai di Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) agensi pelaksanaan di bawah MOSTI adalah setanding dengan sistem yang diguna pakai oleh Agensi Meteorologi Nasional dan juga Pusat Amaran Awal Tsunami di negara maju contohnya Agensi Meteorologi Jepun dan Pusat Amaran Tsunami Pasifik.

JMM memantau dan memberi amaran awal kepada pihak berkuasa mengenai kejadian bencana semula jadi yang akan dihadapi oleh negara dalam jangka masa tertentu bergantung kepada jenis-jenis bencana tersebut. Dalam pemantauan cuaca ekstrem, taufan dan laut bergelora, antara peralatan yang digunakan adalah seperti berikut, rangkaian sistem radar yang terdiri dari 12 buah radar *Doppler* yang ditempatkan di lokasi-lokasi strategik di seluruh negara. Sistem pemantauan Satelit Geopegun dan Orbit Kutub seperti *Multifunctional Transport Satellite* dengan izin dan

Feng Yun National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) dan Moderate Resolution Imaging, Spectroradiometer.

Seterusnya 40 rangkaian Stesen Sinoptik di seluruh negara, lapan stesen udara atas dan 108 rangkaian sistem pemantauan cuaca automatik.

■1030

Tuan Yang di-Pertua, MOSTI melalui JMM juga telah melaksanakan Sistem Amaran Awal Tsunami Nasional Malaysia pada tahun 2005 supaya amaran awal tsunami dapat dikeluarkan kepada penduduk di kawasan pantai sekiranya berlaku tsunami yang mengancam negara. Sistem ini merangkumi 17 buah stesen seismik, 18 buah kamera pantai, tiga buah pelampung tsunami, 17 buah stesen pasang surut, perisian *ANTELOPE*, *SEISCOMP* dan *EARLY BIRD* bagi menentukan lokasi dan magnitud gempa bumi dan model numerikal tsunami.

Dengan menggunakan sistem pemantauan dan juga model-model ramalan tempatan dan global yang beresolusi tinggi, nasihat dan ramalan cuaca dapat dikeluarkan dalam masa tiga hingga tujuh hari sebelum berlakunya kejadian. Sementara maklumat, nasihat dan amaran gempa bumi dan tsunami dapat dikeluarkan dalam masa 12 minit dari masa kejadian gempa bumi dikesan. Maklumat, nasihat dan amaran cuaca gempa bumi dan tsunami disebarkan kepada agensi pengurusan bencana dan orang awam melalui sistem SMS, faksimile, telefon, laman web, media massa terutamanya melalui RTM, dan juga sistem waspada bencana ataupun *Fixed Line Alert System (FLASH)* - sistem siren.

Berpanduan pada model bermusim daripada pusat-pusat pemodelan iklim dunia, JMM juga menyediakan tinjauan cuaca jangka panjang sehingga tiga bulan yang antaranya digunakan oleh agensi-agensi yang terlibat dalam pengurusan dan bantuan bencana dan persediaan menghadapi musim tengkujuh dan juga monsun barat daya. Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab dengan begitu objektif sekali soalan yang saya bangkitkan. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniahlah Yang Berhormat Timbalan Menteri mendapat pengiktirafan Kerajaan Negeri Sarawak baru-baru ini. Tahniah! [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, kita mendengar bahawa pihak kementerian telah pun mengambil pelbagai sumber termasuk dari Eropah, United Kingdom, Korea, Jepun dalam rangka kita untuk meramal bencana-bencana alam. Semalam dalam berita dunia,

kita melihat Pulau Luzon, Manila akan dilanda Taufan *Juan* ataupun Taufan *One*. Di Rusia sekarang ini, di sebuah bandar sudah dilanda satu banjir besar yang amat besar. Kita juga menjangkakan sisa-sisa *La Nina* akan melanda negara kita di penghujung tahun ini, akan membawa satu taufan yang akan melanda negara dalam suasana yang hebat. Mungkin lebih hebat daripada bencana yang lebih hebat daripada yang berlaku pada tahun 2005 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya ialah kita di sini tidak dapat rasa ada satu tindakan proaktif mahupun reaktif terhadap bencana yang bakal melanda - Sarawak mungkin terselamat daripada *La Nina* ini kalau mengikut ramalan. Akan tetapi Kelantan, Terengganu termasuk di barat daya Sabah, tidak akan selamat daripada bencana ini yang akan berlaku. Kita tidak ada rasa pihak penyelamat, agensi-agensinya yang memberikan satu tindakan proaktif kepada anggota-anggota di bawah sana. Takut nanti, apabila berlaku baru kita mengadap. Apa komen Yang Berhormat tentang perkara ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Satu soalan yang menjangkau keseluruhan konteks ramalan dan juga persiapan kita berkaitan dengan bencana di Malaysia.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti mana yang saya katakan tadi, JMM bertanggungjawab untuk mengeluarkan amaran awal berkaitan dengan amaran hujan lebat, ribut petir, taufan dan angin kencang, juga berkaitan dengan laut bergelora, gempa bumi dan tsunami. Manakala bagi bencana semula jadi yang lain seperti banjir dan kemarau adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Jerebu juga di bawah Jabatan Alam Sekitar dan tanah runtuh adalah di bawah Jabatan Kerja Raya.

Semua amaran ini dikendalikan dan dikelolakan di bawah Majlis Keselamatan Negara serta Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana peringkat negeri dan persekutuan, maka koordinasi akan dilakukan di bawah MKN. Semua ramalan ini akan diberi *input* kepada MKN yang akan menyelenggarakan, menguruskan berkaitan dengan langkah persiapan yang harus kita lakukan. Akan tetapi apa yang kita lakukan sebenarnya banyak dilakukan untuk persiapan sama ada untuk menghadapi kemungkinan berlaku banjir dan sebagainya. MKN sebenarnya bekerja rapat dengan semua kerajaan negeri dan agensi-agensi yang berkaitan.

Oleh sebab itu di bawah perintah 20 Majlis Keselamatan Negara, memang diperuntukkan semua agensi dan badan yang terlibat dalam pengurusan berkaitan

dengan bencana. Kita sebenarnya memang mengambil tindakan proaktif dan akan sentiasa menguar-uarkan sama ada melalui RTM dan juga media-media lain. Terima kasih.

Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang jawapan yang diberi cukup memuaskan. Akan tetapi, saya ingin mendapat sedikit penjelasan lagi iaitu kita Malaysia memang mempunyai kemudahan-kemudahan yang baik terutama di agensi-agensi seperti ANGKASA, Pusat *Remote Sensing* Negara dan kita telah pun melancarkan satu satelit *RazakSAT*. Jadi tentulah untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai cuaca oleh Jabatan Metrologi Malaysia ini tentulah mudah.

Jadi soalan saya, bagaimana koordinasi di antara agensi-agensi ini dengan Jabatan Metrologi? Juga bagaimana Jabatan Metrologi Malaysia ini mendapat maklumat-maklumat melalui satelit-satelit daripada sahabat-sahabat kita daripada antarabangsa, maknanya negara-negara jiran dan sebagainya? Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Seperti mana yang saya jawab tadi, kita bekerjasama dengan pelbagai agensi sama ada di peringkat kerajaan, di peringkat dalam negeri mahupun di luar negara. Contohnya dalam jawapan kita tadi, kita mengatakan bahawa kita bekerjasama dengan Jepun berkaitan dengan *input* dan juga dari China, sehinggalah ke Amerika Syarikat sendiri pun - NOAA adalah orbit daripada kutub ke kutub yang dipunyai oleh Amerika Syarikat dan juga di Lautan Pasifik merupakan *centre* untuk kita mewujudkan amaran awal tsunami.

Kita ada gabung jalinkan keseluruhan agensi sama ada di dalam negeri mahupun di rantau Asia dan juga di seluruh dunia. Jalinan inilah kita akan dapat kerjasama untuk menguruskan, bukan sahaja dari segi pengurusan tetapi juga untuk melatih kepakaran dan juga mengenal pasti apakah teknologi yang ada di seluruh dunia yang perlu dibawa ke negara kita kalau diperlukan. Oleh sebab itu, kita sentiasa membangunkan teknologi angkasa kita melalui ATSB dan juga agensi ANGKASA supaya kita ada pembangunan teknologi sendiri dari segi pembangunan satelit. Ini supaya kita akan dapat lebih maklumat yang lebih terperinci dan maklumat yang lebih tepat lagi untuk kita meramal kemungkinan berlakunya bencana di Malaysia, ini supaya kita lebih bersiap sedia untuk menghadapi segala kemungkinan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

4. Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta Menteri Kewangan menyatakan berapa jumlah rasmi yang sebenar syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan sila nyatakan adakah Kerajaan berpuas hati dengan prestasi serta pencapaian syarikat-syarikat tersebut dan adakah syarikat-syarikat tersebut mencapai indeks prestasi yang ditetapkan.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat sehingga Oktober 2010, terdapat 30 buah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang diletak di bawah program transformasi GLC atau GLCT yang diselia oleh Jawatankuasa Putrajaya bagi prestasi tinggi GLC.

Daripada jumlah ini, 19 buah GLC terbesar tergolong di bawah kumpulan G20. Sejak bermulanya GLCT pada Mei 2004, rata-rata GLC khususnya di bawah kumpulan G20 telah berjaya mengukuhkan kedudukan kewangan serta meningkatkan kecekapan operasi masing-masing. Ini seterusnya memberi pelbagai manfaat kepada pemegang saham, pelanggan, pembekal, kakitangan dan juga masyarakat.

Secara ringkasnya, pencapaian GLC tersebut boleh dilihat, pertamanya pendapatan agregat G20 telah meningkat daripada RM9.6 bilion pada tahun 2004 kepada RM19.3 bilion pada tahun 2007.

■1040

Walau bagaimanapun ianya menyusut kepada RM11.7 bilion pada tahun 2009 akibat kelembapan ekonomi ekoran krisis kewangan dunia. Kadar permodalan pasaran G20 *market cap* pula telah meningkat daripada RM159 bilion pada Mei 2004 kepada RM273 bilion pada Disember 2009.

Pada tahun kewangan 2009, GLC di bawah G20 secara kolektif telah menetapkan sejumlah 57 KPI utama sebagai sasaran yang mana 47 merupakan KPI berkaitan kewangan dan 11 KPI berkaitan operasi. Dari segi pencapaian, tujuh buah GLC telah mencapai kesemua KPI yang telah ditetapkan manakala 10 buah GLC tidak mencapai beberapa KPI utama masing-masing. Daripada 57 KPI utama tersebut, GLC di bawah G20 telah mencapai 38 daripadanya iaitu peratusan 67% dan selebihnya tidak dicapai akibat sebahagiannya disebabkan kelembapan ekonomi dan krisis kewangan dunia pada tahun 2009. Terima kasih.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dengan jawapan itu, prestasi kita tidak begitu cemerlang. Saya rasa begitu kecewa dengan prestasi yang tidak berbaloi dengan beberapa insentif ataupun tanggungjawab kerajaan terhadap GLC ini. Soalan tambahan saya, apa yang berlaku pada MIMOS? Adakah MIMOS ini termasuk dalam G20 ataupun dia satu *off budget agency*? Berapa

banyak *chips* yang kita telah keluarkan berjenama yang boleh bersaing paling tidak pun dengan *Intel* dan *Texas Instrument*. Berapa banyak kerugian JARING sebagai contoh.

Jadi 'Seoul Tara Sdn. Bhd.' – adakah ini semua memberikan keuntungan ataupun tersenarai dalam G20 yang disebutkan tadi? Baru-baru ini MAS kerugian RM8 bilion dan Sime Darby rugi hampir RM3 bilion. Jadi berdasarkan pada semua prestasi ini, saya inginkan satu jawapan yang pasti sejauh manakah pengawalan kerajaan, tindakan kerajaan dan hukuman keras kerajaan terhadap GLC yang tidak berkemampuan ini yang hanya kalau mereka melakukan kerugian akhirnya kerajaan yang akan *bail out* seperti mana yang berlaku pada MAS sebelum daripada ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr Awang Adek Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, kalau kita lihat syarikat yang mempunyai pemilikan kerajaan sama ada secara majoriti ataupun secara minoriti. Jumlah syarikat yang di bawah Menteri Kewangan diperbadankan (MKD) ialah sebanyak 105 buah syarikat. Jadi memang banyaklah ya. Tadi yang dimaksudkan 30 buah ini GLC yang diletak di bawah Program Transformasi dan G20 ini adalah GLC yang besar-besar yang memainkan peranan penting untuk mengerakkan GLC secara keseluruhannya.

Saya ingin menyebut sukar untuk saya bahas dengan Yang Berhormat apabila Yang Berhormat katakan kecewa, tidak berjaya jadi secara umumnya payahlah. Akan tetapi, saya ingin menyebut tentang keuntungan sebagai satu petunjuk biasanya tentang prestasi syarikat-syarikat. Kalau kita lihat kumpulan G20, keuntungan yang terakhirlah sama ada tahun kewangan berakhir 2010 ataupun 2009 mengikut maklumat yang kita ada. Kesemua 20 buah syarikat ini yang sebenarnya tinggal 19 buah sebab penggabungan antara Guthrie dan Sime Darby walaupun nama G20 tetapi sebenarnya syarikat telah tinggal 19.

Daripada semua 20 ini ataupun 19 ini, semuanya mendapat keuntungan kecuali satu iaitu Chemical Company of Malaysia yang mengalami kerugian pada akhir tahun 2009 sebanyak RM5.8 juta. Yang lain-lainnya semua menunjukkan keuntungan. Contohnya, Malayan Banking RM3.8 bilion, CIMB Group RM2.8 bilion dan seterusnya. Ini yang terakhirlah bahkan kalau ada yang diumumkan enam bulan pertama, tiga bulan pertama mungkin itu lebih besar.

Jadi kalau hendak kata hampa, kecewa memang susahlah kita hendak bahaskan. Saya harap Yang Berhormat tidaklah jenis orang yang kecewa selalunya setiap kali kecewa. Saya hendak sebut juga beberapa petunjuk kejayaan GLC ini, pihak

– umpamanya *consumers* MAS tadi Yang Berhormat kata MAS rugi. Macam mana Yang Berhormat dapat MAS rugi ini, kalau dari segi di sini Malaysian Airline System untung pada akhir tahun 2009 sebanyak RM490 juta. Malaysian Airline juga telah dipilih sebagai *5-star Airline Award* dalam tahun 2009, 2010 oleh *Skytrack* dan *Asia's Leading Airline 2009* oleh *World Travel Awards*.

Pihak pembekal pula telah mendapat manfaat daripada pelbagai program vendor (VDP). Sejak tahun 2004 seramai 130 buah vendor telah berjaya menamatkan program VDP dengan jayanya. Pada masa yang sama seramai lima ribu orang siswazah menganggur turut dilatih dan ditempatkan di pelbagai syarikat tempatan termasuk GLC. Program Pertukaran Pegawai Kerajaan di GLC pula meningkatkan lagi hubungan kerjasama antara kakitangan kerajaan dan GLC. Program Pintar yang sehingga ini menyaksikan penyertaan 27 buah GLC yang telah memberi manfaat kepada kira-kira 103,500 orang murid sekolah di 207 buah sekolah seluruh negara dan juga Program Pembasmian Kemiskinan Yayasan Sejahtera yang mensasarkan seribu buah keluarga.

Jadi ini sebagai petunjuk bukan sahaja dari segi prestasi kewangan tetapi juga dari segi *Corporate Social Responsibility* yang keseluruhannya kalau 67% pencapaian KPI saya rasa tidaklah membayangkan kegagalan seperti mana yang disuarakan oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kegagalan sesebuah syarikat GLC ini banyak mengundang pelbagai persepsi yang berbagai-bagai daripada kalangan masyarakat. Apatah lagi kerajaan sebenarnya tidak tinggal menerima tempias kerana banyak sebahagian besar daripada modal yang dilaburkan oleh kerajaan.

Keduanya, terdapat GLC-GLC yang cenderung untuk menceburkan diri dalam bidang-bidang keutamaan menyebabkan ianya hilang tumpuan. Jadi soalan saya, setakat manakah kejayaan yang telah kita capai setelah kita lantik pasukan petugas untuk menilai ataupun kita melaksanakan Pelan Pemulihan Korporat yang dijalankan oleh syarikat penasihat strategik kewangan, setakat manakah kejayaan yang telah dicapai? Keduanya, apakah kesilapan-kesilapan yang kita temui dan apakah tindakan-tindakan yang telah kita buat setakat ini? Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, GLC terutamanya yang dikenal pasti sebanyak 31 buah ini diletakkan di bawah seliaan Jawatankuasa Putrajaya bagi prestasi tinggi GLC yang mana saya sebut. Jawatankuasa ini sebenarnya dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri

merangkap Menteri Kewangan dan jawatankuasa ini bermesyuarat secara berkala di mana segala prestasi GLC ataupun segala usaha penyelarasan yang telah dibuat.

Daripada pengawasan yang sedemikian maka dibentuk satu kaedah untuk mengawal selia GLC ini dengan membentuk KPI yang saya sebut tadi itu iaitu 57 KPI yang kesemuanya yang mana 47 nya berkaitan dengan prestasi kewangan dan 11 KPI yang berkaitan operasi.

■1050

Apabila ada KPI, apabila ada *target*, pemantauannya dapat dibuat secara objektif. Hasil daripada pemantauan ini seperti yang saya sebut tadi, daripada segi pencapaian KPI setakat ini 67%, yang mana tujuh buah GLC telah mencapai kesemua KPI, cemerlanglah. Kalau semua KPI telah dicapai, maka saya rasa bolehlah dianggap satu kejayaan tetapi terdapat sepuluh buah GLC umpamanya yang tidak mencapai kesemua KPI. Sebahagian KPI dicapai, sebahagian yang tidak dicapai. Bahkan ada dua buah GLC yang gagal mencapai apa-apa KPI. Ada juga dua buah. Tindakan-tindakan yang diambil umpamanya, sebuah GLC yang tidak mencapai apa-apa KPI ini, CEO nya telah ditamatkan perkhidmatan, tidak diperbaharui.

Jadi, ini antara langkah-langkah yang diambil supaya apabila kita ada KPI, mestilah ada kebertanggungjawaban. Jangan KPI sahaja, tidak capai pun tidak mengapa, capai pun tidak mengapa. Jadi, inilah antara yang dibuat dan ini adalah satu proses yang berterusan, *ongoing*. Kalau kita lihat daripada segi prestasi kewangan, daripada segi *market cap* tadi itu, peningkatan yang begitu ketara 20 GLC, daripada RM159 bilion pada tahun 2004 pada RM273 bilion pada bulan Disember 2009, saya rasa ini menunjukkan satu perubahan ke arah kebaikan. Mungkin masih tidak dibanggakan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian tetapi saya lihat ini adalah satu pencapaian yang bertambah baik. Terima kasih.

5. Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta Menteri Kesihatan menyatakan tahap penyebaran penyakit yang berpunca daripada virus air kencing tikus di negara ini, berapa ramaikah yang telah meninggal dunia akibat penyakit tersebut serta sejauh mana kesedaran masyarakat mengenainya.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai pendahuluan, izinkan saya untuk membuat sedikit pembetulan pada soalan Yang Berhormat Kuala Nerus berkenaan dengan punca penyakit *leptospirosis*. Sebenarnya penyakit *leptospirosis* bukanlah disebabkan oleh virus tetapi adalah disebabkan oleh jangkitan sejenis bakteria daripada kumpulan *leptospira*. Penyakit *leptospirosis* ini ialah sejenis penyakit *zoonotik* iaitu penyakit yang berjangkit daripada haiwan kepada manusia, yang mana manusia boleh dijangkiti apabila terdedah pada air, makanan ataupun tanah yang dicemari dengan air kencing haiwan yang terjangkit. Pelbagai haiwan domestik dan liar boleh dijangkiti dan menjadi perumah pada bakteria *leptospira* seperti tikus, kucing, anjing, lembu, kambing, babi, kuda dan haiwan-haiwan liar yang liar. Namun begitu, tikus dan lembu merupakan antara perumah utama.

Tuan Yang di-Pertua penyakit *leptospirosis* adalah endemik iaitu boleh dijumpai di merata tempat di negara-negara beriklim tropika dan kejadian kes ada dilaporkan berlaku dari semasa ke semasa di negara-negara tersebut termasuk di Malaysia. Berdasarkan pada statistik kemasukan ke hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia, kadar kejadian kes penyakit *leptospirosis* yang dirawat, didapati telah meningkat daripada dua buah kes untuk setiap 100,000 orang penduduk pada tahun 2006, pada lima buah kes untuk setiap 100,000 orang penduduk pada tahun lepas. Selain daripada peningkatan kes, punca peningkatan ini mungkin juga disebabkan oleh beberapa faktor lain seperti meningkatnya kesedaran masyarakat dan pengamal perubatan sendiri serta kemudahan makmal dan diagnosis yang lebih baik.

Untuk makluman, kejadian penyakit *leptospirosis* ini adalah lebih rendah berbanding penyakit-penyakit berjangkit yang lain di Malaysia. Contohnya pada tahun 2009, kejadian penyakit *leptospirosis* adalah 5 per 100,000 orang penduduk berbanding dengan denggi iaitu 136.9 per 100,000 orang penduduk dan juga penyakit tibi, 63.9 per 100,000 orang penduduk. Sementara itu, kadar kematian penyakit *leptospirosis* mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Peratus (%)
2006	4.2
2007	2.3
2008	3.7
2009	4.4

Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada pemerhatian kementerian, mendapati bahawa berdasarkan pada banyak pertanyaan yang diterima daripada orang awam mengenai penyakit *leptospirosis* ini, kesedaran masyarakat mengenainya telah meningkat sejak akhir-akhir ini. Bagi membolehkan Kementerian Kesihatan mengambil langkah-langkah pencegahan dan kawalan penyakit yang lebih berkesan, saya ingin memaklumkan bahawa penyakit *leptospirosis* akan disenaraikan sebagai penyakit yang perlu dinotifikasikan menurut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

Di samping itu, Kementerian Kesihatan Malaysia juga sedang melaksanakan langkah-langkah pencegahan penyakit dan kawalan penyakit seperti berikut:

- (i) mempertingkatkan kesedaran orang ramai mengenai penyakit tersebut melalui hebahan di dalam media cetak dan elektronik serta laman sesawang rasmi;
- (ii) melaksanakan kempen pendidikan kesihatan serta edaran poster dan risalah kesihatan mengenai penyakit dan langkah-langkah pencegahan dan kawalan yang boleh diambil;
- (iii) bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti pihak kerajaan tempatan, Jabatan PERHILITAN dan lain-lain agensi dalam memastikan kebersihan persekitaran di kawasan yang berisiko; dan
- (iv) bekerjasama dengan pihak yang berkaitan untuk memasang papan tanda amaran bahaya kesihatan di kawasan-kawasan berisiko yang berkemungkinan menjadi tempat merebaknya penyakit.

Perlu ditegaskan Tuan Yang di-Pertua, bahawa jangkitan penyakit *leptospirosis* sangat berkait dengan tahap kebersihan persekitaran. Persekitaran yang kotor mengundang kehadiran perumah haiwan dan meningkatkan risiko jangkitan. Oleh itu, masyarakat diseru untuk sentiasa mengamalkan kebersihan dan tidak membuang sampah di merata-rata tempat untuk mencegah jangkitan ini. Terima kasih.

Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri [Kuala Nerus]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah pada masa kini kerajaan mempunyai bekalan vaksin yang mencukupi bagi berhadapan dengan penularan bakteria atau virus yang semakin pelik ini dan yang tidak pernah kita ketahui selama ini? Apakah pula kaedah tambahan kerajaan bagi memberi kesedaran mengenainya kepada

rakyat secara berterusan? Ini kerana pada saya kaedah pada masa kini masih belum mencukupi. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus di atas soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Nerus dan Ahli-ahli Dewan yang dimulihkan, sebenarnya penyakit *leptospirosis* ini seperti yang saya katakan tadi adalah satu penyakit yang disebabkan oleh bakteria dan bukan virus. Oleh itu, bagi penyakit *leptospirosis* ini rawatan antibiotik yang sedia ada di hospital-hospital adalah mencukupi serta berkesan untuk merawat penyakit ini.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Kuala Nerus, bagi virus yang baru iaitu lebih kita kenali sebagai novel virus yang mungkin muncul dari semasa ke semasa. Kajian terhadap virus tersebut mesti dilakukan sebelum vaksin terhadap virus tersebut boleh dihasilkan seperti yang kita lakukan dengan influenza AH1N1 yang sebelum ini.

Walau bagaimanapun, bagi mereka yang dijangkiti oleh virus, terdapat rawatan *antiviral* yang sedia ada. Namun Tuan Yang di-Pertua, keberkesanan rawatan ini adalah perlu dipantau serta rawatan sokongan perlu diberikan kepada pesakit-pesakit untuk kita mengetahui keberkesanan terhadap virus yang dirawat. Jadi, Kementerian Kesihatan sendiri melalui institut penyelidikan perubatan dan juga Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan kita di Sungai Buloh, sentiasa memantau kehadiran novel virus ini dan sentiasa bekerjasama dengan pusat *World Health Organization* (WHO) di Australia untuk kemungkinan menghasilkan vaksin-vaksin untuk virus-virus yang baru ini.

■1100

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat mengenai langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan, selain kita melakukan kempen-kempen kesedaran seperti kempen kebersihan diri, kempen membasuh tangan dan juga kempen batuk beretika yang kita laksanakan dari masa ke semasa, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan sebenarnya sering memberikan nasihat kepada orang ramai serta menggalakkan orang ramai untuk mengambil vaksin influenza bermusim atau *seasonal flu* yang terdapat dalam pasaran untuk perlindungan terhadap virus-virus influenza. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa] Saya hendak minta penjelasan sedikit ini penyakit *leptospirosis* ini ataupun yang mudah orang sebut ini kencing tikus. Oleh sebab disebut tadi dan saya

pun pernah dengar taklimat di daerah Pokok Sena daripada pihak kesihatan. Cuma, selepas itu ada satu perkara saya baru teringat hari ini.

Disebut bahawa ia walaupun berpunca daripada najis ataupun air kencing tikus yang ditinggalkan di kawasan-kawasan berdekatan dengan perairan. Isunya ialah, tikus kencing ini lama sudah sejak adanya tikus dan adanya dunia ini, sejak itu lah ia kencing. Saya tidak tahu sama ada dulunya ia tidak pernah kencing di kawasan-kawasan tempat air terjun ataupun tidak ataupun kerana dulu tikus ini kencing disiplin sikit. Ia ada *toilet*nya sendiri ia pergi kencing. Ia ada disiplinnya. Mungkin sekarang ini ia tidak ada disiplin macam pemimpin UMNO “kencing” orang. *[Ketawa]* Ia boleh “kencing” rakyat di mana-mana sahaja. Jadi, tikus pun ikut pemimpin UMNO juga. *[Ketawa]*

Jadi saya hendak tanya, adakah kerajaan hendak buat kajian yang lebih menyeluruh? Oleh sebab walaupun saya bercakap dalam *joke*, saya katakan bahawa memang tikus ini kencing sudah lama dan memang ia kencing di kawasan-kawasan perairan. Tidak timbul pun dulu dan memang kita pun ramai pergi mandi-manda di kawasan-kawasan air terjun. Tidak ada pula timbul bahawa ada jangkitan apa yang disebut ini. Jadi, adakah hendak buat satu kajian yang lebih menyeluruh melihat apa faktor sebenarnya? Saya takut nanti bahawa bukan kerana faktor tersebut, sebab kalau faktor tersebut saya katakan bahawa tikus sudah kencing lama sudah. Di mana-mana sahaja dia kencing, tidak pula timbul soal jangkitan tersebut. Minta penjelasan.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak tahu pula hanya pemimpin UMNO yang tahu “kencing”, pemimpin yang sebelah sana tidak “kencing” kah? *[Ketawa]*

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kami kencing, tetapi tidak “kencing” rakyat. UMNO “kencing” rakyat. *[Menyampuk]*

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Pokok Sena tadi, sebenarnya penyakit ini telah lama wujud Yang Berhormat ya. Cuma, tahap kesedaran masyarakat pada ketika ini lebih jika kita bandingkan pada masa-masa yang lepas. Izinkan saya untuk mungkin memberikan gambaran sedikit mengenai penyakit leptospirosis ini.

Sebenarnya, penyakit ini disebabkan oleh seperti yang saya katakan tadi beberapa faktor di mana manusia senang dijangkiti sama ada melalui air, makanan ataupun tanah yang dicemari oleh air kencing binatang yang terjangkit ini. Jadi, selepas sahaja mendapat jangkitan tersebut, kadang-kadang pesakit akan mengalami demam dan juga beberapa penyakit atau tanda-tanda awal penyakit leptospirosis ini.

Apa yang menyedihkan adalah sesetengah daripada pesakit kita telah mendapatkan rawatan agak lewat seperti yang berlaku insiden sebelum ini Yang Berhormat kalau tidak silap saya di Lubuk Yu di mana pesakit-pesakit ini telah mendapat rawatan pada *stage* yang terakhir dan di mana mereka juga pada masa yang sama mempunyai penyakit-penyakit yang lain.

Kebanyakan mereka *most of them* dengan izin, juga mempunyai *contributing factor*. Pesakit ini juga merupakan pesakit diabetes. Jadi, oleh sebab itu mereka lambat mendapat rawatan. Akan tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat, seperti yang saya katakan tadi kita ada antibiotik yang memang ada di hospital-hospital.

Jadi, masyarakat terutama sekali mereka yang selalunya terdedah adalah mereka yang pergi ke kawasan-kawasan hutan ataupun tempat-tempat perkelahan di mana binatang-binatang ini sering seperti Yang Berhormat katakan kencing dan juga faktor-faktor kebersihan seperti yang saya sebutkan tadi yang tidak dijaga. Jadi, nasihat kita kepada anggota masyarakat terutama sekali mereka yang suka mengunjungi tempat-tempat seperti ini supaya sentiasa mengamalkan kebersihan.

Satu faktor yang perlu diingat Yang Berhormat, apabila kita membawa makanan, kita tidak boleh menggunakan air sungai untuk membasuh makanan tersebut. Kita perlu membawa air sebagai bekalan untuk membasuh makanan yang kita bawa. Itu contoh Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Beberapa Ahli: *[Riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Kedua, adalah luka...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Bagaimana dengan tangki yang pecah dan dicemari? *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Kedua, Yang Berhormat sekiranya ada di antara pengunjung mungkin luka. Luka tersebut perlu dibalut dengan pembalut luka kalis air. Sekiranya, mereka mandi sungai, jangkitan ini boleh melalui mulut dan juga melalui mata Yang Berhormat.

Jadi, *precaution* atau langkah-langkah berjaga-jaga perlu diambil dan yang paling penting adalah kita sering mengingatkan masyarakat adalah bila sahaja mereka melawat tempat-tempat sebegini ataupun berada di hutan di mana di hutan juga mendedahkan mereka kepada insiden ini, mereka haruslah apabila balik sahaja dan

mengalami simptom seperti demam dan sebagainya segeralah mendapatkan rawatan kerana rawatan awal boleh membantu untuk memastikan pesakit dirawat dengan kadar yang segera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[Soalan No. 6 – Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan) tidak hadir]

7. Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading] minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan apakah kayu ukur dan sejauh mana nilai kesedaran perpaduan dan semangat cintakan negara di kalangan rakyat terutama dalam menyambut sambutan bulan kemerdekaan baru-baru ini.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading atas pertanyaan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab pertanyaan ini bersama pertanyaan daripada Yang Berhormat Dungun bertarikh 3 November 2010 kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu kejayaan sambutan bulan kemerdekaan dalam membangkitkan semangat perpaduan dan patriotisme di kalangan rakyat khususnya generasi muda.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Kesedaran perpaduan dan semangat cintakan negara di kalangan rakyat Malaysia adalah suatu perkara yang subjektif dan sukar untuk dibuat pengukuran. Walau bagaimanapun, berdasarkan penglibatan dan sokongan rakyat berbagai kaum terhadap program-program kemerdekaan yang dilaksanakan, kerajaan amat yakin bahawa semangat perpaduan di kalangan rakyat berada pada tahap yang amat membanggakan. Sambutan hari kemerdekaan pada setiap tahun merupakan satu peristiwa yang amat dinanti-nantikan oleh seluruh rakyat Malaysia.

Komitmen rakyat dalam menyambut kejayaan ini dapat diserlahkan melalui penglibatan dan penyertaan mereka dalam aktiviti-aktiviti kemerdekaan yang dianjurkan oleh kerajaan, swasta, sektor pendidikan dan pihak penguasa tempatan sepanjang bulan kemerdekaan bermula dari 1 Ogos hingga 16 September iaitu Hari Malaysia setiap tahun. Selain Program Kibaran Jalur Gemilang, berbagai aktiviti seperti pertandingan dan manifestasi kemerdekaan juga diadakan bagi memupuk kesedaran, perpaduan, dan semangat cintakan negara di kalangan rakyat. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hebat Timbalan Menteri ini walaupun Menterinya ada, dia menjawab sendiri.

■1110

Tahniah, syabas. Pihak kementerian bersungguh-sungguh, pihak kerajaan bersungguh-sungguh. Sekarang ada dua peristiwa penting dalam negara kita, 31 Ogos, 16 September. Kedua-duanya begitu galak disambut dan diusahakan oleh kerajaan. Cuma satu yang saya ingin mohon supaya kementerian yang bertanggungjawab dan kerajaan juga bagaimana cara kita hendak lebih menyemarakkan rasa cinta kepada negara ini. Yang ada ini okey.

Akan tetapi ramai juga rakyat yang tidak kisah hari cuti ini dibuat untuk berkelah, dia tidak kisah dengan apa yang telah dijalankan oleh kerajaan oleh kementerian. Begitu baik untuk menaikkan semangat cinta kepada negara, setia kepada negara. Apabila ada cinta dan setia barulah akan timbul berkorban untuk negara dan apabila ada ketiga-tiga semangat ini kita tidak mudah jadi pengkhianat menjual nama negara, nama pemimpin keluar negara, memburuk-burukkan negara, memburuk-burukkan kepimpinan kita. Ini yang penting kepada rakyat, jadi apakah lagi langkah-langkah yang lebih baiklah untuk menyemarakkan ini.

Yang ada ini okey, akan tetapi macam mana untuk lebih meningkatkan lagi usaha-usaha daripada kementerian dan juga daripada kerajaan hendak menyemarakkan secara gembeng, secara besar-besaran. Rasa cinta, rasa pengorbanan kepada negara ini, terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sri Gading atas pertanyaan dan saranan yang begitu penting, bagi kita menyemarakkan perasaan cinta kepada negara.

Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sri Gading memang betul, bahawa kadangkalanya ramai rakyat kita terlupa bahawa pengorbanan dan jasa baik orang-orang yang dahulu kepada negara untuk membangunkan negara kita dan membesarkan nama negara kita ini selalu terlupa.

Oleh yang demikian, kerajaan melalui Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, memang sentiasa menerima pandangan, cadangan dari semua lapisan masyarakat untuk bagaimana kita boleh menggembeng tenaga untuk menjayakan kempen 'Cintakan Negara' lebih berjaya lagi.

Oleh yang demikian, kita berharap dari peringkat atasan sampailah ke bawah semua kita memperingati bahawa, satu 31 Ogos adalah hari kemerdekaan dan 16 September adalah Hari Malaysia, itu tidak sepatutnya kita lupa. Begitu juga dari segi penglibatan rakyat iaitu bukan hanya sekadar mengibarkan Jalur Gemilang sahaja

menunjukkan bahawa kita cintakan kepada negara. Kita mesti ingat apa yang kita kritikan kepada pemimpin adalah sedikit berlainan daripada kritikan kita kepada negara.

Misalnya sekiranya ada di kalangan kita pergi ke luar negara, mengkritik apa yang dibuat di negara kita, itu adalah mengkhianati negara kita. Sekiranya kita tidak bersetuju dalam apa jua dari segi politik itu perkara biasa. Akan tetapi janganlah kita merendah-rendahkan negara kita di mata dunia. Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya memang menghargai usaha kementerian untuk memupuk kesedaran, perpaduan dan juga semangat cintakan negara. Akan tetapi saya rasa apa yang paling penting adalah bahawa kita mestilah mempunyai polisi yang adil untuk semua kaum, barulah kita boleh memupuk semangat perpaduan.

Jadi, saya beri satu contoh, sekarang filem tempatan, filem nasional yang kurang walaupun *the director*, pengarah *movie* itu, filem itu ataupun pelakon-pelakon dalam filem itu adalah orang Malaysia, warga negara Malaysia. Akan tetapi filem itu sekiranya mereka tidak menggunakan bahasa Malaysia jadi mereka tidak boleh menikmati rebat cukai hiburan sebanyak 20%.

Jadi saya hendak tanya bagaimana itu adil? Bagaimana itu akan memupuk semangat perpaduan. Kita tengok *movie* seperti [*Bercakap dalam bahasa Mandarin*], ais kacang popular, [*Bercakap dalam bahasa Mandarin*] ataupun *The Malay Chronicle*. Semua filem ini adalah filem tempatan yang berkualiti tinggi, yang berkualiti baik. Mengapa kita tidak boleh memberi rebat cukai hiburan kepada mereka juga.

Saya mintalah penjelasan daripada Timbalan Menteri, terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Serdang. Polisi sentiasa tidak menyebelahi sesiapa. Polisi kerajaan adalah mengikut bagaimanakah kita membentuk negara Malaysia dan membentuk rakyat yang sukakan kepada negara.

Pada pertanyaan Yang Berhormat berkenaan dengan polisi dalam perfileman, mungkin Yang Berhormat sedikit ketinggalan, bahawa pada akhir-akhir ini kerana kita ada Yang Berhormat Menteri yang sama-sama dengan kita di Dewan yang mulia ini, memang prihatin kepada bagaimana kita boleh membangunkan industri filem kita di Malaysia. Maka ini sedang dikaji dan jangan kita anggap...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Bila akan... bila akan beri rebat itu? Bila, bila?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Sudah 53 tahun, bila?

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Belajar dahulu. Yang Berhormat kerana Yang Berhormat ini yang memecahbelahkan perasaan. Yang Berhormat inilah yang suka mencari jalan bagaimana mengambil peluang...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Sudah tunggu 53 tahun baru...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Berapa lama perlu kita tunggu lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Serdang...

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Yang Berhormat, ini bukan surau Yang Berhormat. *[Ketawa]* Dan janganlah berperangai sebegitu. Perangai Yang Berhormat ini perpaduan berpecah belah. *[Dewan riuh]* *[Tepuk]* Jangan mempraktikkan perangai yang tidak elok itu Yang Berhormat, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya menjemput Yang Berhormat...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya rasa Peraturan Mesyuarat 36(6). Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri patut menarik balik kenyataan terhadap Yang Berhormat Serdang. Tidak boleh menuduh beliau yang memecahbelahkan rakyat Malaysia ini, dan menuduh perangnya yang...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tidak ada peraturan mesyuarat semasa sesi soal jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Memang betul kata perangai yang macam inilah...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...menimbulkan masalah perpaduan. Saya rasa ini tidak bertanggungjawab dan tidak adil...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Timbalan Menteri kata perangai yang macam inilah yang boleh memecahbelahkan. Dia tidak tuduh Serdang.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...dikeluarkan kata-kata sedemikian.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia kata perangai yang macam inilah...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Membuat tuduhan sedemikian secara melulu. Amat tidak bertanggungjawab di dalam Dewan yang mulia ini. Saya pohon Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri menarik balik kenyataan tersebut.
[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 36(6), saya rasa tidak sampai ke tahap yang itu Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri tiada niat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana boleh sembarangan macam itu? Kenyataan dikeluarkan sedemikian Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah saya menuduh Yang Berhormat Timbalan Menteri membuat kenyataan memecahbelahkan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Barisan Nasional yang memecahbelahkan kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tadi saya sudah buat keputusan. Tadi dalam konteks dia mencelah, tidak ikut peraturan, *that's all*. Tidak ada sangkaan jahat pun.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tidak boleh! Kita telah meminta dia mengikut peraturan, tapi tidak boleh menuduh dia memecahbelah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sekarang ini Yang Berhormat mempertikaikan keputusan saya pula.

8. Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan sejauh mana usaha mewujudkan "*baby hatch*" berjaya menangani pembuangan bayi dan apakah usaha dan tindakan spesifik kerajaan dalam menangani gejala sosial yang semakin meruncing di dalam negara kita.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Heng Seai Kie]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tindakan membuang bayi merupakan satu perlakuan yang tidak bertanggungjawab dan berperikemanusiaan serta merupakan gejala sosial yang memerlukan keprihatinan semua termasuklah penglibatan pihak NGO untuk mengatasinya.

Kementerian ini telah bekerjasama dengan Pertubuhan Kebajikan dan Pengurusan Anak-anak Yatim Kuala Lumpur ataupun Orphan Care untuk menyediakan pusat jagaan bayi yang tidak diingini ataupun dengan izin, *baby hatch*.

■1120

Penubuhan pusat ini adalah untuk memberi perlindungan kepada bayi yang dibuang atau tidak diingini sebelum diserahkan kepada keluarga angkat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerjasama yang dijalinkan ini meliputi aspek perlindungan sementara penempatan di dalam program penjagaan dan pengangkatan, termasuk pengurusan data serta aspek promosi ke atas program penjagaan dan pengangkatan. Sehingga kini seramai 13 orang bayi telah pun ditempatkan di pusat ini. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Baby Hatch ini baru sahaja ditubuhkan, analisis keberkesanannya belum dapat dilaksanakan.

Selain daripada itu, kerajaan juga mengambil tindakan dengan menyediakan tempat perlindungan kepada kanak-kanak dan wanita yang hamil luar nikah agar mereka dapat melahirkan anak dengan selamat. Institusi-institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang menyediakan perlindungan untuk golongan tersebut ialah Taman Seri Puteri iaitu sebanyak empat buah dan dua buah pusat jagaan Sinar Kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Taman Seri Puteri menyediakan kemudahan perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak perempuan berumur di bawah 18 tahun yang hamil bayi luar nikah. Sementara Pusat Jagaan Sinar Kasih diwujudkan bagi wanita luar nikah yang berusia 18 tahun dan ke atas.

Selain itu, kementerian ini juga mempunyai 60 buah lagi institusi kebajikan, 104 buah pejabat kebajikan masyarakat daerah dan 55 buah Klinik Nur Sejahtera yang bersedia untuk menerima bayi-bayi yang memerlukan perlindungan. Demi untuk meningkatkan keberkesanan, mereka yang bermasalah berkaitan bolehlah juga menghubungi talian NUR di talian 15999 untuk mendapatkan bantuan. Selain itu, JKM juga bekerjasama dengan pertubuhan sukarela kebajikan bagi membendung masalah ini. Terdapat lapan buah pertubuhan sukarela kebajikan yang menerima geran daripada JKM, yang menyediakan pusat perlindungan bagi ibu-ibu muda ini.

Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab bagi menangani gejala ini bukan hanya terletak di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semata-mata. Kerjasama daripada pelbagai agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan sektor korporat juga penting dalam usaha membendung masalah pembuangan bayi ini. Begitu juga dengan tanggungjawab dan peranan masyarakat

umum terutamanya ibu bapa dan ahli keluarga terdekat perlu ditingkatkan supaya gejala ini dapat ditangani bersama, di mana setiap rakyat Malaysia mempunyai tanggungjawab untuk bersama kerajaan mengambil segala usaha membendung masalah pembuangan bayi daripada terus berleluasa. Sekian, terima kasih.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin mengatakan bahawa masalah pembuangan bayi ini adalah *only the 'tip of the iceberg'*. Jabatan Pendaftaran Negara mendaftarkan selama empat tahun – dari tahun 1999 sehingga tahun 2003, 70,430 bayi dilahirkan luar nikah.

Persoalannya ialah kita bukan hendak menyalahkan kementerian atau sesiapa, cuma di dalam kita menangani masalah pembuangan bayi, kementerian baik rumah-rumah perlindungan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, menyelesaikan masalah di penghujungnya sahaja. Kita hanya menyelesaikan masalah pembuangan bayi. Adakah puncanya, pencegahannya, perundangannya dan segala bentuk yang kita tahu untuk mencegah kelahiran bayi luar nikah ini diambil kira?

Di dalam Islam dan jelas di dalam al-Quran disebut [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Janganlah kamu menghampiri zina. [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Ia adalah satu perbuatan yang sangat keji dan jalan yang sangat jahat. Jadi adakah kementerian ataupun kerajaan mengambil satu sikap bahawa gejala sosial ini perlu ditangani secara komprehensif dan mengadakan satu makmal seperti kita buat bagaimana hendak menurunkan insiden jenayah jalanan dan tanggungjawabnya merentasi semua kementerian? Sekiranya dilakukan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Kita perlu mengadakan satu polisi. Soalnya adakah Kabinet membincangkan satu pelan tindakan komprehensif merentasi semua jabatan dan kementerian? Sekian, terima kasih.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja di atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Saya memang bersetuju bahawa pencegahan itu adalah lebih baik dan lebih berkesan. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, oleh sebab itulah – untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian kami melalui JKM dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah pun turut melaksanakan pelbagai usaha bagi menangani gejala ini iaitu melalui tindakan seperti berikut. Mungkin Yang Berhormat tidak mengetahui tentang perkara ini tetapi saya akan senaraikan iaitu:

- (i) Menyediakan perkhidmatan kaunseling;
- (ii) Bengkel Interaktif;
- (iii) Jawatankuasa Kebajikan Kanak-kanak Daerah;
- (iv) melaksanakan program kesedaran seperti pelaksanaan modul SmartStart, Modul Kasih, program *Parenting at Work*, modul *I am in Control* versi remaja dan versi ibu bapa serta Kursus Kemahiran Keibubapaan;
- (v) mewujudkan pusat aktiviti remaja kafe@Teen;
- (vi) melaksanakan Program Pengukuhan Nilai Keluarga; dan
- (vii) Program Kenali Anak Kita.

Di samping itu juga, untuk makluman Dewan yang mulia ini, LPPKN juga telah mula melaksanakan pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial bagi meningkatkan kefahaman dalam aspek seksualiti, pembentukan nilai sendiri dan perhubungan kekeluargaan antara gender terhadap pihak-pihak tertentu seperti institusi kebajikan, institusi pendidikan dan badan-badan bukan kerajaan. Sekian, terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya yakin kementerian ini tidak setuju dengan Konsert Adam Lambert di Stadium Bukit Jalil baru-baru ini, kerana dia bukannya ikon yang baik untuk anak-anak muda. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Kota Raja tadi sebut, [*Menyebut sepotong ayat al-Quran*]

Akan tetapi ikon yang ditonjolkan itu, yang ditunjukkan oleh penganjur, ia menjurus ke arah itu. Kalau ikon itu adalah ikon yang – minta maaf cakap – homoseks. Walaupun pihak penganjur dikenakan syarat-syarat tertentu supaya tidak ada adegan bercium di khalayak ramai dan sebagainya, tetapi ikon itu sebenarnya tidak sesuai untuk anak-anak muda. Jadi apakah kementerian Yang Berhormat mengusulkan sesuatu dan selepas ini memastikan bahawa perkara itu tidak berlaku lagi? Bermakna, kementerian menjurus ke arah itu. Tidak berlaku lagi pertunjukan-pertunjukan, konsert yang melibatkan ikon-ikon yang tidak sesuai langsung dengan anak-anak muda, lebih-lebih lagi jika ikon itu ikon yang berlatarbelakangkan seks. Sekian, terima kasih.

■1130

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat Ledang atas soalan tambahan yang dikemukakan. Untuk penyeliaan dari segi ikon-ikon bagi pertunjukan konsert ia adalah di bidang kuasa di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat setakat itu sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan untuk pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Peraturan Mesyuarat 18. Peraturan Mesyuarat.

Seorang Ahli: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Peraturan Mesyuarat.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bakri, Peraturan Mesyuarat berapa?

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: 18(1).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang ke berapa Yang Berhormat Bakri?

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Peraturan Mesyuarat 18(1). Usul yang saya kemukakan insiden kemalangan jalan raya negeri yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bakri.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: ...melibatkan bas ekspres, dicadangkan satu suruhanjaya diraja yang berkecuali perlu di..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat membaca usul.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, usul Yang Berhormat telah pun ditolak oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan dalam Kamar,...

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Ya, tetapi saya rasa ini yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: ...dalam Kamar.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Apabila sesuatu usul yang telah ditolak di dalam Kamar mengikut perkara 18(8) ia tidak boleh dibaca dalam Dewan.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Namun saya rasa ini sangat penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh Yang Berhormat Bakri. *If I allow you*, saya akan melanggar Peraturan 18(8) ini. Yang Berhormat buat *statement* kat luarlah perkara itu.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tidak apa.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Satu pertanyaan. Saya ingin tanya Tuan Yang di-Pertua, kenapakah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...yang sepanduk UMNO, Perhimpunan UMNO itu digantung di hadapan jalan Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *Nothing to do with this* Yang Berhormat, Yang Berhormat mengganggu perjalanan Mesyuarat Yang Berhormat. *Don't do that.*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *No, no, no.* Adakah Perhimpunan UMNO akan diadakan di bangunan Parlimen?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kita ada urusan Mesyuarat lagi penting.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Adakah ini akan diadakan di bangunan Parlimen?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Adakah DAP, lain kali bila kita buat perhimpunan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...kita boleh gantung sepanduk kita di luar Parlimen? Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini perlu dijawab.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Ketua Pembangkang hendak berucap, respeklah sedikit, hormatlah sedikit. Hormatlah dia hendak berucap.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Menteri jaga Parlimen.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya lah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Apakah lain kali PKR, DAP dan PAS...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ini peraturan apa? Peraturan apa ini? Duduk-duduk.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...kita boleh gantung sepanduk kita di luar Parlimen.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, mengikut.. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh, duduk.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta, minta penjelasan

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (NO. 2) 2010

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Kewangan 2007 dan Akta Kewangan 2009; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.32 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa, 19 Oktober 2010.”

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Sri Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2011****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2011**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2011 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada lima puluh satu bilion satu ratus lapan puluh satu juta lapan ratus sembilan puluh empat ribu ringgit (RM51,181,894,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2011, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2011, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 Tahun 2010, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersempena dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut.” **[15 Oktober 2010]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2011 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang. Masalah bahawa usul di atas nama Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk di bahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk membolehkan lebih ramai mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan ini saya ingin mengehadakan masa untuk Ketua Pembangkang tidak melebihi daripada 90 minit dan seorang wakil daripada Barisan Nasional untuk tidak lebih daripada 90 minit. Selepas itu Ahli-ahli Yang Berhormat yang

lain dihadkan masa tidak lebih 30 minit seorang. Sila Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

11.35 pg.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya juga mengulangi ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang telah membentangkan belanjawan pada hari Jumaat lalu. Belanjawan kali ini dibentangkan dalam suasana ekonomi yang lebih meyakinkan di peringkat dunia dari kemelesetan dan pertumbuhan rancak perdagangan dunia yang dijangka berkembang pada kadar 11.4% berbanding dengan penguncupan 11% bagi tahun 2009.

Walaupun begitu Malaysia dijangka tumbuh hanya pada kadar 7% bagi tahun 2010. Ini tidak begitu membanggakan kerana negeri Thailand jiran kita, walaupun bergelumbang dengan pelbagai kacau-bilau politik dan boikot sepanjang 2009-2010 dijangka tumbuh pada kadar 6.5% hingga 7.5%, setanding malah lebih baik dari kita. Singapura dijangka berkembang pada kadar 13% sehingga 15%, dua kali ganda lebih pantas dari kita dengan negara China mencatat untuk menandakan 9.9%. Indonesia yang tidak mengalami penguncupan pada tahun 2009 mengalami pertumbuhan 6% iaitu lebih besar dari 7% yang dijangka di capai oleh Malaysia kerana pertumbuhan Malaysia relatif kepada penguncupan tahun lalu, lebih lemah dan lembap dari Indonesia. Saya tekankan angka-angka ini Tuan Yang di-Pertua, kerana Yang Amat Berhormat Menteri cuba mempertikai dengan memilih data statistik yang lunak untuk menunjukkan keadaan sebaliknya.

Dalam laporan terbaru World Investment Report 2010, kemerosotan ketara dan kemasukan FDI dan peningkatan dalam pengaliran keluar FDI menunjukkan ketidakyakinan pelabur dalam ekonomi negara. Maknanya, dibandingkan di antara negara-negara ASEAN, Malaysialah satu-satu negara yang mengalami *negative in-flow*. FDI merosot 81% dari RM23.47 bilion pada tahun 2008 kepada RM4.43 bilion tahun 2009 berbanding dengan Thailand yang mencatat RM19.01 bilion dan Indonesia, RM19.08 bilion. Ini merupakan kemasukan FDI paling rendah sejak 20 tahun lalu selain tahun 2001 di mana negara mencatat kemasukan FDI RM1.54 bilion.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, di kalangan negara-negara ASEAN, Malaysia hanya lebih baik malah mengatasi Cambodia, Burma, Brunei, Laos dan Timor Leste. Negara-negara ASEAN lain, Indonesia, Filipina, Thailand, Vietnam dan Singapura semuanya mengatasi Malaysia dalam kemasukan FDI. Malah inilah tahun pertama dalam sejarah FDI Filipina mengatasi Malaysia. Malaysia tidak muncul dalam senarai 10 destinasi pelaburan terbaik untuk kemasukan pelabur asing tahun 2008-2009. Malah dikategori sebagai pasaran paling kurang diminati pelabur menurut laporan Bank of America dan Merrill Lynch yang terbaru. Kegagalan ini menjurus kepada keperluan perubahan dalam pengolahan pengurusan ekonomi negara dan kita tekankan soal *governance*, pengurusan urus tadbir yang baik dan cekap, bersih dari rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan kronisme, meningkatkan keupayaan dan daya saing dan ketiga, kepedulian terhadap nasib rakyat.

■1140

Dalam membahaskan soal permasalahan Belanjawan 2011 dengan belanjawan kerajaan RM211 bilion, kita dapati defisit masih di paras 5.6% buat tahun yang ke-13 walaupun defisit ini menurun berbanding dengan tahun 2009. Hasil kerajaan RM162 bilion masih bergantung 36% dari hasil minyak melalui Petronas, RM57.6 bilion.

Perkara yang membimbangkan ialah dengan kekurangan pelaburan, hutang meningkat. Hutang isi rumah, maknanya setiap keluarga di negara kita hutang isi rumah mencecah 77% daripada KDNK pada tahun 2009. Satu kadar yang tertinggi di sekitar rantau Asia. Ini adalah angka yang diberikan oleh pemandu. Ini kerana selalunya apabila Yang Berhormat Menteri apabila menjawab, dia kata kita pilih angka yang sesuai untuk kita. Jadi, oleh sebab itu pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, saya cuba ambil angka yang diguna pakai oleh kerajaan atau badan kerajaan, bukan oleh Yang Berhormat Menteri.

Ini berkaitan juga dengan masalah atau perbandingan apabila kita kaitkan di antara Malaysia dan Indonesia. Ini kerana ada satu persepsi bahawa ekonomi Indonesia itu semuanya malap dan dikaitkan dengan pekerja asing. Akan tetapi cuba kita lihat dalam kenyataan pertumbuhan dan kali ini saya tekankan soal hutang Indonesia berjaya mengurangkan hutang negara secara mendadak. Dahulu 77% nisbah hutang awam kepada KDNK. Ini cukup tinggi pada tahun 2001. Akan tetapi turun kepada 29% pada tahun 2009, kejayaan luar biasa. Cuba banding dengan kedudukan nisbah hutang di Malaysia. Di Malaysia, hutang awam kepada KDNK Malaysia bagi tahun 2009 berada pada paras 54% dan tidak ada penekanan dalam ucapan belanjawan yang cuba

menangani masalah hutang tersebut. Balanya akan ditanggung oleh rakyat dan generasi akan datang. Belanjawan 2011 berperuntukan sejumlah RM8.7% dari keseluruhan perbelanjaan mengurus sebagai caj perkhidmatan hutang.

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf. Sebentar dahulu Yang Berhormat Permatang Pauh. Ada suara-suara lain yang saya dengar. Sila *technician* betulkan itu sewaktu Yang Berhormat Permatang Pauh berucap. Sila.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Jumlah membayar faedah dan pelbagai tanggungan hutang pada kadar itu tidak jauh berbeza dari bayaran subsidi kepada rakyat 11.2% dari keseluruhan perbelanjaan mengurus. Oleh sebab itu dalam pembentangan belanjawan apabila pembaziran tidak ditangani, soal rasuah tidak dihiraukan, projek mega yang diberikan keutamaan, tentunya masalah kepedulian terhadap rakyat itu terabai. Yang Berhormat Perdana Menteri mengisytiharkan seolah-olah rasa tidak senang malah perang terhadap subsidi rakyat. Mengurangkan 5 sen subsidi dari setiap liter minyak yang dibeli oleh rakyat. 20 sen subsidi setiap sekilogram gula atau gandum yang menjadi perbelanjaan isi rumah.

Malah, Belanjawan 2011 meletakkan belanja subsidi yang lebih rendah dari 2010. Rakyat dibebankan dan projek-projek yang tidak memberi faedah langsung kepada negara atau rakyat yang diberikan keutamaan. Oleh sebab itu, saya mengusulkan sekali lagi supaya kerajaan membentangkan cara terperinci bagaimana dapat menangani masalah hutang negara dalam masa lima tahun akan datang agar kita boleh mengurangkan defisit dan memberi fokus memotong perbelanjaan, mengurangkan pembaziran dan ketirisan seperti mana yang disebut dalam laporan PEMANDU sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, kehairahan projek simbol mega untuk menunjukkan kebanggaan itu nampak diulang semula di bawah pentadbiran Yang Berhormat Perdana Menteri yang ada. Malah, keutamaan projek fizikal sehingga meletakkan bebannya kepada PNB. Warisan Merdeka 100 tingkat RM5 bilion, KLIFD RM26 bilion, tanah Sungai Buloh RM10 bilion dan penyerahan tanah kritikal berharga Sungai Besi pada 1Malaysia Development Berhad dan Jho Low. Malaysia mengalami pelbagai kisah pahit dalam proses penswastaan.

Tuan Yang di-Pertua, jangan buat andaian apa yang diumumkan kalau projek itu RM10 bilion akan kekal RM10 bilion. Kita lihat bagaimana permasalahan Perwaja sehingga tanggungan RM11 bilion? Bagaimana Projek Lebuhraya Utara Selatan? Semuanya akhirnya balik kepada kerajaan ambil alih syarikat itu dan bebannya kepada

rakyat. Jikalau kita masih ingat, bagaimana kerajaan terpaksa membayar kepada PLUS satu jumlah pampasan yang cukup tinggi. Oleh sebab itulah kita harus lebih teliti dan berhati-hati apabila kita membicarakan soal projek mega ini. Kita tahu di antara kelompok terkaya baik Melayu, Cina atau India yang tersenarai, kebanyakan mereka diberikan anugerah muda sama ada IPP, penswastaaan atau pun lesen judi. Kerajaan memberikan kemudahan ini untuk mempertahankan sistem *patronise* dan *rent seeking* menjamin supaya tauke-tauke besar bumiputera dan bukan bumiputera ini diberikan faedah termasuk atas nama penswastaaan tanpa ketelusan atau transparansi.

Kita lihat umpamanya IPP, TOTO, TNB, TM, MISC, PLUS dan yang lain-lain. Kemudian, apabila rugi kita nasionalisasikan, MISC, PUTRA, STAR LRT, RENONG, UEM, MAS, dan lain-lain. Jadi, ada yang berlaku ialah fenomena baru. Apabila untung diswastakan dan apabila rugi dinasionalisasikan. Oleh sebab itulah mentransformasikan ekonomi istilah direktorialnya menarik. ETP, GTP, NKRA, SRA dan semua. Sekarang ini zaman retorik slogan yang cukup menarik tetapi rasuah pun bertambah juga, penyelewengan berlaku, subsidi ditarik, dan keuntungan syarikat kroni bertambah.

Oleh sebab itu, kita harus melihat di secara serius apakah benar ada kesungguhan daripada pihak kerajaan memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada? Kita lihat umpamanya pengumuman terakhir keputusan mengambil alih kepentingan minoriti dalam PLUS dan UEM, maaf. Kos pembelian syarikat ini dan keputusan Khazanah dengan satu lagi lain syarikat RM23 bilion ini, kita ingin bertanya Kementerian Kewangan apakah rasionalisasinya?

■1150

Apa faedah dan kesan komersialnya? Apa *synergetic value* mengambil saham syarikat di kalangan minoriti? Kalau sekadar memberikan faedah kepada satu kelompok kecil harus dijelaskan di Parlimen.

Akan tetapi kebimbangan kita ini adalah satu langkah sementara kerana kerajaan mempunyai strategi untuk memindahkan semula kepada syarikat berkepentingan lainnya. Itu soal Khazanah dan PLUS. Sekarang - Warisan Merdeka. Kita baru melihat pembinaan Menara Berkembar Petronas RM6 bilion, ini tidak termasuk RM900 juta - kos tanah; RM200 juta – KLCC; Dewan Filharmonik - RM500 juta; dan lain-lain. Oleh sebab itu dalam ucapan Belanjawan 2011, Perdana Menteri menyebut betapa bangga kerana semua orang tahu tentang menara berkembar dan sebab itulah beliau mahu juga satu legasi baru tentang menara baru ini.

Soalnya, apakah keutamaan PNB? Permodalan Nasional Berhad (PNB) dibentuk untuk membantu mengangkat taraf ekonomi perniagaan, kepentingan, *manage* portfolio pelaburan - seolah-olah *investment manager* untuk menjaga kepentingan bumiputera. PNB sekarang melalui anak syarikatnya tunjukkan prestasi yang membimbangkan. Sime Darby yang sepatutnya mempertahankan kepentingan bumiputera kerugian RM1.646 bilion. Siapa yang bertanggungjawab? Mana kajiannya? Bagaimana bumiputera? Mana ia suara jaguh-jaguh Melayu? Apabila syarikat diamanahkan untuk menjaga kepentingan Melayu mencatat kerugian RM1.646 bilion, mana ada suara untuk mempertahankan kepentingan Melayu dengan jumlah yang banyak!

Tuan Yang di-Pertua, RM1.646 bilion bukan jumlah yang kecil tetapi oleh kerana kepentingan yang melibatkan kepentingan orang-orang yang ada kuasa dengan parti yang berkuasa, ini didiamkan sahaja. Sekarang projek baru - PNB sefaham saya pernah duduk dalam Yayasan Pelaburan Bumiputera sebagai Timbalan Pengerusi tahu bahawa kekuatannya ialah *investment portfolio* bukan *property manager*. Kita bimbang kerana pendekatan ini tidak akan mengoptimumkan dana rakyat, apatah lagi kerana apabila dipilih orang yang ada prioriti syarikat - kepentingan. Siapa yang akan untung dengan pelaburan besar untuk bangunan 100 tingkat? Tidak bolehkah ditumpukan PNB ini untuk mengangkat program SME, SMI di kalangan bumiputera berselerak di seluruh negara untuk memastikan kedudukan mereka lebih lumayan. *[Tepuk]*

Siapa ia arkitek? Tentu arkitek terkemuka dunia. Siapa ia kontraktor? Pasti kroni utama. Jadi akhirnya atas nama bumiputera, kepentingan bumiputera dirompak hanya untuk memberikan satu imej, gambaran dan lambang yang baik, yang hebat daripada pemimpin tetapi tidak bumiputera keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Laluan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Permatang Pauh, terima kasih.

Apakah Yang Berhormat Permatang Pauh bersetuju bahawa kelihatannya kerajaan mempunyai masalah dalam meletakkan urutan keutamaan - *awlawiyat*. Dalam Dewan ini misalnya kita pernah diberikan angka contoh oleh Kementerian Pelajaran. Daripada 10,000 sekolah di negara kita, menengah dan rendah ada 2,000 yang dikategorikan sebagai sekolah daif. Daif maknanya tidak ada padang permainan, tidak ada makmal, tidak ada kantin, tidak ada bekalan elektrik yang cukup, tidak ada bekalan air bersih. Kebanyakannya di Sabah dan Sarawak dan sebahagiannya di Pahang

sendiri. Apa manfaatnya RM5 bilion Menara Warisan kepada 2,000 sekolah daif? Itu satu contoh.

Contoh yang kedua, melengkapkan prasarana desa masih menjadi keutamaan di negara kita. Apa untungnya RM5 bilion Menara Warisan pada pandangan Yang Berhormat Permatang Pauh, kalau misalnya jalan dari Kuala Krai ke Kota Bharu yang sudah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dikeluarkan - dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh sudah tidak nampak bayang lagi. Di kawasan saya Yang Berhormat - apakah Yang Berhormat tahu bahawa ada makcik dan pakcik yang tinggal di pedalaman bila pergi ke hospital untuk mendapatkan rawatan, selesai rawatan doktor pergi ke farmasi, tunjukkan resit ubat, diberitahu bahawa bekalan ubat habis - datang balik makcik seminggu. Itu pun kalau makcik itu hidup lagi. Lalu di sana diagihkan secara kecil-kecilan.

Elaun pengerusi JKK naik, itu disambut tepukan gemuruh. Elaun imam naik. Kemudian sekolah agama rakyat kali ini naik RM90 juta. Dahulu tidak ada langsung, zaman bekas Perdana Menteri dahulu tidak ada. Katanya sekolah agama rakyat ini tempat membiakkan *terrorist* - mengajar anak-anak membenci kerajaan. Kali ini sudah ada peruntukan lebih kurang RM90 juta. Itu menunjukkan bagaimana pertimbangan waktu itu pertimbangan politik.

Saya boleh senaraikan panjang bagaimana banyak urusan sebenarnya melibatkan kebajikan rakyat di luar sana yang belum terjawab, tetapi Perdana Menteri saat membentangkan belanjawan berbangga mengisytiharkan menara tinggi 100 kaki dengan perbelanjaan RM5 bilion... 100 tingkat - 100 kaki rendahlah. Ini urusan keutamaan, meletakkan keutamaan, mana dahulu hendaknya. Katanya maklum balas buat bajet itu kerana dapat maklum balas daripada rakyat. Makmal sana, makmal sini. - rakyat bagi maklum balas.

Saya tidak tahu rakyat mana yang bagi maklum balas untuk potongan pakaian malam, seluar dalam. Saya tidak fikirlah orang saya di Machang itu teringin hendak beli benda-benda 'lagu' ini dengan menikmati harga potongan. Maklum balas rakyat yang mana sebenarnya? Jadi tumpuan saya tadi ialah apakah Yang Berhormat bisa mengulas terus soal urutan keutamaan ini kelihatannya pemerintah ada masalah. Tidak meletakkan sasaran atau tumpuan kepada isu yang sewajarnya.

Point saya yang terakhir untuk komen Yang Berhormat ialah kita tidak memilih. Kalau salah petik nanti dia kata selektif, pilih yang sesuai dengan kita. Ini jawapan Menteri MITI beberapa hari lepas. 40% daripada rakyat negara ini pendapatan isi

rumahnya RM1,500 ke bawah - ini Jabatan Perangkaan Malaysia. 75% daripadanya ialah orang Melayu, keluarga Melayu. Agak-agak Yang Berhormat, RM5 bilion menara 100 tingkat ini boleh selesai atau tiak masalah RM1,500 pendapatan isi rumah yang melibatkan 40% rakyat Malaysia? Terima kasih.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Machang. Seperti mana yang saya sebutkan tadi saya mempertikai kebijaksanaan PNB, badan yang diamanahkan untuk menjaga kepentingan bumiputera diarah oleh Kerajaan UMNO untuk melibatkan diri dalam satu projek raksasa mega sebagai tanda megah. Walhal hasil jumlah wang begitu kalau untuk menjawab spesifik soal *awlawiyat* - keutamaan ini. Kalau dibangunkan sekolah - purata satu sekolah, sebuah sekolah berharga RM3 juta, ia boleh memanfaatkan 1,667 buah sekolah.

■1200

Akan tetapi itu tidak penting, dan yang penting ialah mercu tanda yang harus membanggakan. Saya masih ingat masa saya muda baca keterangan rusuh pemikir Perancis yang mengatakan di antara lain mengulangi apa yang pernah diimbau oleh Abd al-Rahman ibn Khaldun dalam mukadimah. "*Keghairahan pihak penguasa untuk mempamerkan kemegahan, kemewahan, gedung-gedung mercu tanda hebat itu juga petanda runtuhnya empayar mereka*". Kita doakan sedemikian, *Insyallah. [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, projek-projek yang diumumkan, belanjawan yang saya ikuti atau terlibat dan kali ini mendengar - ini belanjawan yang bukan melihat kepada kerangka ekonomi perbaiki daya saing, kurangkan beban hutang, turunkan defisit, tetapi belanjawan yang menunjukkan hebatnya kita dengan projek-projek puluh-puluh bilion yang besar-besar menjadi senarai projek raksasa yang sebenarnya selalunya tidak dikaitkan sangat dengan belanjawan tahunan dan dikaitkan dengan rancangan Malaysia lima tahun dan sebagainya. Oleh sebab itu kita harus imbau sedikit tentang projek yang diumumkan MRT berbanding dengan kegagalan yang lalu boleh diumumkan bunyinya lunak. Kita ambil contoh, pembinaan LRT Putra dan STAR RM13.5 bilion, Kendalian Renung UEM kemudian satu lagi KWSP, Tabung Haji, Taylor Woodrow. keadaan tenat.

Tahun 1999, kerajaan suntik RM600 juta. Tahun 2001, kerajaan mengesahkan akan ambil alih Putra dan STAR melalui pengeluaran bon sebanyak RM6 bilion. Jadi kita swastakan kemudian kita tanggung RM6 bilion. Sehingga Mac tahun tersebut, kedua-dua syarikat mengalami kerugian RM5.5 bilion. Bunyi lunak dan boleh mengkhayalkan kerana media dikuasai oleh pemerintah. Jadi teguran, peringatan tentang apa yang berlaku dahulu pada STAR, LRT PUTRA, Perwaja, Projek Bakun itu

tidak disiarkan, yang disiarkan hanya impian tentang mercu tanda yang akan membanggakan. Jadi orang daripada Ceruk Tok Kun, Lahat....., Lahat Datu datang...

Seorang Ahli: Ceruk Kudung.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: *[Ketawa]* Ceruk Kudung - dan bangga melihat gedung walaupun dia hidup merempat dalam kemiskinan. Oleh sebab itu kerja kajian-kajian teknikal projek MRT ini mula dengan kos RM40 bilion - Gamuda dan MMC, tetapi tanpa bidaan terbuka. Jadi kita tidak tahu kos sebenarnya kerana kecenderungan menganugerahkan projek tanpa suatu proses tender yang telus.

Saya percaya walaupun disebut dengan pelbagai slogan-slogan baru tentang ketelusan, cara dan kaedah yang sama dibuat apatah lagi menjelang pilihan raya kerana dana diperlukan untuk membeli undi dan pengaruh. Umpamanya beberapa projek baru diumumkan dan kita dukung macam jana kuasa Kitar Padu Gas di Kimanis itu diperlukan serta beberapa projek di Sabah Sarawak. Akan tetapi soal yang dibangkitkan seperti mana apa yang berlaku di Bakun dan terus menerus sehingga sekarang yang membimbangkan sehingga sekarang umpamanya Sarawak Energy Bhd difahamkan, ini memohon pengesahan. Sarawak Energy Berhad menawarkan RM6.3 bilion untuk memperoleh Empangan Bakun.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pokok Sena Yang Berhormat.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ini RM1 bilion lebih kurang daripada kos pembinaan Bakun. Jadi perundingan penjualan dibuat dan ini bercanggah dengan jaminan mentransformasikan ekonomi negara seperti yang diumumkan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Saya hendak bertanya berkaitan dengan MRT ini. Sebelum itu saya hendak komen sedikit apa yang disebut tadi mempersoalkan bangunan 100 tingkat itu. Akan tetapi saya ada satu pemikiran yang agak bersangka baik pada kerajaan. Paling tidaknya dengan mengekalkan Stadium Merdeka, bangunan 100 tingkat, kalau tidak hendak orang hendak duduk pun, kita boleh buat pusat pameran seluar dalam dunia. *[Ketawa]* Jadi kita boleh ambil tempat Guang Zhao.

Saya hendak tanya berkenaan MRT ini, saya ada membaca berkaitan dengan soal kajian tentang daya maju projek. Mengikut pengerusi SPAD iaitu Yang Berhormat Kota Tinggi bahawa kajian tersebut hanya akan siap pertengahan bulan ini sedangkan belanjawan sudah pun dibentang bahawa kita hendak buat MRT dengan keadaan kita

sendiri tidak tahu apakah keputusan rumusan berkaitan dengan kajian Projek daya Maju, itu satu. Keduanya dalam laporan ekonomi ini dalam muka surat 19, SPAD akan menyediakan pelan induk pengangkutan awam darat. Maknanya kita tidak ada satu pelan induk satu *master plan* berkaitan dengan pengangkutan darat.

Maknanya kita buat sesuatu itu kita buat MRT, kita buat LRT dahulu ini, kita buat lebuhraya hendak buat banyak pula dalam ini serta sambung LRT lagi dan sebagainya dalam keadaan tidak ada satu *master plan*. Jadi bagaimana pelaksanaan projek yang memakan belanja RM40 bilion ini yang dibuat dalam keadaan tidak ada satu *master plan* yang jelas. Jadi apa akan jadi kepada negara kita selepas ini akan ada pula masalah trafik jam. Akhirnya bangunan di Kuala Lumpur ini akan berlaku dalam keadaan pembangunan yang 'berceragah' orang Kedah kata. Maknanya kita tidak menyelesaikan masalah berasaskan kepada satu *master plan* yang lebih menyeluruh. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Ini sebab mengapa proses pembidaan telus tidak ada kerana hal-hal ini akan dipertikai. Saya akan rujuk perkara itu bersama dengan status 1Malaysia Berhad dan juga kontrak pembinaan Istana Negara. Proses yang sama. 10 tahun yang lalu, lima tahun yang lalu, tahun lalu dan kita percaya tidak ada jaminan tegas yang kita dengar daripada Menteri Kewangan semua bentuk kecurangan memberi tender kepada syarikat yang statusnya yang buruk dan jelak tanpa *master plan* tanpa tender proses yang terbuka. Tidak ada jaminan itu. Hanya kenyataan lunak apabila di New York, *transparent yes, accountability yes*. Balik cara rompak lama diteruskan dan ini ada kesannya dan saya aneh kerana rakan-rakan ahli Yang Berhormat dari UMNO Barisan Nasional dia tidak jadi masalah sangat. Umpamanya Bakun kita kata rugi RM9 bilion, Perwaja pula RM90.9 bilion tanggungan, dia tidak kesal tidak ada masalah. Bakun akan rugi tidak ada Ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional Sarawak yang rasa ini tanggungjawabnya hendak betulkan kerana kalau wang itu boleh diagih dan dipindah kepada rakyat Sarawak, itu satu yang boleh menyelesaikan masalah yang menghimpit kehidupan mereka.

Akan tetapi ini semua berkaitan dengan cara pentadbiran sekarang iaitu hampir semua kuasa dipusatkan di Jabatan Perdana Menteri. Kalau lihat sejak merdeka, inilah kali pertama kita lihat pemusatan itu berlebihan. Umpamanya sekarang ini Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP), itu pun di bawah Jabatan Perdana Menteri. Lesen kereta, Jabatan Perdana Menteri jaga lesen teksi, apa benda kerjanya?

Maknanya sama ada tidak percaya kepada kementerian dan Menteri yang berkenaan ataupun ada kecenderungan untuk mengambil alih kuasa, melanggar semangat Demokrasi Berparlimen dengan memusatkan sebagai jawatan presiden.

■1210

Perbelanjaan pembangunan JPM bermula dari tahun 2008 hingga 2011 meningkat dengan drastik sejak Perdana Menteri yang ada sekarang, kenaikannya itu jauh tinggi. Kalau kita lihat umpamanya, 2007 – RM6.8 bilion dan 2011 – RM15.8 bilion. Maknanya tiga kali ganda dari 2007 sehingga 2011. Kalau banding dengan kementerian lain, jauh lebih kurang.

Merujuk kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena tadi, saya bawa 1Malaysia Development Berhad. Kita buat semakan carian dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Setakat 17 Ogos 2010, 1Malaysia Development Berhad, percaya atau tidak 17 Ogos tahun ini, selepas Perdana Menteri mengumumkan projek raksasa kepada 1Malaysia Berhad, Jho Low ini. Saya bukan cemburu dia dengan Paris Hilton [*Ketawa*] tetapi saya hendak sebut di sini masalah yang menyentuh kepentingan kita. Apa dia? Sehingga 17 Ogos 2010 mengikut semakan carian dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, 1MDB tidak mempunyai alamat perniagaan dan tidak ada juruaudit yang dilantik.

Seorang Ahli: Mana boleh.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Malah ketua pegawai eksekutifnya melaporkan hanya pada 12 Oktober yang lalu, beberapa hari sebelum ucapan belanjawan mencatat keuntungan RM425 juta dan ada juruaudit dilantik. Akan tetapi soalnya boleh kita lulus projek berpuluh bilion, kepentingan nasional di Sungai Besi kepada satu syarikat yang begini statusnya? Apakah kepentingan Perdana Menteri dengan syarikat ini dan orang ini? [*Tepuk*]

1MDB mulakan operasi sebagai Pihak Berkuasa Pelaburan Terengganu. Pembiayaan bon jaminan kerajaan RM5 bilion pada tahun 2009. Kerajaan Negeri Terengganu tarik diri dari untuk menyumbang RM6 bilion hasil wang royalti petroleum kepada 1MDB. Pembiayaan bon bernilai RM5 bilion terbabit mewajibkan MDB melakukan pembayaran faedah sebanyak RM287.5 juta setahun, dalam tempoh 30 tahun tetapi apa yang saya hendak tekankan ialah *lack of transparency* ini berbeza dengan pengumuman berjela-jela oleh Dato' Sri Idris Jala sebagai Menteri yang berkenaan. Panjang jaminannya tetapi pelaksanaannya kita lihat amat teruk sekali.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga harus imbau sedikit status koridor ini, kalau tidak mengenangkan jasa, semangat dan impian koridor bekas Perdana Menteri, Yang Berhormat Kepala Batas ini. Koridor-koridor yang jumlahnya puluh-puluh bilion dan kita dengar Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk dari Barisan Nasional juga yang mengeluh kerana sudah diumumkan berpuluh-puluh bilion tetapi pelaksanaannya dan pelaburannya sangat rendah dan jauh dari sasaran. Akan tetapi jumlah belanja untuk insentif koridor wilayah ini mencecah atau diperuntukkan RM6 bilion.

Dalam Belanjawan 2011 pembangunan koridor disentuh. RM850 juta disalurkan untuk pembangunan infrastruktur tetapi status semuanya *work in progress*, tanpa ada suatu penilaian pemantauan yang teliti. Diumumkan juga satu lagi Unit Inovasi Khas (UNIK) di bawah Jabatan Perdana Menteri. Pusat Inovasi Kebangsaan atau NIC hanya menambah birokrasi termasuk hal yang seharusnya di bawah MOSTI, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, satu lagi institusi di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Oleh sebab itu kita lihat usaha-usaha menambah institusi dan peruntukan tidak mencapai sasaran kerana kelemahan-kelemahan berikut, *over centralization of power* dengan izin di satu jabatan. Jabatan Perdana Menteri mengambil alih tugas pemantauan dari kementerian-kementerian, pengangkutan, sains dan lain-lain dengan tanpa menunjukkan keupayaan meningkatkan prestasi dan pemantauan berkesan.

Satu lagi perkara yang ditekankan ialah tentang Perbadanan Bakat. Hari ini kalau kita lihat dan ini diulang oleh Menteri-menteri dalam ucapan, bagaimana masalah perkembangan ekonomi negara, terpaksa menghadapi cabaran, modal insan yang lemah, kurangnya sinergi dalam pendidikan dan pembangunan (R&D) antara makmal dan industri serta peningkatan kapasiti teknologi yang terlalu perlahan. Jadi Malaysia harus lebih pantas menuju ke arah pembangunan kemahiran manusia.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Minta penjelasan sedikit.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Sekali lagi penubuhan Perbadanan bakat ini juga di bawah JPM dan disebut dalam belanjawan, harganya RM30 juta dan menurut bank dunia, bilangan rakyat Malaysia yang berhijrah ke luar negara meningkat 100 kali ganda seramai 9,576 orang pada tahun 1960 kepada 1.49 juta pada tahun 2005. Manakala bilangan penyelidik, saintis dan jurutera yang bekerja di negara-negara OECD dianggarkan seramai 20,000 – 40% berkhidmat di Amerika Syarikat.

Jadi ini yang disebut daripada 2009, Majlis Penasihat Bakat dalam Program Brain Grain, Returning Scientist Program dan Returning Malaysia Expert Program tetapi

tidak memberikan kesan dan manfaat. Oleh sebab itu ditubuhkan Perbadanan Bakat tetapi isunya sekali lagi disebut isu *governance*, isu kelemahan *governance* dan kurang daya tarikan sehinggakan *brain gain* itu menjadi satu masalah besar.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih ketua pembangkang. Saya ingin membawa ketua pembangkang mundur sedikit ke isu pembangunan koridor-koridor semasa di bawah pentadbiran Yang Berhormat Kepala Batas dahulu. Koridor-koridor ini merupakan antara pemikiran nobel dan inovatif beliau bagi membangunkan kawasan-kawasan yang kita anggap ketinggalan dalam pembangunan.

Dalam bajet yang baru ini Menteri Kewangan dan Perdana Menteri menyentuh koridor ini seperti mana yang disebut oleh ketua pembangkang, mungkin untuk mengambil hati Yang Berhormat Kepala Batas yang hadir dalam pembentangan tersebut. Namun seperti kita lihat pembahagian bajet kepada wilayah-wilayah tersebut adalah begitu kecil contohnya yang ada kepentingan kepada kami, Wilayah Ekonomi Pantai Timur yang diperuntukkan RM178 juta dan ada disebut beberapa projek yang berkenaan. Sedangkan kita mengetahui untuk membangunkan wilayah seperti ini, pembangunan infrastrukturnya harus dikedepankan. Tadi Yang Berhormat Machang ada menyebut mengenai lebuh raya baru Kuala Krai-Kota Bharu yang mulanya disisih kemudian dihilangkan terus dalam RMKe-10.

■1220

Ini tidak diberikan penekanan langsung. Dua hari lepas Menteri MITI dalam diskusinya dengan pengusaha-pengusaha di kawasan perindustrian Pengkalan Chepa mengambil peluang untuk menyindir kerajaan negeri. Kalau katanya tidak sediakan elektrik, jalan raya, bekalan air, maka kawasan industri tersebut akan mengalami kerugian dan negara akan rugi. Akan tetapi bagaimana patutnya Kerajaan Pusat yang mempunyai dana yang begitu besar tidak langsung memberikan perhatian apabila ditegur oleh Tumpat bahawa Kelantan disisihkan dalam bajet, dengan segera mereka menjawab bahawa tidak. Ada RM600 juta dan sebagainya diperuntukkan, termasuklah projek-projek biasa yang memang kita sudah jangkakan. Jadi, adakah pandangan Permatang Pauh, Ketua Pembangkang bahawa sebutan mengenai pembangunan wilayah ekonomi oleh Menteri Kewangan yang ada ini benar-benar serius atau hanya sebagai mengisi ucapan untuk melengkapkan sahaja tanpa diberikan satu perhatian yang penting kepada wilayah yang perlu dibangunkan ini. Minta penjelasan.

Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]: Boleh saya sambung sedikit, Tuan Yang di-Pertua? Berkaitan dengan apa yang disebut oleh Kuala Krai, khusus tentang projek pembangunan di Kelantan. Saya telah bertanya dalam sesi Parlimen yang lalu tentang cadangan untuk menyambung landasan kapal terbang di Pengkalan Chepa yang mengikut maklumat ketika itu dan kekal sekarang oleh juruterbang, *pilot* AirAsia yang mengatakan bahawa pesawat AirAsia, *Airbus A320* lebih besar dan berat daripada pesawat Boeing 737 dan memerlukan landasan yang lebih panjang untuk keselesaan, bahkan keselamatan penerbangan itu sendiri.

Menteri Pengangkutan ketika itu menjawab bahawa iaitu sebelum bulan Jun 2010 itu bahawa projek itu akan bermula pada Jun 2010. Hingga hari ini, sudah bulan Oktober, kita tidak nampak apa-apa perkembangan pembangunan, penambahan landasan di Pengkalan Chepa dan Yang Berhormat Menteri MITI berunding dan berbicara dengan pengusaha-pengusaha di Pengkalan Chepa itu sendiri dan salah satu yang boleh menarik pelabur-pelabur, antara lain selain daripada yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai tadi ialah lapangan terbang atau landasan itu sendiri yang sudah dijanjikan pun pada bulan Jun 2010 akan dibina, hingga hari ini tidak ada. Jadi ini jelas memohon panduan daripada Ketua Pembangkang tentang bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah seperti ini. Terima kasih.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soal infrastruktur ini, terutama di desa, pedalaman, luar bandar sebenarnya serius. Yang Berhormat Kuala Krai dan Yang Berhormat Tumpat menyentuh Kelantan. Masalah di Pulau Pinang ini pun, Hospital Bukit Mertajam, Hospital Seberang Jaya – kebetulan saya sering singgah – kalau Hospital Seberang Jaya itu keadaannya 15 tahun tidak ada kemudahan tambahan kerana Menteri-menteri Kabinet dan Perdana Menteri hendak tumpu yang 100 tingkat, mercu tanda yang hebat dan projek mega. Itu keutamaan yang lebih besar. Dekat pilihan raya mungkinlah satu, dua projek kecil-kecilan ditambah.

Jadi sebab itu pendekatan, kita sebut tadi kerangka pembangunan mesti selain daripada meningkat daya saing, bawa pelaburan, mesti ada kepedulian tentang masalah rakyat. Bukan setakat bagi RM100 atau RM200 subsidi tetapi kepedulian supaya ada pengagihan yang adil dan pembangunan yang lebih merata dan tidak seperti mana yang ada sekarang kerana kemudahan *basic*, mutu pendidikan yang baik, mutu kesihatan yang baik belum lagi terjamin walaupun kita uar-uarkan dan gah dengan pengumuman-pengumuman yang hebat.

Bila Yang Berhormat Tumpat sebut pengumuman Menteri lakukan, laksanakan, tanya lebih baik di Sabah dan Sarawak itu. Umum ini, projek bukan main hebat, tetapi pelaksanaannya tidak ke mana. Ini kalau dekat Galas nanti, 15 projek baru, Batu Sapi, 25 projek baru, tetapi akan dilaksanakan pada tahun 2025. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut tentang projek-projek baru ini kerana yang disebut dalam ucapan belanjawan dan kertas pembangunan ini, termasuklah empat lebuh raya baru, Projek Sungai Buloh yang melibatkan KWSP, sekali lagi rundingan terus membangunkan tanah Lembaga Getah Malaysia seluas 1,335 hektar. Menteri Kewangan memberikan alasan bahawa aturan tersebut dapat memfailkan lebih 12 juta pencarum KWSP, tetapi seperti mana kita tahu KWSP sebagai badan di bawah kerajaan akan diarah memberikan kepada syarikat yang berkepentingan, dengan kos yang meningkat dan akhirnya pulangan kepada pencarum itu tidak seperti mana yang dijanjikan.

Lihat sahajalah projek-projek tahun-tahun yang sebelumnya dan saya yakin hal yang sedemikian tidak berubah. Sebab itu kita hendak pastikan bahawa cara dan amalan memberikan projek penswastaan ini tanpa proses tender, pembidaan yang telus itu tidak akan menguntungkan rakyat. Saya pernah sebut dalam ucapan sebelum ini, meminjam nukil pandangan pakar ekonomi, Mancur Olson yang menyebut tentang rompakan lama pada zaman feudal dan rompakan canggih zaman baru. Dahulu dia rompak sekali gus, satu hari – barang pertanian, kemudahan-kemudahan, ayam, itik, kambing – dia hilang. Tahun berikutnya dia datang. Hari ini rompakan yang canggih ini atas nama penswastaan, itu berterusan kerana tol yang dikutip tiap minit.

Jadi rompakan itu sekarang lebih parah, lebih berkesan dan lebih menghimpit hidup manusia. *“Modern form of robbery more insidious than real robbers of the past.”* Bukan pendapat saya, Kinabatangan. Ini saya hanya mengutip kata seorang pakar ekonomi, Mancur Olson. Jika tidak setuju, boleh sanggah dia, jangan sanggah saya.

Sama juga sekarang ini kita bicara soal Sungai Besi, 1Malaysia Development Berhad dengan Mubadalah. Bunyinya hebat, hendak bangunkan Kuala Lumpur International Financial District untuk menutup fasad, untuk menutup keputusan Perdana Menteri, Menteri Kewangan menyerahkan projek ini kepada Jho Low dan tanpa proses tender. Saya tidak faham apa peranan Pengerusi PAC yang mendengar tetapi tidak dapat mengambil keputusan tegas dalam hal-hal yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga belum ada satu penyelesaian yang baik dalam soal pembangunan Kampung Baru. Kita bangkitkan dahulu tentang pembangunan

tanah KTMB dengan Pelaburan Hartanah Bumiputera Berhad. PPHB peroleh tanah tersebut harga RM50 juta, walhal Jabatan Perkhidmatan Penilaian Hartanah menganggarkan nilai tersebut, harga RM300 juta hingga RM350 juta pada tahun 2006. Ini yang membimbangkan kita.

Bila diluluskan, akhirnya pembangunan itu memberikan sebahagian, bukan tidak langsung sebahagian daripada penduduk tempatan, kebanyakannya Melayu dan India. Orang lama yang tinggal di situ, orang miskin tetapi tidak diberikan tempat tinggal yang munasabah. Ini yang berlaku atas nama penswastan memperkayakan syarikat yang sudah kaya dan menyebabkan masyarakat miskin tidak mendapat rumah yang selesa.

Saya sebut tadi, Istana Negara, kerana Ahli Yang Berhormat dari UMNO mengatakan, menyentuh isu Istana Negara ini menunjukkan kita tidak taat setia kepada Raja. Ini saya peliklah, Tuan Yang di-Pertua. Boleh fikir tahun 2010, orang saya fikir kalau kita baca hikayat-hikayat lama, hikayat Hang Tuah kah, cerita tentang Tun Sri Lanang, ada teguran membina dan membangun.

■1230

Dalam kes ini, tidak ada kena-mengena dengan institusi Raja. Ini saya hendak sebut ini takut *Utusan Malaysia* dia tidak berapa faham kerana tahap bahasa, penguasaan bahasa dia lemah. Tidak ada kena-mengena dengan institusi Raja, tidak ada siapa pertikai pembangunan Istana Negara. Apa yang kita pertikai ini, apa dia? Cadangan kos, cadangan kos itu harga diberi, dikemukakan oleh syarikat namanya Maya Maju (Malaysia) Sdn. Bhd. Siapa yang punya? Bekas Bendahari UMNO Merbok. *[Dewan riuh]*

Tanya Yang Berhormat Menteri, dia faham. Baik, selepas dia minta Tuan Yang di-Pertua, harga ditawarkan oleh JKR. Ini rundingan terus, rundingan terus. Syarikat kemukakan, RM394.8 juta. Selepas runding, runding, runding atas meja, bawah meja, tepi, tengah semua *[Ketawa]* lulus projek itu RM649 juta – 650. Baik, kontrak ditawarkan pada 26 Oktober. Baik, kos meningkat selepas itu daripada RM650 juta menjadi RM811 juta. Ada sebab kerana *upgrading* Jalan Changkat-Semantan yang diberikan kepada Syarikat Ahmad Zaki. Apa isu dia? Tidak ada tender. Sebab tidak ada tender inilah yang dipertahankan oleh Kerajaan UMNO Barisan Nasional yang menyebabkan kos ditanggung oleh rakyat.

Baik, apa status syarikat ini? Semasa dapat tawaran ini, syarikat ini ditakrif bukan oleh saya, oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia syarikat ini maksud takrif domain. Bukan “*doormen*”, *domain company*. Ini bermakna syarikat itu tidak menjalankan apa-

apa kegiatan perniagaan. Tidak mempunyai *track record* dan pengalaman dalam pembangunan dan pembinaan. Tugasnya apa? Bina Istana Negara. Apa syarikat? Domain. Siapa punya? Bendahari UMNO – Yang Berhormat Merbok dahulu ini - Datuk Haji Man bin Mat. Apabila daftar syarikat? Ogos, 2008.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Permatang Pauh. Duduk sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran Honourable Koh Seung Duk – Chairman of the International Relations Committee of the Grand National Party (GNP) Korea dan delegasi ke Dewan yang mulia ini. [*Tepuk*] Semoga kehadiran delegasi ini ke Parlimen Malaysia akan terus mengukuhkan lagi persahabatan akrab dan hubungan baik antara Malaysia dan Republik Korea, *welcome*. Sila.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih. Hai, tertinggal. Jadi, daftar. Bila syarikat ini daftar? Ogos 2008. Kontrak dapat bila? Oktober 2007. [*Dewan riuh*] Macam mana kita pertahankan? Tuan Yang di-Pertua, ini *search* daripada Suruhanjaya. Bagaimana boleh kita cakap, ketelusan ini, saya pun tidak tahu banyak, sekarang ini ada ETP, NKRA, macam-macam, KPI. Apa dia ini? Daftar Ogos 2008, kontrak Oktober 2007. Ini UMNO boleh, Malaysia boleh dan tidak boleh di dalam sistem yang lain. Baik, itu satu. Apa yang lebih parah, tidak ada lesen PKK untuk dipertimbang kontrak dari JKR. Bagaimana satu syarikat tidak ada PKK? Saya ada minta Yang Berhormat Balik Pulau bawa kepada PAC. Saya hendak tengok sama ada PAC boleh tegas mencari dan membuat laporan yang cukup tegas dalam kes ini. [*Tepuk*] Kemudian, PKK tidak ada.

Keduanya, syarikat ini tidak berdaftar dengan CIDB sebagai syarat wajib kepada semua kontraktor pembinaan. Kalau UMNO pilih satu syarikat, dia boleh batalkan semua undang-undang dalam negara ini. Ini *problemnya*. Bukan *rules of law, law of the jungle* yang dibawa oleh pemimpin-pemimpin ini. [*Tepuk*]

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya, boleh bangun kalau hendak bangun. Apa kata Akta Lembaga? Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia – tiada seorang pun boleh mengaku janji untuk menjalankan dan menyiapkan apa-apa kerja pembinaan melainkan jika dia berdaftar dengan Lembaga dan memegang suatu perakuan pendaftaran yang sah yang dikeluarkan oleh Lembaga. Ini macam mana? Apa makna undang-undang ini? Lempar sahaja bila datang untuk UMNO. Tidak berkesudahan kerana Maya Maju (Malaysia) Sdn. Bhd. ini – kontraktor Istana

Negara ambil nama syarikat lain sebelumnya, namanya Maya Maju Sdn. Bhd. [Disampuk] Pasir Salak, saya hendak teringat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukan Maya Karinkah?

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: [Ketawa] Baik, dalam peraturan Tuan Yang di-Pertua tidak boleh ambil nama syarikat lain. Oleh sebab itu syarikat ini bawa ke mahkamah. Menang di Mahkamah Tinggi. Pergi ke Mahkamah Rayuan, kalah. Oleh sebab Mahkamah Rayuan, dia dapat *injunction*. Mahkamah Rayuan *override* keputusan tersebut. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua mengatakan, tidak boleh sentuh keputusan mahkamah. Tuan Yang di-Pertua, tak kena lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak ada cakap pun. [Ketawa] Saya mendengar.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Laluan, laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Oleh sebab itu saya kata Tuan Yang di-Pertua. Kalau Tuan Yang di-Pertua kena, Tuan Yang di-Pertua tahulah...

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Mohon laluan, mohon laluan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Permatang Pauh, terima kasih. Bab ini saya tidak berapa setuju dengan Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya berbeza pendapat. Apabila kerajaan bagi satu projek kepada satu syarikat yang belum wujud, bagi dahulu syarikat tidak buat lagi, lesen tidak ada lagi. Daftar CIDB semua tidak ada lagi. Bezanya ialah ini contoh kecekapan sistem *delivery* sebenarnya. [Dewan riuh] Jadi Yang Berhormat Permatang Pauh, saya ingat kena hati-hati juga dalam bab ini. Mohon komen. [Dewan riuh][Ketawa]

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Bawa penjelasan sekali. Saya menarik isu Istana ini sebab daripada awal, saya terlihat dalam membantah isu ini. Sewaktu itu, bekas Menteri Kerja Raya, saya pernah menghantar memorandum kepada dia sebab harga yang asal ditawarkan ialah RM1.1 bilion, harga asal. Bukan yang ditawarkan, harga yang hendak diberikan atas arahan EPU pada waktu itu dan memorandum saya itu diterima oleh Ketua Pengarah yang juga sudah pencen sekarang ini, Ketua Pengarah JKR. Harga yang mula-mula hendak diberikan ialah RM1.1 bilion. Apabila ada bantahan daripada kami pada waktu itu, daripada Pemuda Pakatan Rakyat pada waktu itu, akhirnya itulah yang diarahkan supaya di *check* balik harga itu dijadikan RM650 juta, baik. Apa Yang Berhormat sebutkan sekarang ini, harga itu sekarang sudah pun meningkat. Harga meningkat itu satu projek yang asing.

Saya akui bahawa *dual* jalan tetapi Yang Berhormat, harga yang RM650 juta bangunan Istana itu juga meningkat RM150 juta. Bermakna bahawa, kalau campur tadi dengan yang *dual* jalan tersebut, bermakna bahawa sudah sampai RM1 bilion. *But the* harga asal yang hendak diberikan kepada Syarikat Maya Maju ini, yang tidak ada seperti mana disebut ini tidak daftar dengan PKK, tidak ada Kelas A. Tidak ada kelas punyalah. *[Ketawa]* Kontraktor yang tidak ada kelas. Jadi saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat bahawa, apakah yang sepatutnya dibuat oleh kerajaan sekarang ini untuk memberikan satu repot kepada kita semua khususnya kepada Parlimen ini untuk kita mengetahui apa sebenarnya yang dilakukan oleh pihak kerajaan sebab bagi saya bahawa pembinaan Istana ini adalah sesuatu yang sangat penting untuk tempat raja. Kalau diberikan kepada kontraktor yang tidak ada pengalaman, tidak ada Kelas A, tidak ada CIDB, berlaku runtuh. Apa akan jadi? *[Dewan riuh]* Ini bagi saya bahawa kerajaan adalah bertanggungjawab untuk menjadi pembunuh kepada Yang di-Pertuan Agong. *[Dewan riuh][Ketawa]*

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Kalau Yang Berhormat Pokok Sena tanya, saya ingat dia orang tidak boleh jawab sebab saya ingat kalau dalam kes ini sahaja dengan CIDB, dengan PKK dengan wang yang dicurigakan kelulusan itu cukup membuktikannya.

■1240

Sengaja saya ulang kes ini untuk membuktikan kecurangan dalam sistem yang berlaku. Saya tidak fikir berdasarkan fakta ini, ia boleh dipertikaikan oleh sesiapa. Yang boleh dilakukan oleh UMNO Barisan Nasional ialah menghalang media dari membuat liputan. Dia menang kerana menutup fakta kebenaran dan terus memfitnah orang, itu yang dia boleh buat. Akan tetapi kalau fakta ini, satu ini sahaja cukup membuktikan.

Kalau berani – sehinggakan Istana Negara, sampai ke tahap itu – tidak ada peraturan, tidak ada tender, tidak ada lesen dan boleh di *overrule* oleh Mahkamah Rayuan tentang nama syarikat. Maknanya apa sahaja mungkin dalam apa juga jenayah dilakukan oleh pimpinan UMNO boleh direlakan. Itu saya tidak curiga. *[Tepuk]*

Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kita mesti tegaskan di sini dan saya harap usaha Yang Berhormat Balik Pulau nanti kemukakan kepada PAC dan mungkin agensi-agensi lain untuk menunjukkan bagaimana tahap kecurangan yang sudah melampaui batas. Saya harap pengerusinya dari Padang Besar menyegerakan tindakan supaya memberikan imej baik kepada institusi Parlimen.

Walaupun begitu, saya ucap tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sambutan *Golden Jubilee* baru-baru ini. [Tepuk] Walaupun kita tahu keterbatasan Parlimen ini tetapi oleh sebab disebut institusi demokrasi berparlimen yang dibanggakan, jadi kita pun turut hadir dan memberi sokongan, lebih-lebih lagi kerana menghormati Tuan Yang di-Pertua. [Tepuk] Ini bukan hendak minta lima minit lebih, tidak. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, FELDA menjadi satu institusi yang kontroversial. Ucapan Belanjawan tidak sangat tekankan hal-hal ini walaupun menyentuh secara tidak langsung. Akan tetapi kita mahu sentuh sepintas lalu dan saya percaya ramai rakan-rakan ingin mengembangkan isu ini kerana isu ini sebagai contoh bagaimana masyarakat desa, luar bandar, pedalaman, masyarakat miskin yang tidak mempunyai tanah diberikan ruang. Saya tidak mempertikaikan maksud baik awal rancangan FELDA ini dan beberapa faedah dan nikmat yang diperolehi.

Akan tetapi sepertimana yang kita tekankan, wajar diberikan pertimbangan dan penilaian semula kerana lebih ramai masyarakat FELDA merasakan ada bentuk ketidakadilan yang berlaku tetapi secara sepintas lalu dan semberono diketepikan dengan angkuh oleh Menteri dan Timbalan Menteri seperti biasa lazimnya.

Timbalan Menteri di JPM pada 7 Oktober 2010 menyatakan FELDA bersedia memberi wang tanam semula berjumlah RM17,000 kepada peneroka yang menguruskan kebun mereka secara persendirian dengan syarat mengikut panduan yang ditetapkan. Kata beliau, ini tidak dilakukan sebelumnya untuk mengelakkan wang itu disalah guna mengikut garis panduan. Maknanya apa yang disuarakan oleh Ahli-ahli Parlimen dan rakan-rakan dalam Pakatan Rakyat berulang kali ada tempas dan kesannya, kerana bukan di sini kerana mereka akan ketepikan tetapi kerana sampai ke telinga keluarga kita di kawasan FELDA.

Soalnya sekarang, apakah benar ini akan dilaksanakan segera? Kita menuntut, rakan-rakan dari FELDA menuntut, kita hendak tanya bila ia akan dilaksanakan? Kenapa ada peneroka yang telah menanam sendiri atas kebun mereka lebih daripada lima tahun, malah sepuluh tahun tetapi wang tanam semula tidak diperolehi? Ini sebabnya mengapa – kalau *bailout* anak dan keluarga pemimpin UMNO kaya, segera diberikan, kontrak senang dapat tetapi kalau peneroka kampung di halaman sana, Melayu sendiri pun, itu 10 tahun tunggu belum dapat. Saman yang dibuat peneroka terhadap FELDA, itulah yang menjadi pilihan akhir.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Penjelasan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]: Sebabnya, keengganan FELDA membayar wang tanam semula walaupun perundingan telah dibuat begitu lama.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Tentang peneroka yang menuntut, yang diberi jaminan wang tanam semula itu, adakah Yang Berhormat Permatang Pauh sedar bahawa ramai di kalangan peneroka yang telah pun mendapat geran tanah yang telah pun diberi kebebasan menjual hasil mereka secara sendiri – maknanya mereka tidak menjual dengan FELDA dan sebab itu mereka telah pun terkeluar daripada arus perdana peneroka FELDA itu sendiri. Sebab itu akhirnya mereka tidak mendapat wang tanam semula. Akan tetapi mereka boleh mendapat wang tersebut sekiranya mereka mengikut garis panduan yang telah ditetapkan sebagaimana peneroka-peneroka yang masih dalam arus perdana, maknanya yang berurusan jual beli dengan FELDA. Adakah Yang Berhormat Permatang Pauh sedar bab ini? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Saya faham, sebab itu saya kemukakan. Saya jumpa sendiri wakil dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain pun banyak berjumpa dan ini keluhan yang mereka suarakan. Berikan mereka sedikit ruang. Mengapa Menteri sehingga sekarang baru hendak beri pengakuan semula? Sebab, ada kegelisahan. Mengapa mereka sampai berani, orang-orang kampung berani bawa kes, aju ke mahkamah? Sebab mereka rasa terdesak, tidak ada harapan bawa ke FELDA, tidak dilayan. Beri ruang. Kalau ada betul-betul yang salah dari segi peraturan, itu kita setuju. Bukan kita hendak katakan mesti beri, wajib tanpa mengira peraturan.

Oleh yang demikian, kita minta begitu. Sebab itu ditanya di sini yang disebut oleh Yang Berhormat Ledang, kalau ada umpamanya tidak ada rundingan, tidak ada peraturan, itu mungkin ada juga kes-kes terpencil, saya tidak nafikan kebenaran ini, kemungkinannya. Akan tetapi jangan kita tolak sejumlah besar. Mengapa mereka pilih jalankan persendirian? Kerana hasil dan pulangan itu lebih baik. Mengapa prestasi FELDA setelah sekian lama, kos birokrasi meningkat dan kemudahan dan pulangan itu lebih rendah daripada pulangan dari syarikat peladang ladang swasta. Hal-hal ini harus kita kaji setelah 20 tahun, 30 tahun – tidak boleh kita masuk dalam stail, kerangka, kepompong lama, tidak bersedia bawa perubahan. Kita guna istilah perubahan, kita guna istilah transformasi tetapi yang adanya basi-basi yang lama, tidak ada kesungguhan untuk melaksanakan.

Sebab itu membuat tuduhan kepada mereka yang telah meneroka – Yang Berhormat Ledang pun tahu, orang kata Permatang Pauh mana ada FELDA, betul. Akan tetapi orang miskin di Pulau Pinang, saya masih ingat yang pergi meneroka dengan babi hutan, dengan ular, dengan kawasan – susah di peringkat awal dulu. Saya tahu kerana ramai juga orang-orang yang dari kampung saya dan keluarga-keluarga dekat dan jauh. Sebab itu saya tidak pernah pertikai dan menghargai tujuan, matlamat asal FELDA untuk membantu. Ini ada kaitannya bila kerajaan pada ketika itu membuat pinjaman luar, bon dan sebagainya daripada Bank Dunia. Apa tujuannya? Itu untuk membangunkan rakyat miskin, buka ladang. Itu yang dilakukan dulu.

Apa pinjaman yang dibuat sekarang – berpuluh bilion? Itu untuk PKFZ, untuk Bakun, belanja besar. Kalau pinjaman dulu itu untuk membangunkan rakyat. Jadi jangan kita remehkan. Jangan ingat mereka ini semua kerajaan tolong, tidak berterima kasih. Ini pernah kita dengar. Semasa saya dalam kerajaan pun saya ada dengar. Apa lagi yang dia hendak? Tanah bagi, kemudahan bagi, apa lagi yang dia hendak? Soalnya dia hendak apa yang hak, apa yang dijanjikan kepada dia. Sebab itu ada maklumat yang boleh kita dedahkan.

Kegagalan Techno Plant Sdn. Bhd., anak syarikat FELDA yang bertanggungjawab menyelia kebun peneroka. Maka sebagai Menteri yang bertanggungjawab, beliau harus tahu ribuan peneroka yang telah keluar daripada pengurusan Techno Plant Sdn. Bhd. kerana tidak puas hati dengan penyelenggaraan dan pendapatan yang dianggap tidak berbaloi selari dengan khidmat mereka.

Maka Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merumuskan. Jadi masalah pokok kita dalam kerangka pembangunan ekonomi tentunya menjana pertumbuhan dan meningkatkan daya saing. Menjana pertumbuhan dan meningkatkan daya saing bermakna menarik pelabur, bukannya pelaburan asing tetapi pelaburan tempatan juga. *Domestic investment* itu suatu yang sangat penting – pelaburan swasta, dan kita belum berhasil dengan berkesan.

■1250

Mereka mengulang bahawa kita sebenarnya sudah pun melepasi kedudukan seperti mana krisis 1997/1998 dengan angka-angka baru. Saya tidak nafikan bahawa keadaan kita tidak gawat seperti 1997/1998 ada benarnya kenyataan itu. Akan tetapi yang tidak benarnya ialah kita sudah melepasi, tidak. Saya hanya beri beberapa angka yang dibuat oleh PEMANDU. Kalau sebut angka lain, Merrill Lynch kah apa, dia marah

Yang Berhormat, jadi sebab itu saya guna PEMANDU dan juga yang pernah saya bangkit dahulu Prof. K.S Chung.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Indera Mahkota berdiri Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Ketua Pembangkang. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya pandangan Ketua Pembangkang sebab disebut tadi kebimbangan kerana kejatuhan yang paling teruk dalam masa berbelas tahun FDI kita. Akan tetapi baru-baru ini, dua hari lepas Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri menyebut bahawa kerajaan telah meluluskan 20% tambahan ataupun daripada 7% sehingga 20% dana EPF boleh dilaburkan ke luar negara. Saya hendak tanya Ketua Pembangkang, semakan saya sekarang nampak gaya dana EPF kita sekarang telah melonjak kepada RM373.7 bilion.

Adakah dengan kita laburkan, kita benarkan 20% dilaburkan ke luar negara menyebabkan masalah FDI kita lagi meruncing? Sedangkan sepatutnya dilaburkan dalam negara, kita membenarkan jumlah yang besar dilaburkan ke luar negara. Ini bermakna kita membuka *flood gate* kepada sekurang-kurangnya RM75 bilion tambahan wang EPF boleh dilaburkan ke luar negara. Apa pandangan Yang Berhormat Permatang Pauh? Terima kasih.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, ini menggambarkan yang sebut tadi *awlawiyyat* (keutamaan) yang cukup lemah. Tidak jelas keutamaannya. Saya bawa tadi peringkat awal bagaimana FDI kita merosot 81% pada tahun 2008 kepada RM43 bilion 2009. Berbanding dengan Thailand dan Indonesia yang jauh lebih tinggi daripada kita. Kemudian saya hendak bagi angka satu lagi angka di sini mengikut PEMANDU. Pelaburan swasta hanya tumbuh pada kadar purata 2% di antara 2006 hingga 2010, 2%. Berbanding pertumbuhan sihat pada kadar 16.7% antara 1991 sehingga 1997. Saya ulang, 2% di antara 2006 sehingga 2010 pelaburan swasta. 16.7% di antara 1991 sehingga 1997.

Kalau ini kenyataannya apa yang disebut oleh Yang Berhormat Indera Mahkota itu benar. Makna tumpuan kita ialah untuk menjana pertumbuhan dalam negara. Saya tidak mahu mengatakan kita harus batalkan peluang untuk KWSP melabur di mana sahaja. Akan tetapi dalam keadaan kita dahagakan defisit dengan tinggi dan *foreign direct investment* terendah di kalangan ASEAN. Ini tentunya bukan suatu keutamaan dan kebijakan ekonomi oleh Menteri Kewangan.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Sedikit tentang pelaburan yang kurang masuk 80% jatuh ini. Ada jawapan daripada Menteri MITI memberikan penjelasan. Dia kata kita hanya menerima pelaburan-pelaburan yang berkualiti. Sejak bila kita main kualiti pula ini. Oleh kerana negara kita sudah sampai satu peringkat pembangunan, kita tidak mainlah pelaburan-pelaburan yang tidak berkualiti ini. Apa yang cikai-cikai punya kita tidak main. Jadi apa agaknya maksud ini kalau bekas Menteri Kewangan dulu bercakap tentang pelaburan berkualiti tidak berkualiti ini. Apa agaknya yang dimaksudkan oleh kerajaan?

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Pertamanya dia tidak boleh nafi. Mulanya dia nafi tetapi bila kita berikan data ini. Data berdasarkan *ASEAN Secretariat Database*. Sebab mula-mula dia pertikai dia kata tidak betul, ini kenyataan diambil daripada mana. Jadi saya sebut ini *ASEAN Secretariat Database*, maka dia pinda jawapan dia dengan mengatakan ini masalah *quality investments*. Saya hendak sebut di sini Vietnam, Indonesia ambil *both* pelaburan yang dianggap memerlukan pekerja yang ramai, *workers based* yang *low wages*. Juga yang agak peringkat tinggi.

Rakan-rakan yang ke Vietnam dan ke Indonesia akan tahu bahawa ada satu perubahan dalam kaedah ini termasuk dalam beberapa bidang baru. Termasuk juga dalam bidang kewangan yang menunjukkan keupayaan mereka bersaing begitu rapat. Jadi oleh yang demikian jawapan itu tidak tepat. Ini saya pertahankan kerana ada kajian oleh UNDP yang lebih *detail* tentang bukan sahaja pelaburan tetapi jenis-jenis pelaburan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Ketua Pembangkang. Sedikit sahaja, saya ingat kena perbetulkan Yang Berhormat Indera Mahkota tadi. Dia *confused* antara *domestic direct investment* dengan *foreign direct investment*.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya ingat Yang Berhormat Pasir Salak tidak, sebab dia rujuk kedua-dua. *Domestic investment* itu saya jelaskan tetapi FDI ini jawapan Menteri itu FDI. Iaitu bahawa benar dia kata ada *investmentnya* bertambah dan kita terlalu rendah. Akan tetapi rendah sebenarnya kita hilang *competitiveness*, tarikannya. Ini disahkan oleh Bank of America, Merrill Lynch dan World Competitiveness Report. Ini suatu perkembangan yang baru kerana dahulu kita pernah catat nombor satu dari segi FDI di banding dengan negara ASEAN, Malaysia

nombor satu, nombor dua Singapura. *Market capitalization* kita nombor satu, nombor dua Singapura, yang lain semua ke bawah.

Nombor dua hanya *competitiveness*. Nombor satu Singapura, kita nombor dua. Sekarang ini semuanya kita bawah dari nombor lima walaupun Perdana Menteri kata kita mengikut laporan APCO masih tertinggi.

Tuan Yang di-Pertua: Ada beberapa minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Ada berapa minit lagi untuk...

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Sekitar 10 minit 15 minit lagi habis.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya sambung dalam 10 minit maksimum selepas itu, jadi boleh? Saya ada tiga minit lagi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa isu lain yang harus disentuh di sini dalam isu yang saya sebutkan tadi tentang peningkatan daya saing. Ini kerana berbelanja dengan cara yang tidak berhemah tidak akan membantu. Dalam keadaan negara kita mencatat lebihan, kita minta berhemah seperti mana yang disebut dalam al-Quran surah Yusuf dalam Al-Quran. Tentang tujuh tahun dan tujuh tahun berikutnya ekonomi berkembang dan ekonomi gersang.

Ini dalam ekonomi gersang kita masih lagi bergantung kepada pinjaman yang besar dari luar. Dalam kegagalan kita menarik pelaburan dan tidak memberikan, bonus tidak ada kepada rakyat. Bila tanya Menteri, sebab apa bonus tidak ada, kita kena jimat sebab negara kita menghadapi kemelesetan. Esok bila kita senang kita bagi. Saya kata sekarang ini yang boleh membazir projek besar-besar boleh, yang boleh belanja sebegitu mewah dalam semua majlis-majlis, lawatan, sehinggakan pertunjukan fesyen. Ke mana Yang Berhormat Perdana Menteri? Ke Monaco. Untuk apa ke Monaco? Untuk memperkenalkan fesyen Islam Monaco. Ini jawapan yang paling tidak munasabah. Fesyen Islam di Monaco.

Tuan Yang di-Pertua, Monaco itu fesyen yang paling menariklah dalam bidang lain. Hendak perkenalkan fesyen Islam ini di Kuala Lumpur dahululah. Di Jakarta, di Jeddah, di Istanbul, bukanlah Monaco. Monaco itu pusat kasino terkemuka di dunia. Kemudian derma pula kepada Prince Albert. Jadi macam mana ini membazir? Akan tetapi bila tanya, boleh tidak kita tambah bonus? Kita belum bersedia. Itu sudah setuju. Kalau Pakatan Rakyat ditakdirkan memerintah, *insya-Allah* bonus tetap diberikan.

[Tepuk] Sebab itu kita kena berhemah dalam bidang ini. Ini bukan sengaja hendak mengambil hati pegawai-pegawai kerajaan. Ini kerana dalam keadaan susah pun bonus sebahagian harus diberikan. Kita belum masuk kategori susah tetapi oleh kerana pembaziran.

PEMUDAH, laporan kerajaan berapa subsidi IPP? RM20 bilion. Berapa kerugian akibat tiris, bocor, rasuah, penyelewengan, stadium runtuh dan lain-lain? RM20 bilion. Hendak beri bonus wang tidak ada. Bocor RM20 bilion tidak mengapa. Ini kita pertikai sebab itu saya sebut soal pengurusan kerajaan yang harus lebih bertanggungjawab dan telus.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat habiskan dalam lima minit atau sebelah tengah hari nanti lima minit. Saya bagi lima minit lagi.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: 10 minit. Kalau boleh saya tambah 2.30 petang 10 minit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah sebut 90 minit tidak lebih dari itu mahu lagi Ketua Pembangkang minta lagi lima minit.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Jadi sebelah tengah hari?

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Selepas 2.30 petang.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas 2.30 petang. Ahli-Ahli Yang Berhormat Mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang nanti dan Yang Berhormat Permatang Pauh ada tujuh minit lagi sebelah tengah hari. Selepas itu Yang Berhormat Kinabatangan.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sepatutnya..

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Masih di dalam lif. Beliau minta satu minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Berapa?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Satu minit. Beliau terperangkap di dalam lif.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sekali sekala kita boleh buat..

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Boleh saya buat pertanyaan sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya hanya...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Buat pertanyaan sedikit sebelum Ketua Pembangkang berbahas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya tidak mahu buat satu *precedent* Yang Berhormat. Sepatutnya saya sudah menjemput *the next Speaker* tetapi...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya ada pertanyaan Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya bertanya sedikit Tuan Yang di-Pertua? Penjelasannya selepas Ketua Pembangkang dan pihak sebelah Barisan Nasional berucap, saya mahu bertanya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain akan diberi masa berapa minit untuk berucap Tuan Yang di-Pertua? Itu pertanyaan saya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya sudah membuat keputusan Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya tidak dengar ya. Hanya Ketua Pembangkang 90 minit diikuti oleh Yang Berhormat Kinabatangan. Selepas itu saya hendak tahu Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain diberi masa berapa panjang untuk bahas?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: 30 minit tadi sudah diumumkan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Boleh kami dimaklumkan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Apa lagi Yang Berhormat?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya minta penjelasan. Saya rasa Ketua Pembangkang patut diberi 90 minit kerana beliau Ketua Pembangkang. Akan tetapi saya tidak tahu mengapa Yang Berhormat Kinabatangan kadang-kadang kawan saya, kadang-kadang bukan tetapi itu bukan sebabnya. Mengapa Yang Berhormat Kinabatangan juga diberi 90 minit? Ini kerana statusnya tidak sama. Ketua Pembangkang dan Yang Berhormat Kinabatangan tidak sama. Jadi saya hendak satu penjelasan lagipun memang bajet ini bajet Barisan Nasional.

Jadi Yang Berhormat Kinabatangan pun dari pihak yang sama. Saya hendak tahu atas alasan apa Yang Berhormat Kinabatangan juga diberi 90 minit. Jikalau Yang Berhormat Kinabatangan diberi *90 minutes* saya pun harus diberi *90 minutes*. Ini kerana kami masuk Parlimen penggal yang sama. Ha, jadi apakah sebabnya? Cadangan saya ialah kalau Ketua Pembangkang dan ketua-ketua parti diberi masa yang lebih itu saya boleh setuju. Adakah Yang Berhormat Kinabatangan ketua parti? Beliau ketua bahagian. Kalau ketua bahagian diberikan *90 minutes* saya pun ketua bahagian pun *90 minutes* juga.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Kinabatangan Timbalan Pengerusi BNBBC. Jadi kalau diberikan 90 minit tidak ada masalah sebenarnya kepada Parlimen.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terpulanglah. Tuan Yang di-Pertua panggillah Yang Berhormat Kinabatangan. Ini sudah lebih daripada lima minit.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, BBC itu bukan satu institusi yang di dalam peraturan Parlimen. Ia memang tidak harus diambil kira.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Sudah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi saya hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya faham tindakan Yang Berhormat. Hendak buat *delay* sedikit tetapi walaupun Yang Berhormat tidak bertanya pun saya memang sudah membuat satu keputusan untuk memberi peluang bagi Ketua Pembangkang datang Yang Berhormat. Ini kerana saya dimaklumkan Ketua Pembangkang datang bukan kerana beliau hendak lambat tetapi oleh kerana lif itu tergantung Yang Berhormat. Saya dimaklumkan Yang Berhormat. Jadi

saya memahami dan saya tahu. Oleh sebab itu perkara ini tidak perlu dibahaskan panjang sangatlah. Jadi - Minta maaf Dato' Seri saya hendak jawab.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kita sudah meluluskan satu keputusan pagi tadi. Selepas ini timbalan *back bencher* 90 minit. Yang Berhormat tidak payahlah Yang Berhormat. Selepas itu..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya pohon alasan Yang Berhormat Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat tidak payahlah Yang Berhormat. Kita buang masa Yang Berhormat. Selepas itu semua ahli akan diberi 30 minit seorang Yang Berhormat supaya kita semua ada peluang untuk berbahas. Jadi jam kita sudah 37 minit berlalu. Diminta Dato' Seri ada tujuh minit lagi saya dimaklumkan. Terima kasih.

2.36 ptg.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya minta maaf kepada Tuan Yang di-Pertua dan Dewan kerana lif di Parlimen di *block*, satu untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan satu untuk Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Jadi kami kena turun ikut tangga.

Saya harap kalau boleh minta pertimbangan kerajaan supaya kalau pun hendak *reserved lift*, satu lif untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri cukuplah. Jikalau tidak saya terpaksa makan ubat.

Seorang Ahli: Menyampuk.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Betul, serius bukan bergurau. Ini ikhlas, teguran yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, kita sentuh tadi tentang daya saing. Ini termasuk perbelanjaan R&D berbanding KDNK kerana di Malaysia masih pada kadar 0.64% pada tahun 2008 berbanding dengan Korea Selatan – 3.23%, Jepun – 3.4%, Taiwan – 2.58% dan Singapura 2.39%.

Kadar ini tidak memungkinkan kita naik ke tahap apa yang disebut negara berkembang seperti mana berlaku di Brazil, India, Israel di antara negara membangun yang menetapkan 1% perbelanjaan R&D yang agak tinggi. Bukan setakat itu tetapi untuk memastikan bahawa menumpukan perhatian dalam penyelidikan itu dapat

memanfaatkan pendidikan dan memastikan mutu pendidikan itu agak tinggi. Ini juga berkaitan dengan mutu universiti yang ada.

Yang Berhormat Menteri Kewangan mengumumkan beberapa kemudahan termasuk duti setem yang dikurangkan atau diskaun untuk rumah yang bernilai RM250 ribu ke bawah. Akan tetapi yang ditambah itu menjadi RM350 ribu. Berapa orang yang miskin atau pun berpendapatan sederhana? Ini isu yang dibangkitkan oleh ramai pegawai-pegawai kerajaan, golongan profesional yang sebenarnya tidak mampu memiliki rumah RM250 ribu. Soalnya soal *supply* rumah ini. Jadi sepatutnya Yang Berhormat Menteri Kewangan memikirkan soal penyediaan tapak rumah dengan kemudahan dan memastikan pemaju menyediakan rumah. Ini untuk satu kategori tetapi juga satu kategori lain.

■1440

Jadi apa yang dilakukan ini ialah memudahkan. Rumah tidak ada RM250,000 jadi kita naik RM350,000 - mengurangkan duti setem. Ia tidak menyelesaikan masalah kerana pegawai di tahap itu dan juga golongan profesional mesti disediakan dengan satu program khas supaya mereka dapat memperoleh rumah. Saya ingat saya kena minta ganjaran dari Parlimen kerana menyebabkan sedikit keuzuran kerana terpaksa turun tangga.

Kemudian cukai perkhidmatan dinaikkan dari 5% hingga 6%. GST ditangguh, cukai perkhidmatan yang lebih membebankan dinaikkan dan cukai perkhidmatan ini diperluaskan skop. Jadi apa yang akan berlaku ialah, pertama - beban kepada rakyat terbanyak termasuk golongan miskin; dan kedua - harga barang juga akan meningkat. Kalau kita pergi ke restoran makan dengan teh tarik, saya pasti dengan kenaikan cukai perkhidmatan ini akan menyebabkan kos bertambah.

Bukan setakat itu seperti mana saudara tahu, Tuan Yang di-Pertua bahawa cukai ini diperluaskan juga termasuk kepada Astro. Kita tahu sekarang ini kompetitif, persaingan dalam media ini terbatas. Ada Kerajaan Barisan Nasional yang punya, Media Prima - UMNO yang punya dan kemudian tauke-tauke seperti Ananda Krishnan tauke judi yang punya. Yang lain tidak dapat peluang untuk mendapat lesen. Kalau Yang Berhormat Sri Gading buka syarikat hendak dapat lesen susah, yang dapatnya hanya tauke judi. Oleh yang demikian, saya tidak bersetuju dengan langkah membebankan rakyat, menaikkan cukai perkhidmatan walaupun GST ditangguhkan kerana bantahan di kalangan rakyat.

Satu perkara lain yang saya hendak sentuh mengenai isu pembaziran, kecuaiian dan salah guna kuasa ini ialah isu yang dibangkitkan tentang Sungai Rejang - pembalakan tanpa kawalan. Tauke-tauke besar diberikan kemudahan yang begitu sehinggakan kehidupan rakyat terjejas. Ini... *[Merujuk kepada keratan akhbar]* Beberapa hari seluruh sungai dipenuhi dengan kayu balak. Apa nasib nelayan? Nasib rakyat di situ? Ada ganti rugi? Ada tekanan kepada tauke-tauke balak? Tidak ada. Isu *log-jammed* di Sungai Rejang, Sarawak sepanjang 50km itu sebenarnya malapetaka alam sekitar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ada satu minit Yang Berhormat.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Satu perkara lain ialah yang saya sebut tahun lalu iaitu cukai pendapatan perlu reformasi supaya cukai itu betul-betul progresif. Maknanya yang kaya bayar lebih. Sekarang ini pegawai tinggi umpamanya yang pendapatan mencecah RM100,000, cukai ia sama dengan *billionaire* termasuk tauke-tauke terbesar, pemimpin-pemimpin dan keluarga pemimpin UMNO yang paling kaya. Ia bayar dari segi peratus itu sama dengan pegawai tinggi ataupun golongan profesional yang dapat RM100,000. Jadi sebab itu kita minta ini dikaji semula.

Akhir sekali ialah tentang SPR. Kita mendapat maklumat berbeza dengan apa angka yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. SPR diperuntukkan RM35 juta itu ikut buku, tetapi kita dapat maklumat - saya mahu tanya kebenarannya bahawa SPR telah diberitahu untuk tahun depan peruntukkan RM250 juta disediakan. Jadi mengapa hal ini tidak didedahkan dalam belanjawan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan? Jadi maknanya, apakah persiapan ini untuk pilihan raya tahun depan. Ini Yang Berhormat Menteri Pertahanan mungkin tahu. Gaya ia senyum saya rasa ia ada maklumat. Jadi oleh yang demikian kita mahu kepastian mengapa wang disediakan sebelum belanjawan tetapi tidak termasuk dalam belanjawan negara.

Keduanya, kita juga bimbang kerana SPR dari segi perbelanjaan kita mahu pastikan agak telus dalam perbelanjaan. Jadi maklumat dalaman kita lihat oleh kerana keadaan perbelanjaan itu terdesak, ada unsur keselamatan, ada beberapa proses yang kurang telus dan *accountable*. Oleh yang demikian, kita minta supaya SPRM diajak melihat perkembangan dalam SPR itu, supaya perjalanan dan pengurusan belanjawan yang besar tidak menjejaskan - perjalanan dan integriti yang sudah terhakis dari segi campur tangan politiknya berlebihan dalam SPR.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih dan ingin menekankan bahawa kelemahan besar dalam belanjawan ini ialah kerana tidak ditangani isu pengurusan, isu ketirisan, isu rasuah dan mengangkat martabat dan darjat negara supaya mampu berdaya saing menyediakan negara ini, supaya dapat menarik pelabur domestik dan juga asing dengan memperbaiki institusi yang dianggap lemah. Jenayah yang bertambah, badan kehakiman tidak dianggap bebas, media yang dikongkong yang mesti diperbaiki kalau kerajaan benar-benar serius. Kalau tidak maka bersedialah supaya ada perubahan besar dalam pilihan raya akan datang, *insya-Allah*. Terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan tidak berdiri ya? La, lagi tersenyum Yang Berhormat.

2.46 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita ini bersopan-santun, sebelum dijemput tidak akan berdiri. *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, rakan saya Yang Berhormat Sri Gading - ia tersenyum mendengar hujah Yang Berhormat Ketua Pembangkang. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan untuk turut membahaskan Bajet 2011...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh saya...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Baru - belum habis mukadimah. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, ya. 90 minit itu lama. Tuan Yang di-Pertua, saya tersenyum kadang-kadang teringat - teringat peristiwa lama. Yang Berhormat Permatang Pauh sewaktu menjadi Menteri Kewangan, cara pembentangannya hebat menggunakan istilah-istilah yang luar biasa. Dengan ungkapan-ungkapan yang kadang-kadang dipetik daripada ulama-ulama besar, ungkapan-ungkapan yang dipetik daripada bahasa Indonesia cukup menyeronokkan ucapan. Ucapan beliau selaku Menteri Kewangan ketika itu lebih kurang sama kerana matlamatnya ialah untuk rakyat. Namun oleh sebab kebijaksanaan Yang Berhormat Permatang Pauh dengan kekuatan beliau berhujah, kadang-kadang orang menjadi kagum termenung, terfikir, terbayang kerana kelebihan beliau.

Jadi ucapan beliau 90 minit lebih saya dengar, samalah hebat dan *alhamdulillah* rakyat yang waktu itu diperintah oleh Barisan Nasional juga terus dapat memberikan kebaikan-kebaikan kepada rakyat. Hari ini, walaupun diolah oleh Yang Berhormat Ketua

Pembangkang dengan ucapan-ucapan yang menghentam kiri kanan depan belakang atas bawah, tetapi saya percaya Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kita yang ada hari ini matlamatnya ialah untuk rakyat. Bajet untuk rakyat - kepentingan rakyat diutamakan. Apa pandangan Yang Berhormat Kinabatangan? *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ia sudah ambil mukadimah sayalah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hairan dengan Yang Berhormat Bukit Mertajam. Ia ada *suspicious* dengan sayalah. Mungkin ia bimbang dengan kebolehan saya berhujah juga. *[Ketawa]* Saya rata-rata melihat bahawa bajet yang dibentangkan 'Bajet Mesra Rakyat' - prihatin dan mencakupi keperluan negara, keperluan rakyat dan juga keperluan wawasan untuk menuju negara maju.

■1450

Walaupun banyak persepsi, walaupun banyak tanggapan di luar, bajet pilihan raya lah, bajet pemancing undi lah. Berbagai-bagai saya dengar tetapi realitinya bahawa bajet ini untuk kepentingan rakyat negara kita ini.

Saya melihat bahawa bajet ini direncana dengan begitu baik. Walau bagaimanapun, bajet ini dilihat ianya bergantung pada realiti ekonomi dunia dan parameter-parameter ini menjadi ukuran sejauh mana berkesannya ekonomi negara kita melalui bajet yang dibentangkan. Bak kata pepatah orang tua-tua dahulu '*Bumi mana tidak ditimpa hujan, lautan mana tidak bergelora, hati mana tidak terluka, mata mana tidak terpancang, langkah mana tidak terhalang*'. *[Dewan riuh]*

Walaupun bagaimanapun, saya hanya melihat secara menyeluruh bahawa bajet ini akan memberi keuntungan kepada rakyat dan negara ini. Justeru itu rakan-rakan Yang Berhormat yang lain termasuk daripada pembangkang, dalam kehairahan untuk memerintah negara ini, jangan kita terlupa matlamat kita iaitu memupuk kemakmuran negara dan rakyat. Jangan sekali-kali kita melihat iaitu seolah-olah bak kata pepatah Melayu '*Sekali air bah, sekali itu lah pantai terus berubah*'.

Kalaupun ada air bah yang besar, biarlah kita pertahankan pantai yang ada dalam negara kita. *[Tepuk]* Apa untungnya? Apa untungnya kita memerintah, menang sorak kampung tergedai? Tidak ada manfaatnya. Saya melihat hujah Yang Berhormat Permatang Pauh tadi iaitu berhubung dengan penganugerahan projek Istana Negara. Kalau dakwaan ini benar, maka saya juga bersetuju kerajaan dan juga PAC menyiasat perkara ini sebab saya juga tidak bersetuju sekiranya ada penganugerahan projek seumpama ini berlaku dalam negara kita, sebab ini tidak seharusnya berlaku dalam

dunia pemerintahan kita pada hari ini. Jadi, PAC harus melaksanakan penyiasatan berhubung dakwaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Macam - belum habis masuk sudah dia.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Inilah pemimpin UMNO. [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menolak ungkapan, anggapan Yang Berhormat Permatang Pauh yang menghiris hati saya apabila dalam hujah beliau berkata, "*kerana menjaga kepentingan UMNO, UMNO akan gunakan undang-undang rimba*". Jelas Yang Berhormat Kinabatangan. Kalau ada penyelewengan-penyelewengan, UMNO tidak akan bersubahat, tidak akan berkompromi. UMNO!

Jadi, Yang Berhormat Permatang Pauh membuat tuduhan yang berat kepada UMNO, parti keramat Melayu. Ini perkara yang harus kita tolak supaya kita bersihkan UMNO. Orang UMNO ialah pemimpin-pemimpin yang mementingkan perjuangan yang tidak berkompromi dengan segala penyelewengan. Sila Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kinabatangan, beri laluan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini Yang Berhormat Sri Gading, '*sudah gaharu cendana pula, sudah tahu bertanya pula*'. Beliau sudah jawab apa sebenarnya persoalan itu. Jadi, saya masukkan hujah beliau dalam ucapan saya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini, minta laluan Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Belum ada laluan. Bajet yang dibentangkan menampakkan keterampilan ke arah memantapkan ekonomi negara menuju wawasan negara maju tanpa memencilkan rakyat Malaysia yang berada di luar bandar.

Saya terpenggil dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga Menteri Kewangan iaitu untuk memberikan peruntukan lebih kurang RM6 bilion untuk menaik taraf air bersih, api elektrik, jalan-jalan kampung dan jalan-jalan luar bandar. Pada saya, satu syarat untuk menuju negara maju iaitu pembangunan wilayah

yang seimbang di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Bak kata pepatah Melayu, '*niat yang murni itu tetapi pelaksanaannya tidak telus, maka akan dikalahkan oleh niat yang jahat tetapi pelaksanaannya terencana dan baik*'.

Justeru itu, bajet yang banyak ini pun kalau transformasi yang kita uar-uarkan tidak *transform*, tidak dilaksanakan dengan jitu, maka saya tidak nampak akan ada penyelarasan di antara pembangunan wilayah dan wilayah di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Bajet ini juga dilihat mengutamakan modal insan. Mereka ini adalah waris penentu masa hadapan negara iaitu orang muda boleh mendapat rumah pertama dengan harga rumah, syaratnya tidak melebihi RM220,000 atau RM250,000. Kalau di Kuala Lumpur, saya lihat tidak ada lagi rumah harga RM250,000. Ia kondominium kah, semi-D kah, teres kah, harganya sudah RM400,000 hingga RM500,000.

Jadi ini, saya tidak tahu macam mana kita boleh merencana program perumahan yang sebegini? Ini tidak berlaku kecuali di Sabah. Ya! Masih ada, tetapi di Semenanjung, Timur ke Baratnya, tidak ada sudah harga rumah yang sedemikian rupa. Mungkin adalah pondok-pondok, kalau ada. Ini kerana harga tanahnya sampai RM300 *per square feet*. Mana ada rumah RM200,000? Jadi, saya harap kementerian yang bertanggungjawab melihat – jangan kita terpedaya dengan strategi-strategi yang sebegini.

Bajet ini juga saya lihat memberi pengiktirafan kepada pemimpin-pemimpin kampung seperti JKK, Imam. Akan tetapi di Sabah kita harus ingat, JKK lain, Ketua Kampungnya lain. JKK naik, Ketua Kampung mengaus, marah! Di Sarawak pun mungkin begitu. Di Semenanjung siapa JKK, dia Ketua Kampung. Si Sabah lain. Justeru itu – dan kita akan berhadapan rasa saya dengan perebutan jawatan di kampung-kampung sebab gaji sudah naik, RM850. Apakah masih boleh diadakan sistem dipilih, dilantik, ataupun perlu undi juga? Ini perlu dilihat sebab awal-awal mukadimah saya, perancangan yang baik tetapi pelaksanaannya tidak baik akan memakan diri kita sendiri.

Ini ditunggu-tunggu oleh pembangkang. Yang Berhormat Padang Serai, beliau – saya nampak dua hari ini beliau serang Naib Presiden, Ahli Parlimen Gombak. Saya tidak tahu apa permusuhan di antara mereka berdua. Saya pun tidak mahu tahu tetapi saya yakin Yang Berhormat Gombak memang baik orangnya. Beliau tidak menganiaya orang tetapi mungkin saya tidak tahu apa...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Beri laluan lah. Sudah panggil Padang Serai. Beri laluan. Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Antara hidup mereka berdua ini. Jadi, biar rakyat menilai. Akan tetapi saya cukup yakin Yang Berhormat Gombak akan menang Timbalan Presiden PKR walaupun diserang oleh Yang Berhormat Padang Serai setiap masa dan ketika...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kinabatangan, beri laluan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini kerana saya lihat Yang Berhormat Gombak dengan Shah Alam - apa ini...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kinabatangan, beri laluan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Bandar Tun Razak, mereka pura-pura gaduh tetapi ada rundingan. *[Ketawa]* Jadi Yang Berhormat Padang Serai jangan terperangkap ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, tidak perlulah Yang Berhormat. Tidak ada dalam bajet Yang Berhormat. Tidak ada dalam bajet Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini kerana Yang Berhormat tidak tahu ini Ahli Parlimen Gombak, beliau punya pemikiran tajam, waras. Beliau tidak akan berumah di tepi pantai kalau beliau tidak berani melawan ombak.

■1500

Jadi Yang Berhormat kena tenang sikit. Selalunya lawan tauke ini jarang selamat. *[Ketawa]* Kalau ada pun satu, dua orang. Saya ingin menyambung Tuan Yang di-Pertua, saya tidak melaga-lagakan tetapi ini realiti cerita benar.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kinabatangan bagi laluan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, saya bagi.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Kenapa semenjak kahwin *you* takut beri saya laluan? *[Dewan riuh]* Semenjak kahwin baru takut beri laluan. Kenapa Yang Berhormat Kinabatangan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan peribadi Yang Berhormat Padang Serai...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya bagi, saya bagi!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan peribadi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak takut punya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan peribadilah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Hujah-hujah Yang Berhormat Kinabatangan betul-betul jiwa rakyatlah. Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Kinabatangan, tidak payah cerita tentang politik luar sanalah sebab dalam UMNO pun, apa yang berlaku adalah satu proses keadilan yang mana semua orang kita diberi adil, berlaku adil. Cubalah kalau berani di dalam UMNO sebab kita bagi contoh dalam KEADILAN, untuk bersuara secara adil. Saya minta Yang Berhormat Kinabatangan bersuara macam itu dalam UMNO. Esok sudah buang dari parti.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Jadi Yang Berhormat Kinabatangan, saya dengar tadi hujah Yang Berhormat Kinabatangan dalam bajet ini cukup hebat. Akan tetapi, apa guna satu bajet yang boleh belanjakan RM5 bilion untuk membawa satu pembangunan 100 tingkat dan juga pelbagai lagi Yang Berhormat Kinabatangan sebutkan tadi.

Akan tetapi, rakyat keseluruhannya khususnya di Kinabatangan, Sri Gading dan juga di Padang Serai, lebih daripada 70% daripada rakyat di kawasan-kawasan ini membawa balik kurang daripada RM1,500 sebulan. Kadar kehidupan...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya belum tanya lagi Yang Berhormat Kinabatangan.

Beberapa Ahli: Sudahlah...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Jadi, saya tanya Yang Berhormat Kinabatangan patutkah satu parti politik yang bernama UMNO ini ditunjang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, berlaku begitu zalim kepada rakyat bila tidak langsung... *[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: Tarik baliklah. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tidak langsung memberi kepentingan kepada rakyat yang merana ini. Akan tetapi, memberi kepentingan kepada kontraktor-kontraktor dan kroni-kroni UMNO sahaja. Patutkah ini berlaku?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Memang jelas, memang Yang Berhormat ini politik dia cetek.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia tidak tahu membaca. Kalau sayang Yang Berhormat, saya akan sokong Yang Berhormat Gombak terang-terangan.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Politik ini kena ada firasatnya.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Firasat Yang Berhormat saya nampak akan makan diri.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tidak apa. Ini makan diri makan...
[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai, cukup Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu masalah...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya jemput Yang Berhormat Kinabatangan masuk KEADILAN.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai. Yang Berhormat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Politik Yang Berhormat ini makan diri. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya tidak hendak tegurlah Yang Berhormat, kita semua ini telah tua-tua dekat sinilah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, minta Yang Berhormat Kinabatangan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini saya punya *floor*.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Hujah tentang bajetlah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini masalah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Dalam bajet tidak pernah ada, ini Yang Berhormat Gombak dengan Yang Berhormat Padang Serai...

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Lama-lama baling kerusi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sudah Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Gombak senyum sahaja, Yang Berhormat menggelabah. *[Ketawa]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya minta Tuan Yang di-Pertua memperbetulkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Duduk! Duduk Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Ketawa]* Saya kenal Yang Berhormat Gombak dari dulu lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kinabatangan, tidak payahlah Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jangan ada *estimate* dengan Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Padang Serai.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Hendak susah... *[Ketawa]* Makan diri.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Bagi makan apa? *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Politik ini kena ada firasat. Firasat macam mana hendak naik...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Pagi sudah jumpa bini belum?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Macam mana hendak turun.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Pagi sudah jumpa isteri kah? Tiada?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jangan peribadi. *[Dewan riuh]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Masuk Hansard ini merapu sahaja. Apa masuk sini merapu sahaja!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kenapa... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kalau macam itu kahwin lagilah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Cerita tentang bajetlah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *You sit down! You shut up!*
This is my floor.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tengok! Dia punya naib pun tidak mahu dengar cerita dia sebab dia cerita mengarut, dia lari.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sudah Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Balik kepada bajet Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, ini pun bajet juga sebab apabila keruh keadaan, bajet kita pun tidak meningkat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sebab diputar belit oleh pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, minta tolong Yang Berhormat, jangan perli saya Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya speaker saya patut mengendali – jangan buat macam begitu Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bergurau sahaja. Sebab saya tengok suasana tegang, kita mahu bergurau. Jadi teguran Tuan Yang di-Pertua saya terima. Saya tidak memperli saya cuma bergurau. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Diamlah. Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat bahawa bajet ini merupakan satu bajet yang menjurus ke arah kemampanan ekonomi negara. Sekali gus ianya dilihat akan dapat menarik pelabur-pelabur luar juga mempertingkatkan pelabur-pelabur tempatan untuk melabur dalam negara kita.

Walau bagaimanapun, saya masih memberi penekanan kepada ke arah mana sistem penyampaian ataupun *delivery system* yang kita amanahkan kepada agensi-agensi pelaksana ini, ada ketulusannya. Seperti yang awal-awal yang saya katakan bajet untuk luar bandar walaupun Yang Berhormat Padang Serai cakap kita tidak adil. Itu tidak benar. RM6 bilion untuk pembangunan masyarakat luar bandar, ini saya rasa satu bajet yang cukup hebat diberikan oleh kerajaan untuk memastikan rakyat yang selama ini tidak menikmati air bersih, elektrik dan tidak ada jalan kampung maka melalui peruntukan yang ada ini maka ianya akan dapat mereka perolehi nanti.

Saya cukup yakin bahawa dengan adanya NKRA dan dengan adanya KPI – cuma saya ingin berpesan jangan pula bajet yang baik ini tiba-tiba tidak dapat kita laksanakan. Ini amanah... Amanah kepada agensi-agensi pelaksana. Jangan ada birokrasi, jangan ada unsur-unsur ketidaktelusan. Sebab kalau ini berlaku maka siapa yang akan dipertanggungjawabkan? Saya membuat pesanan ini, sebab ini sudah dapat kita rasa dalam bajet peruntukan 2010, banyak lagi peruntukan yang diperuntukkan untuk dilaksanakan, akhirnya tidak dapat dilaksanakan.

Saya cukup hairan kenapa? Tidak dibelanjakan, apa masalah tidak boleh dibelanjakan? Akhirnya projek yang di rencana itu tergendala. Apabila tergendala rakyat menderita, kerajaan rugi dan sebagainya. Pembangkang mengambil kesempatan di atas kelompang-kelompang yang diwujudkan oleh agensi-agensi pelaksana. Kerajaan telah bagi dana untuk membantu petani, penternak, usahawan-usahawan kecil dan IKS. Duit di bagi di bank-bank yang diamanahkan oleh kerajaan.

Malangnya, dana ini tidak sampai terus kepada mereka yang memerlukan. Tidak sampai sasaran. Okey, Yang Berhormat Putatan sila.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik hujah Yang Berhormat Kinabatangan, soal impak yang dahulunya kita melihat Yang Berhormat bagi pegawai-pegawai pelaksanaan ini. Kayu ukurannya berapa wang yang dibelanjakan. Jadi kita sudah pun berhujah demi berhujah, membahar demi membahar pada tiap perbahasan di dalam Dewan.

Akan tetapi, kita melihat sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, masih lagi yang baru-baru ini sudah – kita bulan 11. Kita melihat perbelanjaan itu dibelanjakan dengan projek-projek yang tidak tersenarai seperti membuat longkang-longkang yang saya nampak kontraktor tidak aktif membina benteng-benteng jalan untuk menghabiskan wang yang telah diperuntukkan. Adakah Yang Berhormat melihat perkara ini akan berterusan apabila kita melihat bajet yang cukup indah ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya berharap mudah-mudahan perkara seumpama ini tidak berlaku lagi sebab ini dipanggil kegagalan. Kegagalan bagi pihak pelaksana sedangkan kerajaan telah memberi amanah kepada agensi-agensi ini untuk melaksana.

■1510

Akan tetapi, ternyata mereka masih gagal dan berlakulah perencanaan yang sedemikian. Duit yang ada seharusnya dibelanjakan untuk rakyat, tiba-tiba dialihkan dengan projek-projek yang *emergency*. Apa yang kita minta untuk keperluan rakyat, dia kata tidak ada peruntukan. Apa yang kita tidak minta, datang berlimpah-limpah. Jadi, ini merupakan satu kegagalan. Saya juga berharap tidak berulang lagi.

Saya menyambung tadi, dana pinjaman untuk memudahkan usahawan-usahawan kecil dan peniaga-peniaga. Saya ditemui oleh beberapa orang usahawan kecil. Mereka kata sudah memohon enam bulan satu tahun, tidak dapat. Pegawai yang diamanahkan di bank tersebut berkata '*Ini salahlah, ini silaplah*'. Jumlah yang dipinjam bukan banyak, RM5,000 atau RM10,000. Akan tetapi peminjam yang meminjam beratus ribu, senang dapat pula, dia kata. Bukan saya yang cakap. Ini pengadu sendiri yang cakap. Mereka yang memproses *loan* bank ini meminta 2% atau 3%. Kalau kerajaan simpan RM500 juta, kalau 3%, maka RM15 juta lah hilang kepada mereka yang tidak seharusnya dapat.

Jadi, di mana silapnya. Apakah kerajaan akan memperbetulkan kesilapan ini? Disebabkan itu ramai orang yang meminjam daripada ah long. Apabila meminjam daripada ah long, banyaklah cerita yang berlaku sebab cara pinjamannya mudah, tidak memerlukan apa-apa. Ada cagaran, boleh membayar, lulus. Pergi ke bank, kerajaan sediakan beratus juta. Mak cik, pak cik pinjam 2,000 atau 3,000 pun susah dapat. Ini tidak sepatutnya berlaku. Kerajaan harus meneliti persoalan-persoalan sedemikian sebab bukan sahaja merugikan rakyat tetapi merugikan kerajaan.

Saya kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, dan rakan-rakan yang lain, kita berasa amat sakit hati berjumpa dengan pihak atasan, memohon untuk satu projek kecil. Jawapannya ialah dia kata semua *open tender*. Akan tetapi dengar-dengar pula banyak tohmahan projek berbilion semua pula *direct-nego*. Jadi, saya tidak nampak di mana – apakah yang sebenarnya berlaku. Di manakah perkara ini kita boleh sasarkan?

Jadi, kita pun wakil rakyat, tidaklah dapat melakukan apa-apa sebab perlu menyertai tender terbuka. Akan tetapi pihak pembangkang cakap, banyak, tidak ada *transparent*, tidak ada ketelusan, tidak ada ketirisan. Jadi, di mana, sedangkan kami

sendiri melihat bahawa projek di kawasan 200,000 pun *open tender*. Akan tetapi pihak pembangkang cakap tidak ada ketelusan, rasuah. Ini rasa saya pihak pembangkang perlu membuka mata dan telinga. Jangan buat tohmahan, tuduhan yang tidak berasas.

Saya percaya rakyat di luar akan dapat menilai di mana emas, di mana kaca. Jangan terpedaya dengan dakyah-dakyah pihak pembangkang yang hanya tahu memutar-belit dan bernafsu tinggi untuk memerintah negara ini. Ini disebabkan saya cukup yakin bahawa kerajaan yang ada pada hari ini telah melakukan yang terbaik...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Untuk kepentingan rakyat dan negara ini lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Apakah Yang Berhormat Kinabatangan memikirkan rakyat akan memilih pihak pembangkang dalam pilihan raya yang akan datang hanya berpandukan pada putar belit dan pembohongan pihak pembangkang? Apakah pemikiran rakyat sampai sebegitu rendah kerana terpengaruh dengan pembohongan, fitnah, putar belit pembangkang maka mereka akan memilih pembangkang. Saya tidak berfikir begitu. Bagaimanakah pendapat Yang Berhormat Kinabatangan?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Ketawa]* Yang Berhormat, biar pun perkara itu tidak benar, ia merupakan pembohongan tetapi dihujahkan setiap ketika, setiap waktu, hari-hari, maka ia akan menjadi benar. Jadi, itulah persoalannya. Maka, oleh kerana itu, pihak pembangkang tetap pihak pembangkang. Apa pun yang baik, dia akan tetap membangkang. Tidak ada yang baik. Itu kerjanya. Jadi, kerja kita, kita harus perelaskan kepada rakyat iaitu bagaimana situasi yang sebenarnya. Itulah penjelasan saya Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya kembali pada sistem penyampaian. Masih berada di tampuk lama, tidak ada perubahan, masih tidak memikirkan ketelusan yang sebenarnya sebab kalau pelaksana-pelaksana ini benar-benar memikirkan bahawa mereka bertanggungjawab, saya tidak nampak pelaksanaan yang baik ini tidak akan dapat diterjemahkan.

Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]: Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi, saya mahu meminta mana-mana kementerian yang mengawasi akan sistem pelaksanaan ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Hulu Terengganu bangun Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Oh! Sekejap ya. Harus memastikan bahawa ia akan dapat dilaksanakan mengikut program-program yang telah ditetapkan. Silakan Yang Berhormat Hulu Terengganu.

Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kinabatangan, dalam surat khabar baru-baru ini, Presiden CUEPACS mengatakan bahawa dengan tiadanya bonus oleh kerajaan, menganggap bahawa semangat kakitangan kerajaan sedikit luntur. Ini akan mempengaruhi sistem penyampaian yang diharapkan oleh kerajaan. Bagaimanakah dengan pandangan Yang Berhormat Kinabatangan? Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita tidak boleh - sebab kata pepatah Melayu, 'Menang bersabung, kampung tergedai'. Kerajaan telah melihat secara meluas, secara saksama. Walau bagaimanapun, kerajaan telah memberikan jaminan, apabila usaha ini dapat dipertingkatkan, maka keutamaan kita iaitu melihat akan kepentingan-kepentingan pekerja awam kita. Ini jaminan kerajaan dan walau bagaimanapun, kerajaan telah juga mewujudkan satu jawatankuasa iaitu Majlis Konsultasi Gaji Negara. Ini bagi mengkaji gaji mana yang minimum, yang sesuai, yang sepatutnya sebab ada yang mengatakan gaji RM3,000, ada yang kata RM2,000. Jadi, kita serahkan kepada majlis ini untuk menimbang dan mencadangkan kepada kerajaan.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sebab salah satu prasyarat untuk menjadi negara maju iaitu pendapatan...

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Tinggi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Antara penjawat-penjawat awam dan swasta.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Laluan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Silakan.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat telah membangkitkan soal upah di sini, soal gaji. Akan tetapi ada satu perkara lain yang kita lihat secara tidak langsung telah menyebabkan kakitangan kerajaan terutamanya yang melibatkan *service* ataupun perkhidmatan tertutup ataupun *close service*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang kita lihat seolah-olah perkhidmatan tertutup ini mereka mempunyai peluang yang terhad untuk kenaikan pangkat.

Contohnya kastam yang merupakan *the biggest collector* antara *biggest collector* di negara kita, kastam dan lembaga-lembaga, agensi-agensi yang lain yang mereka tidak ada peluang kenaikan pangkat. Akan tetapi apabila ada peluang kenaikan pangkat, mereka daripada PTD masuk dan menjadi ketua pengarah terus di atas yang menyebabkan kenaikan tidak bermula daripada bawah. Jadi, ini menyebabkan kakitangan yang terlibat dalam perkhidmatan tertutup ini, mereka merasakan mereka tidak ada apa yang perlu dibuat. Jadi, mereka hanya menyempurnakan waktu bekerja dari pukul 8.00 pagi sehingga pukul 5.00 petang atau dari pukul 8.30 pagi sehingga pukul 5.30 petang, cukup. Jadi, apa perlu mereka buat kerja lebih sedangkan masa depan mereka - ada yang bermula daripada gred 41 kalau untuk pengurusan, pencen pun gred 41. Begitulah adanya.

■1520

Jadi, kalau boleh berkongsi dengan pandangan Yang Berhormat Kinabatangan supaya perkara ini dapat diatasi oleh kerajaan dengan kadar yang segera.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, ini pandangan yang baik Yang Berhormat Padang Serai. Inilah wakil rakyat yang prihatin.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Arau, itu silap Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak, saya tujukan Yang Berhormat Arau wakil rakyat yang prihatin. Jadi, Yang Berhormat Padang Serai harus melihat bagaimana kualiti wakil rakyat menghujahkan sesuatu untuk kepentingan rakyat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Iaitu... ada burung saya dengar bersiul tidak tahu dari mana. Kita melihat memang ini benar, iaitu mereka rasa mereka terhimpit, mereka rasa mereka tidak dihargai. Justeru itu, saya mengambil hujah Yang Berhormat Arau ini supaya kerajaan dan juga Menteri yang menjaga KPI pun ada, mesej ini dibawa ke Kabinet, ini satu contoh agensi kastam keseluruhannya salah satu penyumbang, pemungut cukai untuk mengayakan negara. Namun, stafnya tidak juga pandai naik pangkat. Datang pengarah daripada PTD lompat sana. Mereka yang di bawah kerja siang malam seolah-olah teraniaya.

Justeru itu, ada di kalangan mereka tidak menyokong kerajaan. Jadi, saya harap Menteri dapat membawa perkara ini supaya dilihat secara lebih rasional ke arah bagaimana kita membantu pegawai-pegawai sebegini untuk dikaji bukan *reward*, tetapi dikaji akan jawatan mereka supaya mereka juga terbela untung nasib mereka.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ada dengar suara. Ya, sila.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan dan juga Tuan Yang di-Pertua. Mengenai isu bayaran gaji, elaun ataupun bonus kepada pegawai kerajaan. Saya bukanlah bertujuan untuk membantah ataupun menyokong. Kita perlu lihat bahawa bayaran ini adalah merupakan *reward* ataupun balasan kepada kerja seseorang. Kita tidak boleh ada satu *blanket policy*. Semua kata berkualiti, produktif dan berhasil dari segi kerja. Saya tidak fikir semua pegawai kerajaan produktif. Memang sukar untuk buat *statement* macam ini tidak popular. *It is not a popular statement* Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi, hakikatnya begitu. Banyak jabatan kerajaan yang kita pergi, kita melihat dan mengamati juga yang membuang masa. Banyak surat daripada orang kampung, orang ramai yang tidak berjawab. Permohonan untuk hak milik tanah, geran tanah yang kadang-kadang 10 tahun tidak berjawab. Permohonan itu dan ini tidak berjawab.

Jadi, ini adalah tanda-tanda bahawa adanya mereka – bukan saya hendak kata keseluruhan *civil service* ataupun kakitangan kerajaan. Ramai daripada pegawai kerajaan yang tidak produktif. Tidak ada menunjukkan hasil kerja yang mereka itu patut diberi bayaran sebagaimana yang dituntut lebih tinggi, lebih tinggi dan lebih tinggi. Bonus demi bonus. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah bersetuju kalau kita katakan bahawa pegawai kerajaan sewajarnya mendapat bonus, sewajarnya mendapat gaji yang lebih tinggi, kenaikan gaji yang lebih tinggi tetapi dengan syarat, mereka adalah orang-orang ataupun pegawai-pegawai yang menunjukkan prestasi kerja yang produktif. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya bersetuju dengan rakan saya daripada Pasir Salak. Memang itulah sebetulnya kena ada timbal balas. Jangan kita menuntut sesuatu tetapi kita tidak boleh *perform*, kita tidak boleh melaksanakan amanah dan tanggungjawab. Jadi, dengan adanya timbal balas ini, saya cukup yakin bahawa bak kata pepatah Melayu “Orang berbudi, kita berbahasa, orang memberi, kita merasa”.

Oleh sebab kalau kita tidak ada *win-win situation*, kita menuntut sesuatu tetapi akhirnya kita juga tidak boleh *deliver*, maka di situlah berlakunya persoalan-persoalan yang tidak diinginkan. Rakyat marah, kita pun marah. Rakyat marah hukum pemerintah. Ini tidak adil sedangkan yang salah bukan pemerintah, tetapi pelaksana. Justeru itu, agensi-agensi pelaksana, pihak penyampai ini harus fokus apa sebenarnya

tanggungjawab yang diamanahkan. Amanah tetap amanah disoal dunia dan akhirat. Jikalau kita tidak amanah, bagaimana ada kepercayaan. Sebab itu dilaksanakan sistem KPI.

Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Bung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Langkawi bangun Yang Berhormat.

Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Lanjutan daripada Yang Berhormat Arau tadi Yang Berhormat, apa pandangan Yang Berhormat sekiranya masalah *close service* yang terdapat sekarang ini baik dari segi imigresen, kastam dan lain-lain agensi, kita bukakan peluang kepada jawatan KSU, KSN dan juga timbalan KSU untuk semua. Mungkin dari polis boleh masuk, askar boleh masuk ke KSU dan juga agensi-agensi lain kastam, imigresen boleh masuk. Bagaimana pandangan Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini cadangan baru. Jadi, kebetulan Menteri KPI pun ada, saya ambil hujah Yang Berhormat itu sebagai hujah saya dan Menteri timbang tengok macam mana. Jikalau ia untuk kebaikan rakyat dan negara, rasa saya tidak salah kalau kita timbang.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Arau lagi.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Sekali lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya amat-amat menyokong penuh kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat daripada Langkawi kerana kita harus ada, kalau PTD menguasai pentadbiran awam. Jadi, kita harus juga memikirkan kaedah-kaedah yang lain. Menteri KPI pun ada di sini. Jikalau *close service* kita boleh fikirkan untuk naik daripada 41 kepada 44 secara *time base*, itu pun sudah mencukupi selepas lima tahun, 10 tahun sebab ada perguruan, *close service* yang lain kastam, dan agensi-agensi lain lembaga getah, lembaga itu dan ini, mereka hanya mengharapkan apa yang berlaku di jabatan mereka. Mereka juga manusia. Mereka perlukan *reward*. Bukan niat saya untuk membela kakitangan kerajaan.

Jadi, kita kena fikir walaupun berlaku sekarang ada tindakan-tindakan pembaharuan yang cuba dibuat oleh kerajaan seperti *cross fertilization* membawa masuk kakitangan korporat ke dalam kakitangan kerajaan. Itu baik untuk menyerapkan idea-idea baru dalam pentadbiran dan kita akui kebaikan dibuat kerajaan. Saya

bersetuju dengan Yang Berhormat Langkawi supaya untuk jawatan tertinggi KSU dan KSN supaya golongan profesional sama ada daripada AG sendiri pun dipertimbangkan untuk duduk di tempat berkenaan bukan hanya disandarkan kepada pegawai-pegawai daripada PTD semata-mata. Jikalau ini berlaku, saya ingat akan ada satu pembaharuan dalam sistem *delivery* yang ada di negara kita. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, dia tidak bertanya. Dia melontarkan pandangan dia dan saya terima pandangan itu. Yang Berhormat Menteri pun ada mendengar. Terima kasih Yang Berhormat Arau, cadangan yang paling baik untuk memperbetulkan, mempertingkatkan pentadbiran dan juga *delivery* dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah tajuk kepada satu tajuk iaitu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

Saya ingin bertanya kepada kementerian ini, sejauh manakah pemantauan kementerian dalam industri yang melibatkan IT dan ICT? Oleh sebab hari ini kita melihat blogger-blogger kita begitu ghairah menggunakan blog mereka melontar fitnah, memaki hamun dan sebagainya termasuk berlaku biadab dengan Sultan dan sebagainya, di mana kita juga melihat pada pagi tadi saya sentuh anak muda kita Namewee begitu biadab menggunakan blognya seolah-olah dia orang yang tidak bertamadun.

■1530

Saya ingin tanya, apa tindakan-tindakan susulan yang diambil oleh kerajaan dengan laporan-laporan polis yang dibuat? Ini kerana kita tidak mampu memiliki seorang modal insan dalam negara kita ini tidak bertamadun, seolah-olah dia hidup dalam gua batu. Ini merosakkan masa depan negara kita. Demikian juga dengan *blogger* iaitu Raja Petra. Selepas dia melontar berbagai-bagai tohmahan, dia melarikan diri ke United Kingdom. Apa punya rakyat Malaysia macam ini? Pembangkang pula begitu megah bergambar, berkawan dengan dia. Pada saya, ini bukanlah seorang manusia yang ada tamadun. Ini manusia datang dari planet mana, saya pun tidak tahu.

Justeru itu, saya meminta kementerian ini mengetatkan undang-undang yang sedia ada. Undang-undang kita gubal sudah ada, kita tidak pakai – kalau ini dibiarkan berlaku, maka akan ada beratus dan beribu lagi seperti Raja Petra, akan ada beratus dan beribu lagi remaja seperti Namewee ini. Dia tidak tahu asal usul negara ini. Apa yang dia fikirkan ialah kepuasan diri dia sendiri. Apabila melakukan kesalahan, dia kata

maaf. Bolehkah begitu? Kalau ini kita biarkan, negara kita ini tidak akan selamat, Tuan Yang di-Pertua.

Demikian juga kita melihat hari ini kita disediakan dengan hidangan Astro. Ini di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Apa jadi dengan perkhidmatan Astro pada hari ini? Hujan sikit – sudah berpuluh tahun, hujan sikit hilang siaran. Tidak bayar, dia potong. Semua dia kenakan. *Tax* dia kenakan, semua dia kenakan. Kenapa kementerian – di mana penguatkuasaan kementerian ini berada pada hari ini? Kenapa tidak diberi penekanan? Hendak bayaran lebih, servis kena baik, servis kena *good*. Di luar negara, mereka menyediakan perkhidmatan yang sama, ribut taufan macam mana pun, siarannya tidak tergendala. Akan tetapi tempat kita, Astro sudah mengaut keuntungan untuk dia, pedulilah! Jadi ini tidak boleh dibiarkan. Kementerian kena harus bertindak tegas dalam memberi perkhidmatan yang seumpama ini kepada rakyat negara ini sebab mereka telah mengaut keuntungan berbilion-bilion ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bertanya kepada pihak polis. Kita memang memuji sikap polis yang telah mempertahankan kedaulatan, keselamatan rakyat negara ini. Akan tetapi yang anehnya, setelah ramai orang hilang, ramai telah dibunuh, disembelih, dibakar macam-macam – kes Datuk Sosilawati – baru terbongkar semua ini. Kalau tidak ada kes sedemikian, bermakna yang hilang itu hilanglah. Hilang di planet mana kita tidak tahu.

Jadi saya mahu penjelasan daripada kementerian, kenapa berlaku seumpama ini? Dan dengan megahnya pula, orang yang didakwa ini memberitahu bahawa semua polis di daerah itu dia sudah rasuah. Apakah ini benar? Kalau benar, apa tindakan? Kalau tidak benar, kenapa perkara seumpama ini boleh berlaku? Sudah selepas berpuluh-puluh orang dia bunuh, polis tahu harta dia meningkat dari hari ke hari, usaha dia tidak begitu banyak. Akan tetapi tidak ada tindakan. Oleh kerana kes Allahyarhamah Datuk Sosilawati, maka baru terbongkar segala-galanya. Mungkin ramai lagi dibunuh, kita tidak tahu.

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]: Ya lah, macam dari Mongolia.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Itu sudah habis. Kalau Yang Berhormat ada kesediaan, Yang Berhormat siasatlah sendiri. Kita cerita soal realiti. Jadi inilah yang berlaku.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Itu Bukit Cerakah pun...

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Inilah yang berlaku. Saya minta penguat kuasa mengambil tindakan yang sewajarnya di atas kes-kes seumpama

ini supaya tidak berlaku lagi di masa-masa akan datang. Apabila ada laporan polis, ada sahaja yang hilang, maka gunakanlah apa juga kekuatan yang ada dalam anggota polis itu sendiri untuk mencari sumber dan menyiasat bagaimana dia boleh hilang.

Hari-hari kita baca di surat khabar ramai remaja wanita yang hilang, yang hendak kahwin minggu depan pun hilang. Tidak tahu entah ke mana. Jadi ini harus diperhatikan oleh kementerian dan juga anggota keselamatan kita. Sebab ini akan menjamin akan keselamatan – sebab polis ini nama dia kenapa dia diwujudkan adalah untuk menjaga keharmonian dan keselamatan awam. Kalau orang awam sudah terasa terancam – sebab kita juga melihat hari ini tidak tahu genetik apa dalam generasi baru kita ini.

Kita mengharapkan modal insan yang boleh berdiri megah untuk memacu ekonomi negara, tetapi rupa-rupanya kita seperti 'harapkan pagar, pagar makan padi'. Banyak remaja kita terlibat dengan gejala-gejala sosial yang negatif, menjadi mat rempit. Bukan sahaja merempit, dia mencuri, merompak, membunuh, merogol dan sebagainya. Tidak selamat kita memandu kereta satu orang, sebab dia akan berada di mana-mana.

Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pelajaran, Kementerian Dalam Negeri harus berpakat, bersatu padu memastikan gejala seumpama ini tidak melebar, tidak membesar. Ini kerana kalau kita biarkan, runtuhlah masa depan negara kita ini oleh genetik remaja-remaja yang tidak tahu apa yang mereka telah lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini amat serius kalau kita biarkan. Ini disebabkan dalam suasana kita cuba memacu pembangunan negara, kalau masa depan negara kita diisi oleh remaja-remaja yang liar, yang tidak bertanggungjawab, maka runtuhlah akan masa depan negara itu nanti.

Saya juga merakamkan terima kasih kepada hasrat murni kerajaan, sebab dalam Bajet 2010, kontraktor Kelas F begitu merana. Mereka kosong, poket mereka kosong. Ada yang gulung tikar, pejabat ditutup. Saya telah menyuarakan dan *Alhamdulillah* untuk Bajet 2011, kerajaan telah menyediakan peruntukan-peruntukan kecil untuk kontraktor-kontraktor Kelas F. Rata-rata, ramai kontraktor Kelas F SMS dengan saya iaitu mereka berterima kasih kepada kerajaan sebab akhirnya kerajaan telah mempertimbangkan untuk kontraktor-kontraktor Kelas F ini dapat bersaing untuk melaksanakan program-program, projek-projek kecil yang diamanahkan oleh kerajaan.

Oleh sebab itu saya selalu mengatakan bahawa kerajaan harus memikirkan bukan sahaja menyempurnakan projek mega untuk memacu ekonomi pembangunan negara, tetapi rakyat miskin, rakyat luar bandar, kontraktor-kontraktor kecil juga tidak

harus dilupakan. Ini kerana mereka ini kalau saya lihat daripada keputusan pilihan raya, 75% kemenangan Barisan Nasional daripada sokongan pengundi rakyat di luar bandar.

■1540

Justeru itu apa yang mereka beri harus dikembalikan oleh kerajaan, kerana kalau tidak menerima realiti seumpama ini maka kita akan berhadapan dalam suatu suasana pilihan raya yang mungkin akan menggerunkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan satu usul, satu isu yang membimbangkan rakyat terutama sekali di Kuala Lumpur ini. Kerajaan telah mewujudkan SPAD, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat, kita melihat bangunan kiri kanan berlimpah-limpah, jalan raya tidak bertambah, kemalangan berganda-ganda, pemandu bas hilang akal dan fikiran memandu laju tetapi nampak tidak ada tindakan yang tegas.

Kalau boleh saya syorkan undang-undang kita, mana-mana pemandu yang liar seperti ini hukum dia, jika dia pemandu awam yang melibatkan kematian, maka gantunglah dia sampai mati, kerana sebab dia tidak boleh hidup di dalam dunia ini kerana meragut orang lain dan mengambil kerja tuhan serta tidak memikirkan keselamatan orang lain. Ini pemandu gila, dan gantunglah lesen-lesen serta permit mereka yang mengupah pemandu yang tidak berhempah ini, pemandu penagih hilang pedoman, adakah dia tidak sedar apa tanggungjawabnya?

Jadi oleh sebab itu, pada saya harus dilihat pembangunan seimbang, jika pembangunan bertambah sudah tentu penghuninya bertambah, jalan raya tidak bertambah. Di Bandar Raya Kuala Lumpur ini sesak, hendak ke Dewan Rakyat pun susah, sesak di sana sini, tidak tahulah apa yang akan jadi di masa akan datang. Oleh itu saya berharap SPAD dapat memikirkan sesuatu yang terbaik, mempertingkatkan kualiti pengangkutan awam darat kita termasuk juga mengkaji, mengguna pakai perkhidmatan kereta api bawah tanah dan sebagainya serta mempertingkatkan kualiti LRT.

Saya sendiri nampak dan naik untuk mengkaji sejauh manakah *capability* LRT ini, dari satu destinasi ke satu destinasi, putus dan sambung dengan perkhidmatan yang lain. Ini tidak logik, jika di bandingkan dengan negara Hong Kong sesak tetapi perkhidmatan awam kereta bawah tanahnya begitu efisien, jadi kenapa kita tidak boleh mengubah wajah pengangkutan awam kita menjadi sedemikian rupa.

Kita berbelanja berbilion-bilion untuk mempertingkatkan, tetapi hakikatnya kita tidak nampak sejauh mana perbelanjaan itu dapat dimanfaatkan. Saya percaya rakyat

negara Malaysia yang tinggal dalam bandar raya ini mereka boleh menaiki perkhidmatan awam sekiranya terjamin mereka sampai ke destinasi yang ditentukan. tetapi jika tidak, masih juga di tampuk lama saya rasa untuk menuju negara maju itu jauh sekali untuk dicapai kalau kita tidak mendahului waktu yang ada pada hari ini.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sila, sila.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Apakah Yang Berhormat Kinabatangan bersetuju bahawa kerajaan tidak harus menggunakan peruntukan RM5 bilion untuk mengadakan Warisan Merdeka yang di antaranya membina *tower* yang setinggi 100 tingkat itu dan sebaliknya mengambil cadangan Yang Berhormat Kinabatangan memperbaiki menggunakan peruntukan untuk memperbaiki kemudahan sistem pengangkutan, kemudahan kawasan-kawasan luar bandar seperti di Kinabatangan, di Sabah Sarawak dan juga memperbaiki kemudahan yang paling asas seperti bekalan elektrik, air yang sepanjang masa ini saya nampak Yang Berhormat Kinabatangan dan ahli-ahli dari Sabah dan Sarawak selalu meluahkan masalah kemudahan asas yang tidak dapat dibekalkan walaupun Barisan Nasional telah memimpin lebih daripada 53 tahun. Apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa projek Warisan Merdeka seharusnya dibatalkan dan gunakan RM5 bilion untuk memperbaiki kemudahan yang paling asas untuk manfaat orang ramai, jawab baik-baik ya Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bintulu hendak jawab kah ataupun hendak tanya Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya hendak tanya sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya mahu tanya Yang Berhormat Kinabatangan. Tadi Yang Berhormat Kinabatangan menyebut satu perkara mengenai pengangkutan awam, sepatutnya kita berbincang bersama-sama dengan wakil rakyat daripada pembangkang untuk memperbaiki dan memberi cadangan tetapi pembangkang, Yang Berhormat Batu Gajah sedar atau tidak sedar menara 100 tingkat

ini yang bernilai RM5 bilion ini bukanlah projek daripada kerajaan, kalau saya tidak silap ini cuma Perdana Menteri umum sahaja, ini projek daripada swasta, RM5 bilion keluar daripada swasta. Mengapa kita mahu kelirukan Dewan ini mengatakan RM5 bilion ini daripada kerajaan, sekarang daripada *market talk* dengan izin, memang semua orang mengatakan projek membina bangunan 100 tingkat ini keluar daripada kerajaan tetapi daripada apa yang difahamkan ini adalah daripada Permodalan Nasional Berhad yang kini telah menjadi swasta bukan daripada *government agency*. Oleh itu ia tidak kena mengena dengan kerajaan, Yang Berhormat Kinabatangan setujukah tidak ini daripada swasta atau pun daripada kerajaan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Bintulu, saya ini banyak rakan-rakan yang hebat, mungkin Yang Berhormat Batu Gajah terlepas pandang, bukan saya cakap dia tidak pintar, dia pintar tetapi mungkin dia terlepas pandang dan cuba memutar belit, jadi jawapannya sudah jelas. Ini projek pembangunan swasta, cuma kerajaan, Kementerian Kewangan maklumkan. Jika swasta hendak melabur, tidak perlu cakap RM5 bilion...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [*Bangun*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: RM500 bilion pun dia punya duit, kita sokong, saya rasa penjelasan itu sudah cukup dan jelas.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sedikit penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sila, sila.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, RM5 bilion hendak dibawa masuk kita tidak tahu berapa bilion, RM40, 50, 100 bilion. Menara Berkembar kita bangunan pun dipersoalkan juga dahulu, berbilion-bilion, tetapi sekarang ini pelancong yang datang ke dalam negeri kita ini membawa dan memberikan *forex exchange*, pendapatan RM50 bilion setahun, pakailah sikit otak ekonomi, jangan otak kampung itu.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah. [Lenggong]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Kinabatangan boleh saya...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Silakan.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Pasir Salak, kalau kerajaan hendak mendengar pandangan pembangkang ini, Malaysia ini tidak akan maju. Dahulu, saya dengar Lebuh Raya Utara Selatan ini

membazir, ini projek mega, membazirkan duit rakyat tetapi hari ini rakyat meminta supaya kita menambah lagi lebuh raya ini kerana kereta di Lebuh Raya Utara Selatan sudah penuh, saya juga ada mendengar Jambatan Pulau Pinang dahulu, kata membazir, tetapi apabila anak dia menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang sekarang, dia meminta supaya kerajaan bina lagi yang kedua. *[Dewan riuh]* Putrajaya, kita bangunkan untuk pusat pentadbiran, hendak dilelong. Hari ini berebut-rebut hendak menang supaya duduk di Putrajaya. Yang Berhormat Kinabatangan jangan ikut rentak pembangkang ini, negara rugi rakyat akan rugi.

■1550

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat, Bintulu, Yang Berhormat Pasir Salak dan juga Yang Berhormat Jempol...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Yang Berhormat Petaling Jaya Utara sekali.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Insyallah* saya tidak akan terikut-ikut, kalau boleh saya akan ajak mereka ikut kita.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Boleh?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Okey. Sekejap sahaja. Tadi kata pembangkang asyik membangkang, tak nak projek besar atau apa-apa, saya rasa itu mengelirukan. Apa yang kita selalu bangkang itu bila projek-projek besar ini dikeluarkan dan diberikan kepada kroni-kroni Barisan Nasional kerana harganya cukup tinggi. Kita hendak *highway*, kita bukan tak nak *highway*. Akan tetapi kita hendak *highway* yang ada tol yang rendah yang berpatutan. Jangan macam tol sekarang yang berbilion-bilion diuntungkan oleh pihak kroni-kroni kerajaan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu dahulu. Yang Berhormat ini pun sama juga dengan Yang Berhormat Batu Gajah. Masih juga di tampuk lama, tidak tahu menilai mana satu yang benar, mana satu yang tidak, ikut tohmahan sendiri, ikut sedap hati sahaja. Saya ingat kalau Yang Berhormat Gombak jadi bos Yang Berhormat ini tidak termasuk dalam senarai dialah. *[Ketawa]* Ya. Cetek sangat. Macam juga Yang Berhormat Padang Serai, dia cetek pemikiran. Jadi ini masalah. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara pun mahu tunjuk dia pandai, tapi saya tengok tidak berapa pandai. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, satu isu melibatkan rakyat jelata, saya meminta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Tolonglah dalam dunia

hari ini mana ada lagi bantuan RM80, mana lagi ada bantuan RM100, RM120 mahu makan apa? Hendak minum pun susah. Kajilah dengan teliti peruntukan yang ada ini. Bagilah bantuan yang sebenar-benarnya kepada mereka ibu tunggal, kepada OKU, mereka yang miskin dan sebagainya. Jangan jadi kerajaan Pulau Pinang membantu rakyat miskin menggunakan wang judi. Itu tidak betul, inilah sebab pandai cakap, dia pembangkang ini kuman di lautan dia nampak, gajah depan mata dia tidak nampak. Dia cakap itulah kerajaan BN. Kerajaan dia apa buat? Sampai orang kampung beri balik RM100, malulah. Belum pernah berlaku dalam mana-mana kerajaan negeri dalam dunia ini kecuali di Pulau Pinang.

Kalau inilah kualiti kerajaan yang rakyat mahu pilih, kiamat negara kita masa depannya, kecuali berubah. Kalau berubah, saya yakin boleh. Akan tetapi kalau tidak berubah jadi kepada bakal Perdana Menteri Yang Berhormat Gombak ini tengok-tengok anak buah yang tidak betul, ketepikan kawan-kawan, sebab kepentingan negara, jangan fikir kawan. Kawan pun kalau tidak tolong, macam Yang Berhormat PJ ini tidak boleh pakai, macam Yang Berhormat Padang Serai pun tidak boleh pakai punya. Saya sudah *survey* tidak boleh pakai punya, mengganggu.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini cuba Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Tadi saya sudah kata, kalau Yang Berhormat Kinabatangan dapat 90 minit saya pun patut dapat, ya.

Pertama apa Yang Berhormat Kinabatangan kata di sini mengenai duit judi itu. Yang Berhormat Kinabatangan tidak faham langsung kerana dia di pedalaman Sabah itu, dia tidak tahu apa yang berlaku di Pulau Pinang. Dia tengok kawan dia cakap, dia cakap begitu juga. Orang cakap A, dia cakap A. Orang cakap satu, dua, tiga dia cakap begitu juga. Akan tetapi katakan wang judi, itu bukan. Kita hendak cabar bahawa Yang Berhormat Kinabatangan jangan menerima elaun Ahli MP kerana elaun itu ada *tax* nya, ada cukainya dari Genting Highland, kasino. Ada Toto dan juga Magnum. *[Ketawa]* Jadi Yang Berhormat macam mana?

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Sudah-sudah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini bukan yang diberikan bantuan tahu, ini gaji. Nanti orang tidak boleh menerima. Orang tua tidak boleh menerima bantuan

RM100, hendak tohmahan juga kata itu duit judi. Akan tetapi sendirinya bulan-bulan menerima elaunnya yang termasuk cukai dari *casino campaign*. Jadi macam mana?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey Yang Berhormat. Walaupun Yang Berhormat mahu jadi Ketua Menteri Yang Berhormat Parlimen bukan ADUN. Jadi jawapannya mudah, kalau Presiden PAS sama Yang Berhormat Tumpat cakap dia tidak terima, saya tidak terimalah. Akan tetapi selagi dia terima, mereka ini warak agama dia tahu. Saya ikut belakang dia. *[Ketawa]*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Hendak ikut PAS sekarang ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mana yang baik kita ikut.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tadi kata tidak ikut, sekarang hendak ikut. *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh terdapat sedikit hubungan luar negara kita terutama sekali hubungan Malaysia dengan Indonesia, hubungan Malaysia dengan Thailand, dengan Filipina.

Hari ini kita melihat timbul berbagai-bagai persoalan yang berlaku yang kelihatan tegang walaupun sebenarnya apa yang dipamerkan dalam surat khabar itu tidak seperti yang berlaku, iaitu sedikit perkara rakyat Indonesia mogok. Kedutaan Malaysia macam-macam dia buat melontar najis dan sebagai, mengutuk ganyang Malaysia, suap Malaysia. Hapus rakyat Malaysia. Saya melihat bahawa punca-punca berlakunya itu iaitu di antara *border* ataupun sempadan. Kenapa berat sangat kerajaan hendak mengukur sempadan antara sempadan ini?

Kenapa tidak diperuntukkan wang yang banyak supaya isu sempadan tidak lagi dipertikaikan. Apabila berlaku begini pihak marin polis kita pula begitu bangga, dia tangkap nelayan Indonesia sudah surat khabar besarkan. Apa salah dia tidak khabarkan di surat khabar? Kenapa mahu heboh-hebohkan. Polis mahu jadi orang politikkah? Hendak publisiti yang begitu luas. Belum selesai kes, sudah keluar, ditangkap lagi tiga orang. Ini rasa saya pihak pengurusan marin polis ataupun maritim kita ini, kena pakai akal sedikitlah.

Jangan biar mahu jadi glamor tangkap orang sana-sini dia buat publisiti. Publisiti ini dia buat mengundang kemarahan orang lain. Ada lagi pula rakyat negara kita ini tidak tahu dia berpendidikan tinggi, usahawan, tapi tidak tahu akal dia di mana dia simpan. Suami isteri pula belasah pembantu rumah, ini pun mengundang. Sedangkan bukan ini

yang kita mahu, kita pun mengutuk mana-mana rakyat Malaysia yang menganiaya sesama manusia.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kinabatangan, saya setuju apabila Yang Berhormat Kinabatangan sebut antara punca yang menyebabkan hubungan di antara Malaysia dan Indonesia kerana perkara-perkara yang disebutkan tadi.

Akan tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat Kinabatanganlah, agaknya ada atau tidak pihak tertentu, kumpulan tertentu mungkin daripada Malaysia yang mengapi-apikan lagi suasana kerana kepentingan-kepentingan tertentu dan menyebabkan hubungan yang sebenarnya baik menjadi lebih keruh kerana kepentingan dirinya sendiri.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak boleh menuduh siapa-siapa. Akan tetapi kita lihat juga Ketua Pembangkang pun membuat ceramah dan sebagainya di Indonesia. Ini telah memberi jaminan sekiranya Yang Berhormat Permatang Pauh jadi Perdana Menteri perkara ini akan selesai serta-merta. Ini memang baik sekiranya dapat ditunaikan, tetapi pada saya perkara seumpama ini seharusnya kita semua bertanggungjawab agar tidak merosakkan imej negara kita sendiri di mata mana-mana dunia. Ya, sila.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Bela nampak.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Sahabat saya dari Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini bakal Timbalan Perdana Menteri kalau tidak bagi susah kita.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Terima kasih. Saya baru pulang dari Jakarta sama dengan Yang Berhormat Permatang Pauh. Walaupun surat khabar *Utusan Malaysia* yang dimiliki oleh UMNO yang cuba memutarbelitkan kenyataan bahawa kita tidak hadir Parlimen Malaysia tetapi kita hanya hadir di Parlimen Indonesia. Pemikiran yang dangkal dan cetek oleh UMNO melalui *Utusan Malaysia*.

■1600

Apa yang kita mahu tegaskan di sini ialah, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Kinabatangan bahawa hubungan di antara Indonesia dan Malaysia sekarang

agak tegang. Akan tetapi persoalannya, apakah Yang Berhormat Kinabatangan setuju mengapa harus hanya dibebankan kepada rakyat Indonesia? Seperti BENDERA sebagai contoh. Sedangkan hanya segelintir rakyat Indonesia sahaja yang terjurus ke arah itu yang kita juga tidak senang. Namun, pendirian Yang Berhormat Permatang Pauh dan saya dalam pertemuan kita dengan Ahli-ahli Parlimen di Indonesia ialah kita tegaskan. Kita tidak akan setuju dengan mana-mana pihak yang terlibat dengan gerakan, jenayah, *violence* ataupun tindakan yang tidak menyuburkan hubungan yang baik ini.

Akan tetapi Yang Berhormat Kinabatangan juga perlu setuju dengan saya bahawa Yang Berhormat Rembau juga mengambil tindakan yang terlalu ekstrem dengan mengeluarkan kenyataan - 'Panggil pulang Duta Besar Malaysia di Jakarta pulang ke Malaysia'. Ini satu tindakan yang tidak bertanggungjawab daripada seorang anak muda yang mewakili pemuda di Malaysia. Sedangkan pandangan di Indonesia ialah pemimpin-pemimpin UMNO hari ini terlalu sombong dan angkuh. Sebagai contoh, tenaga kerja Indonesia (TKI) yang ditangkap, dihantar ke Sungai Buloh, dicambuk, dirotan, dan dicuri harta benda mereka. Ini bukan tindakan yang berperikemanusiaan, sebab mereka tidak melakukan jenayah. Mungkin pasport mereka hilang dan dokumen mereka tidak cukup. Saya mahu habiskan Yang Berhormat Kinabatangan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Pengalaman saya Tuan Yang di-Pertua, ketika dalam kerajaan bersama Yang Berhormat Permatang Pauh, perkara ini telah berlaku. Masalah TKI ini bukan masalah baru. Akan tetapi kita lebih bertanggungjawab ketika itu dengan menghubungi Presiden Habibi dan berbincang bagaimana kita boleh menghantar pulang rakyat Indonesia yang menghadapi sedikit masalah pulang secara berperikemanusiaan. Bukan dirotan, dicambuk, dan dicuri harta benda mereka - itu yang pertama.

Kita juga harus akui bahawa rakyat Indonesia sedikit sebanyak telah membantu pembangunan Malaysia dalam industri perladangan, pembangunan, dan hartanah. Telah banyak mereka membantu kita juga soal pembantu rumah. Mengapa ketika kita dalam keadaan yang meleset ekonomi kita memerlukan bantuan mereka, tetapi apabila negara kita telah sedikit maju kita menghina pekerja-pekerja Indonesia? Maka, sebagai sebuah parti politik yang bertanggungjawab dan sebuah parti yang akan menerajui Putrajaya dalam setahun lagi, sudah tentulah kita mahu menjalin hubungan diplomatik yang baik dengan Indonesia.

Hubungan diplomatik Indonesia dan Malaysia ini tidak terbatas kepada diplomatik biasa di antara kedua negara. Ini kerana Malaysia dan Indonesia banyak persamaan. Soal warisannya, budayanya, agamanya, bahasanya, dan kekeluargaannya. Mengapa kita hanya terbatas kepada soal diplomatik sahaja? Maka Yang Berhormat Kinabatangan sebagai pemimpin yang berpotensi untuk bersama dengan Pakatan Rakyat dalam setahun lagi, mesti bersetuju bahawa semangat kekeluargaan ini harus dipertahankan. Jangan sombong seperti Yang Berhormat Rembau dan angkuh kerana ia tidak membantu menyuburkan hubungan diplomasi di antara dua negara. Okey Yang Berhormat, terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Gombak, dari awal-awal lagi tadi saya telah katakan bahawa kita memang tidak bersetuju dengan mana-mana unsur-unsur keganasan, lebih-lebih lagi Allah SWT juga menyarankan orang Islam kita hidup sederhana. Jangan ekstrem dan memikirkan sesuatu yang luar biasa dan kesedaran itu rasa saya ada pada saya sebab saya bukan bertindak yang di luar jangka. Mungkin Ahli Parlimen Rembau ia ini pemuda - pemuda ini panas baran. Jadi memang begitulah. Akan tetapi ia tidak mewakili kepimpinan keseluruhannya. Oleh sebab itu kerajaan pun tidak mengambil langkah seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Rembau.

Di sana pun saya harap janganlah ada seperti Yang Berhormat Padang Serai yang ekstrem. Kita tidak mahu yang seperti itu. Kita mahu sederhana. Kalau tidak kena kita bincang, kita runding, dan semangat hubungan Malaysia-Indonesia itu memang kita ini satu rumpun. Bahasa pun sama, agama majoriti pun sama. Jadi apa yang perlu pada saya, jangan ada di antara kita yang mengeruhkan keadaan. Jangan ada dusta di antara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Itu lagu Broery itu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Ketawa]* Jadi itulah sedikit maklumat...

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Kinabatangan...

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Yang Berhormat Kinabatangan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya ini jenis manusia - kalau yang benar saya akan percaya...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Penjelasan, penjelasan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kepada kebenaran dan...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Penjelasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya sokong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tiga orang lagi belakang.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kinabatangan. Dalam hal ini Yang Berhormat, kita melihat ada beberapa perkara yang bukan seperti mana Yang terhormat Gombak bangkitkan tadi. Ada perkara-perkara yang kita anggap tidak sampai kepada rakyat di Indonesia. Terutamanya perkara-perkara baik yang berlaku di kalangan pekerja-pekerja mereka, yang contohnya mereka yang bekerja sebagai pembantu rumah.

Saya lihat hanya ada satu dan dua kes tetapi penerangan tidak tercapai dan menyebabkan di seluruh peringkat sama ada di peringkat persekolahan dan pengajian tinggi, orang menggagap bahawa Malaysia telah melakukan satu sistem penghambaan baru kepada rakyat Indonesia. Malah gelaran 'Indon' itu sendiri tidak disukai oleh rakyat Malaysia. Maksud mereka 'Indon' itu adalah *slave* atau hamba yang di mana mereka menganggap bahawa rakyat mereka yang bekerja dilayan seperti hamba.

Perkara-perkara ini konsulat atau kedutaan kita tidak memberi penerangan yang begitu mendalam kepada semua peringkat. Di peringkat pengajian tinggi, di semua universiti ataupun *universitas* yang ada di seluruh Indonesia turun ke bawah dan memberi penerangan berhadapan dengan mereka. Ini kerana Indonesia mengamalkan media terbuka yang menyebabkan pemerintah tidak dapat mengawal sama sekali apa juga yang perlu dicakapkan oleh rakyat kepada pemerintah dan sebagainya. Pandangan Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kinabatangan...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sambung, sambung... Sedikit.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, sedikit ya.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya mahu bertanya pendirian Yang Berhormat, nasihat dan pandangan pun banyak. Saya rasa kita tamatkan sahajalah isu ketegangan di antara Malaysia-Indonesia ini. Yang Berhormat juga beritahu dahulu kadang-kadang hubungan Yang Berhormat dengan isteri pun kadang-kadang ada tegang dan kadang-kadang kendur. Jadi kita ambil sempena itu dan kita tamatkan pertikaian tentang pertegangan ini, boleh atau tidak?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Arau dan juga Yang Berhormat Indera Mahkota. Yang Berhormat Arau, saya rasa Yang

Berhormat Arau ini perlu diberi perhatian untuk menjadi duta kita di Indonesia. *[Ketawa]* Ia ada kelayakan. Saya juga melihat juga Yang Berhormat, peranan media itu apabila ada satu pembantu rumah dipukul laporan media berjela-jela. Akan tetapi yang kebaikan rakyat Malaysia termasuk saya dan Yang Berhormat Gombak, yang melayan pembantu rumah dengan baik tidak ada cerita. Jadi itulah masalah kita. Televisyen kita, kedutaan kita, dan rangkaian apa-apa kita tidak ada menyiarkan apa-apa.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi memang betul kata orang - yang baik pun kalau tidak diterangkan tidak akan menjadi baik, yang jahat satu dihebohkan jadilah seluruhnya jahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Lenggong bangun, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sebentar. Saya setuju dengan Yang Berhormat Indera Mahkota sebab kita ini bersaudara. Satu rumpun, satu bangsa, dan satu irama. Persoalannya sekarang, bagaimanakah kerajaan mahu melihat *border* lain itu iaitu sempadan yang boleh mengeruhkan itu dapat diterangkan? Maka harus ada diukur pemetaan sempadan antara kedua negara. Jadi boleh tahulah kalau nelayan itu Indonesia - boleh tahulah. Kalau pun ditangkap, janganlah polis panggil, "*Oh! Kita telah tangkap tujuh orang.*" Ini bukan kerja polislah mahu *publish*. Buat apa di *publish*? Saya mahu mintalah Kementerian Dalam Negeri juga mengkaji soal sebegini supaya hubungan yang ada ini...

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: ...Dapat dieratkan dan kita boleh hidup sebagai jiran yang makmur dan seperti aur dengan tebing.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin bangun, Yang Berhormat.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua... Yang Berhormat Jasin, okey sila. Selepas Yang Berhormat Jasin Tuan Yang di-Pertua, saya KIV dan saya mahu teruskan hujah saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, masa pun hampir habis.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya Yang Berhormat Kinabatangan.

Pertamanya, kita mesti mengakui sumbangan rakyat Indonesia dalam membangunkan pembangunan ekonomi negara. Mereka telah banyak menyumbang dan dalam masa yang sama, Indonesia adalah dalam gerakan rakan dagang kita yang paling terbaik. Bukan sahaja kita banyak menanam modal di Indonesia, bahkan banyak *interest* kita di sana. Seharusnya, kita dapat menjaga persahabatan kita yang sentiasa baik.

■1610

Apa yang saya nak sebut di sini, perkara pertama bagaimanakah sebenarnya ketegangan ini berlaku? Ianya bermula selepas polis IPMM kita menangkap polis dari Indonesia yang mengacau nelayan kita. Kejadian ini berlaku sebenarnya Yang Berhormat, di depan Batuan Putih dekat dengan Middle Rock. Sebenarnya Middle Rock dan Batuan Putih adalah kepunyaan Malaysia dan garisan sebenarnya adalah sebanyak 500 meter di depan Middle Rock. Nelayan kita sebenarnya berada dalam kawasan perairan Malaysia menggunakan GPS tetapi kerana Batuan Putih ini tidak dibuatkan penandaan seperti mana dibuat penandaan oleh Singapura, maka kesilapan ini berlaku. Kita tidak boleh menyalahkan mana-mana pihak tetapi apa yang telah berlaku seharusnya kita dapat tangani dengan segera.

Saya nak sebut satu lagi Yang Berhormat. Sepatutnya, sebagai rakyat Malaysia yang sentiasa taat kepada negara, yang cintakan kepada kedamaian dan juga kita mahu melihat supaya kedua-dua negara sentiasa dapat hidup aman. Seharusnya kita jangan mengeruhkan suasana. Saya nak tanya Yang Berhormat sekarang, bagaimana pandangan Yang Berhormat tentang usaha yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Permatang Pauh kononnya beliau telah berjumpa dengan Ahli-ahli Parlimen dari Indonesia dan satu daripada *statement* yang mungkin cukup menakutkan kita dan sedikit sebanyak telah menjadi satu perkara yang cukup *damaging* apabila menyebutkan kalau dia menjadi Perdana Menteri, dia boleh menyelesaikan semua keadaan. Dengan perkataan ini, sebenarnya beliau telah memperlekehkan kewibawaan Perdana Menteri kita seolah-olah Perdana Menteri tidak mempunyai keupayaan untuk menyelesaikan keadaan dan konflik ini. Bagaimana pendapat Yang Berhormat?

Seorang Ahli Pembangkang: Memang betul pun.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kinabatangan, sambung sikit.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Jasin, saya melihat bahawa kita tidak boleh menyalahkan Yang Berhormat Permatang Pauh sebab

dia ini *opportunist*. Kalau ada peluang nak memperlekehkan, apa lagi. Cuma terserahlah kepada rakyat untuk melihat sejauh mana pula tanggapan itu dapat diterjemahkan sebab pada saya, tanggungjawab kita selaku warganegara ini mempertahankan kedaulatan negara kita. Itu rasa saya amat penting tetapi saya cukup yakin rakyat masih lagi berada dengan Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Kinabatangan, sekejap sahaja.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu gulung sebab sudah mahu habis.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Sikit sahaja, sikit sahaja, seminit sahaja.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bukan tidak kasi tetapi saya ada perkara penting. Tuan Yang di-Pertua, sebelum terlambat saya ingin membangkitkan isu mendiang Edmund Chong, Ahli Parlimen Batu Sapi yang telah meninggal dunia dalam kemalangan jalan raya dan saya berharap Parlimen mempertimbangkan iaitu saya tetap yakin bahawa mendiang meninggal semasa menjalankan kewajipan selaku wakil rakyat iaitu membuat *confirmation* tiket di lapangan terbang. Justeru itu, apa juga pampasan-pampasan yang seharusnya dia dapat, saya ingin mengusulkan pada hari ini supaya dapat dipertimbangkan insurans dia dan sebagainya sebab walaupun macam mana, dia tetap pada ketika itu menjalankan tugas dia selaku wakil rakyat hendak datang ke persidangan di Dewan ini. Saya harap dapat dipertimbangkan.

Saya juga ingin menyentuh tentang itu Proton. Saya melihat Proton ini seolah-olah *backward* ataupun mundur ke belakang. Saya tidak nampak ada perubahan baru dengan Proton iaitu dia mengeluarkan- dulu kita dengar ada kereta Lancer tetapi sudah tidak dikeluarkan oleh Mitsubishi dan ada dia tukar nama sahaja, Inspira menggunakan Mitsubishi sebab alasan dia iaitu untuk mewujudkan prototaip kosnya RM700 juta. Jadi dia kena bergabung dengan apa yang sedia ada untuk melahirkan satu kereta baru. Ini amat memalukan negara kita. Kalau tidak mampu, tutup sahajalah. Jangan lagi membebankan kerajaan dan negara. Proton telah membuat pelaburan R&D berjuta-juta. Apa hasil dia? Takkan ada satu *design*, satu model yang boleh memperkasakan rakyat negara ini membeli kereta nasional. Ini dia tampuk lama juga.

Saya pun tidak tahu apa yang ada dalam fikiran Proton. Dulu sebelum ini Proton melalui Lotus telah bekerjasama dengan AirAsia, Tony Fernandez. Ini Tony Fernandez

saya tidak tahu ini orang planet mana dia datang, saya tidak tahu, dia semua dia ceburi. Saya sudah tegur bahawa pasukan 1Malaysia Proton-Lotus ini jangan diteruskan tetapi kementerian cuba yakinkan ini aktiviti swasta. Hari ini apa jadi? Antara Proton dengan Lotus ini dah ke mahkamah di UK, United Kingdom. Apa jadi? Saya tidak ada masalah peribadi dengan Tony Fernandez ini tetapi ini manusia tidak boleh pakai. Dia anjurkan penerbangan tambang murah, AirAsia. Apa yang murahanya? Dia ada pembayaran-pembayaran yang tidak terlihat, yang tidak dalam perjanjian. Satu beg RM30, lebih 15 kilo RM30, lebih 30 kilo RM60. Macam-macam dia kenakan orang. Saya meminta Kementerian Pengangkutan kaji balik, kaji balik perkhidmatan AirAsia ini. Dia bukan tambang murah tetapi dia penyangak mematikan rakyat.

Sekarang kerajaan bagi dia LCCT baru pula. Saya hairan, sudahlah percuma. Ini percuma, yang ada LCCT sekarang ini percuma dibagi kepada dia. Siapa tidak boleh kaya? Saya pun boleh, boleh kaya macam dia. Saya bukan cemburu tetapi saya membela rakyat Sabah dan Sarawak berkunjung ke Kuala Lumpur guna AirAsia memang dia kata murah tapi dia penipu.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Setengah minit boleh?

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan bangkitkan soal Proton. Saya telah kemukakan soalan kepada Menteri Kewangan tentang prestasi Proton sepanjang beberapa tahun yang lalu. Saya ingin berkongsi dengan Yang Berhormat Kinabatangan jawapan yang saya terima daripada Menteri Kewangan pagi ini secara bertulis. Kerugian Proton pada 2007 mencatatkan RM589.5 juta. Tahun lepas, 2009 terus rugi dengan catatan RM301.8 juta. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Kinabatangan kalau mengikut jawapan yang kita terima ini, Proton terus mengalami kerugian dan catatannya semakin besar.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Inilah sebetulnya saya berdiri, saya bahas sebab saya sendiri melihat ada sesuatu yang tidak kena dan kerajaan kena melihat secara lebih rasional. Kalau sudah semakin membebankan, tutup sahaja. Jangan lagi merugikan rakyat dan kerajaan. *[Tepuk]* Ini yang hairan. Kita meminta supaya Proton melihat bagaimana prospek perniagaan yang boleh menguntungkan tetapi dia mundur ke belakang. Orang tak mahu guna lagi Lancer, dia keluar pula

separuh Lancer. Dia bergabung pula dengan Tony Fernandez hendak Formula 1Malaysia. Akhirnya dia bergabung dan ke mahkamah.

■1620

Saya ini bukan ahli firasat tetapi jarang meleset firasat saya. Pada firasat saya Tony Fernandes ini makhluk yang luar biasa, yang kita harus berwaspada. Jangan mudah terpedaya dengan mulut manis bicara dia sebab kita berhadapan dengan keruntuhan ekonomi yang tidak dapat kita jangkakan. Akhir sekali...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sudah mahu habis, okey setengah minit.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat tertarik dengan isu AirAsia ini, khususnya Tony Fernandes. Yang Berhormat sedar atau tidak bahawa AirAsia ini berhutang kepada kerajaan ataupun MHA dengan beratus juta ringgit? Bukankah ini bermakna bahawa AirAsia ini tidak mampu dari segi kewangan untuk menjalankan perniagaannya? Oleh sebab itu hutang dengan *airport tax* sedangkan *airport tax* ini telah dibayar oleh penumpang-penumpang.

Yang kedua, Yang Berhormat sedar atau tidak, AirAsia ini menjual tiket *online* berbulan-bulan. Bagaimanakah AirAsia ini boleh memberikan satu jaminan bahawa mereka sentiasa boleh menunaikan pendirian mereka ataupun semasa – rakyat boleh *travel* dan juga bagaimana kerajaan boleh jamin bahawa jika mereka ini gulung tikar semasa itu, rakyat boleh dapatkan balik wang yang mereka telah bayar secara *online* kepada AirAsia. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat, begitu prihatin. AirAsia ini sengaja, dalam bajetnya mereka untung tetapi mereka sengaja *delay payment* sebab dia hendak *roll* duit itu, dia dapat untung. Inilah dia Tony Fernandes, dia *rolling man*. Pokoknya dia *roll*, apa sahaja dia *roll*. Dia beli kapal terbang baru, buat lagi sana sini, dia *roll*. Dia biasa *roll*, dia macam Yang Berhormat Shah Alam suka *roll*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, boleh gulung Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, saya pun hendak *roll* juga Tuan Yang di-Pertua. Pada saya iaitu saya sentiasa berdoa mudah-mudahan bajet ini akan dapat membangkitkan, menjurus ke arah memampankan ekonomi negara tanpa

melengahkan kebajikan rakyat Malaysia di luar bandar. Saya juga berkeyakinan dan berharap pihak pelaksana akan dapat melihat bahawa bajet ini akan dapat melahirkan generasi modal insan yang cemerlang, jati diri, mempunyai kebolehan, menguasai teknologi tinggi dan boleh mempelopori aras perjuangan negara untuk masa hadapan yang lebih cemerlang. Saya menyokong Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Marang.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sebelum itu minta *point of order*, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Pada 14 Oktober, Tuan Yang di-Pertua telah membuat satu keputusan ataupun teguran terhadap Jabatan Perdana Menteri iaitu EPU untuk memberikan jawapan kepada soalan Parlimen. Dua kali saya bangkit dan dua kali Tuan Yang di-Pertua telah membuat teguran. Akan tetapi teguran itu tidak dihiraukan oleh Jabatan Perdana Menteri, EPU. Ini menunjukkan bahawa pegawai di Jabatan Perdana Menteri atau EPU ini tidak mengambil kira, tidak prihatin kepada kedudukan Parlimen, sedangkan Parlimen ini merupakan satu badan untuk *scrutinize* dengan izin, kepada tingkah laku kerajaan.

Ini menunjukkan dengan jelas bahawa Jabatan Perdana Menteri, pegawainya tidak mengambil kira, tidak hirau Parlimen pun. Kita tidak boleh membiarkan pegawai ini sampai angkuh begini, tidak peduli kepada Parlimen sedangkan tugas mereka untuk siapa? Untuk rakyat. Kita bertanggungjawab kepada Parlimen. Parlimen adalah satu badan yang terunggul. Mereka mesti faham kedudukan mereka bukan kita kena tunduk kepala kepada mereka. *So*, saya minta satu *ruling* daripada Tuan Yang di-Pertua, bahawa bolehkah mereka berbuat demikian? Tidak peduli apa teguran Tuan Yang di-Pertua, apa tugas mereka terhadap Parlimen, mengenai dengan soalan-soalan Ahli Parlimen, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya turut kecewa dengan keadaan dan kedudukan ini. Saya telah memaklumkan dalam Dewan untuk pegawai daripada jabatan yang berkenaan untuk memanjangkan salinan jawapan kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Apabila keluar dari Dewan ini pun saya telah memberitahu kepada Setiausaha Dewan Rakyat untuk menghubungi pihak yang berkenaan bagi mereka menghantar, memanjangkan jawapan kepada Yang Berhormat. Saya kecewa

dimaklumkan ketika ini, bahawa Yang Berhormat sehingga sekarang ini masih tidak menerima jawapan.

Saya harap keadaan ini tidak menjadi satu budaya dan memang benar bahawa Yang Berhormat ada hak untuk mendapatkan jawapan daripada pihak jabatan yang berkenaan. Saya sekali lagi mengingatkan jabatan-jabatan untuk memanjangkan jawapan mereka seperti yang dikehendaki. Apatah lagi apabila sesuatu isu telah pun dibuat *ruling* oleh Tuan Yang di-Pertua. Saya akan meminta agar pihak berkenaan sekali lagi untuk mengemukakan jawapan seperti yang dikehendaki dalam soalan Yang Berhormat telah kemukakan itu. Saya harap agar pihak berkenaan akan menerima dan mengambil serius keputusan yang diambil di dalam Dewan ini.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, boleh bagi tempoh atau tidak berapa lama? Itu sahaja yang penting. Perlu bagi tempoh, kalau tidak juga saya mencadangkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri tidak dibenarkan masuk Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak sampai ke tahap itu Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sepatutnya begitulah. *[Ketawa]* Sebab itulah orang yang bertanggungjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat Marang.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, biasanya sudah berapa kali keadaan ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, saya minta agar dikemukakan dengan segera. Kalau boleh petang ini atau selewatnya pagi esok.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Memang mereka sudah bagi sekarang. Akan tetapi pada hari yang sama, mengapa tidak berikan jawapan itu? Itu yang penting. Tuan Yang di-Pertua mesti buat satu *ruling*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Setakat itu Yang Berhormat, kita minta dikemukakan secepat mungkin, kalau boleh petang ini atau besok pagi. Kita tidak boleh panggil pegawai-pegawai berkenaan untuk menjawab bagi pihaknya di dalam Dewan ini. Sila Yang Berhormat Marang.

4.27 ptg.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang [Marang]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh, wassalamu'ala mani'taba'alhuda. Alhamdulillah hirabil*

'alamin, wabihi nasta'in, wassolatu wassalamu 'ala Saiyidina Muhammadin Asyrafil anbiya wal mursalin, wa'ala alihi wasahbihi ajmain.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, seluruh pegawai kerajaan dan para tetamu, ada tiga perkara besar yang menjadi rukun terpenting kepada belanjawan negara. Yang pertama sumber kewangan, yang kedua pengurusan dan ketiga sasaran.

Kejayaan belanjawan bergantung kepada ketiga-tiga perkara ini. Sebarang kelemahan atau kekurangan atau kecacatan menjadikannya gagal mencapai matlamat. Ia memberi kesejahteraan kepada rakyat, kemajuan negara dalam erti kata yang sebenarnya. Walaupun berapa banyak peruntukan kewangan, apa pun slogan yang dicipta dan indah kata-kata yang diucap, kerana tanpa menyempurnakan rukun-rukun tersebut pasti memenuhi kegagalan. Kesemua rukun ini hendaklah dilaksanakan dengan adil dan bijak secara makruf dan mencegah kemungkaran.

Menunaikan amanah perintah Allah dengan betul dan ikhlas. Allah menjanjikan keberkatan. Firman Allah SWT [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] yang bermaksud, "*Kalau sekiranya penduduk negeri itu beriman dan bertakwa nescaya kami bukakan untuk mereka keberkatan dari langit dan bumi. Akan tetapi mereka membohongi, lalu kami bertindak ke atas mereka dengan sebab apa yang telah mereka usahakan.*"

■1630

Perkataan berkat hanya berada dalam istilah ekonomi dan kewangan Islam bermaksud memberi faedah dunia dan akhirat. Kata-kata ini cukup bermakna setelah kita menyaksikan dan merasai tanda-tanda awal kemusnahan yang menimpa manusia terkini. Tempiasnya juga dirasai di sini. Kita semua menerima Islam menjadi agama Persekutuan, termaktub dalam Perlembagaan dan hak kepada penganut kepada agama lain dengan adil. Kerajaan wajib membebaskan pemikiran sempit yang membelenggu pelaksanaan Islam secara menyeluruh dan melaksanakan Islam secara teragak-agak dan terpilih, bukannya secara mengabdikan diri kepada Allah.

Saya ingin mengemukakan dasar dan konsep Islam dalam belanjawan negara bagi mengisi ketiga-tiga rukun belanjawan tersebut. Saya yakin dan percaya perbezaan agama, bangsa dan politik tidak menghalang sedikit pun pelaksanaannya sekiranya difahami dan dilaksanakan dengan adil yang menjadi anutan semua manusia berbagai-bagai bangsa dan berbagai-bagai agama.

Pertama sumber kewangan. Islam mewajibkan sumber yang halal dan diambil dengan cara yang adil. Dalam perbezaan perkara halal, Islam melarang paksaan terhadap penganut agama lain, mengambil dan memanfaatkan sumber yang diizinkan

oleh agama masing-masing mengikut kepercayaan mereka dengan syarat meletakkan sumber itu ke dalam simpanan khas bagi mereka dan untuk mereka dan tidak disasarkan kepada penganut Islam.

Dalam mengendalikan urusan ini, pihak kerajaan masih tidak istiqamah dengan tidak melakukan pengasingan ini. Kerajaan negeri di bawah PAS diberi arahan supaya melaksanakan perkara ini dan saya percaya akan diikuti oleh rakan-rakan Pakatan Rakyat. Sumber judi, arak dan riba yang haram dengan nyata masih lagi bergelumang bersama sumber kewangan negara bahkan dianggap terpenting. Begitulah kenyataan pemimpin-pemimpin yang mengaku menganut Islam walau pun Allah menegaskan dengan amaran yang keras dan tidak ada dalam sejarah dunia yang maju dengan duit judi, arak dan riba. Apa yang berlaku ialah keruntuhan negara dengan sebab judi, arak dan riba. Pelesenan judi di bawah kuasa Kementerian Kewangan, Kerajaan Pusat bukannya kerajaan negeri.

Sangat malang dan memalukan apabila kita adalah negara yang mempunyai pusat judi yang terbesar di rantau ini dan bertaraf antarabangsa. Kegiatannya sentiasa bertambah dengan keizinan kerajaan di atas nama kawalan. Banyak amaran Allah terhadap haramnya judi. Apa yang diharamkan wajib membawa mudarat dan penyakit kalau ada manfaatnya terlalu sedikit dan tidak boleh menampung bencana daripada penyakit.

Firman Allah Taala [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Mafhumnya; *“Mereka bertanyakan mu berkenaan arak dan judi. Katakan kepada mereka pada keduanya dosa yang besar dan ada beberapa manfaat kepada manusia namun dosa keduanya lebih besar daripada manfaat yang dihasilkan.”*

Seluruh penyelidikan kemasyarakatan sama ada Islam atau bukan Islam mengakui hakikat ini bahawa sebarang bentuk judi menyebabkan gejala negatif yang merugikan lebih besar daripada hasil kewangan. Di antara hasil kewangan negara ialah perusahaan arak dan judi yang dibangunkan lebih besar dari zaman penjajah. Sumber kewangan negara masih juga dalam pergantungan hutang yang berlandaskan riba dan amalan yang berlandaskan riba. Di antara sebab kemusnahan parah yang menimpa sistem liberal kapitalisme yang dijulung oleh kuasa besar barat ialah riba.

Allah SWT mengharamkan riba dengan sekeras-kerasnya dengan amaran dunia dan akhirat. Sudah pasti riba sebenarnya penyakit barah ekonomi khususnya aspek kewangan. Allah memberi amaran dengan firmanNya [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Yang bermaksud *“Allah menghapuskan berkat dan kebaikan daripada riba dan*

memberi keuntungan kepada segala sedekah yang bersifat tolong-menolong dan Allah tidak mengasihi setiap keingkaran dan dosa”.

Allah juga memberi amaran keras terhadap mereka yang melakukan amalan riba melalui firmannya [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Yang bermaksud “*Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dengan mematuhi segala perintahnya dan meninggalkan larangannya dan tinggalkanlah saki baki riba sekiranya kamu benar-benar menjadi orang-orang yang beriman, maka jika kamu tidak melakukannya dengan menunaikan perintah Allah yang mengharamkan riba itu bermakna kamu mengizinkan Allah dan rasulnya mengisytiharkan perang terhadap kamu dan jika sekiranya kamu bertaubat maka itu untuk kamu ialah modal harta kamu yang sebenar dalam keadaan kamu tidak menzalimi dan dizalimi”.*

Walaupun muamalat Islam dikembangkan dalam bidang perbankan dengan berbagai-bagai aktiviti dengan jumlah kewangan yang besar dan menerima pelaburan asing tetapi kemungkaran riba tidak dicegah dengan bersungguh menyebabkan hasil kewangan yang tidak saksama dengan tepat. Sumber kewangan juga diambil melalui cara zalim terhadap rakyat dan negeri. Kami tetap menegaskan bahawa merampas royalti petroleum daripada Terengganu dan menafikan hak Kelantan adalah satu kezaliman yang haram termasuklah peruntukan dan pengurusan hasil kekayaan di Sabah dan Sarawak masih tidak dapat menyelesaikan kemudahan asas setelah berlalu kemerdekaan setengah abad.

Mengikut sistem federalism dalam Islam, kita tidak boleh memungkah hasil mana-mana negeri di bawah jajahan takluk selagi kita tidak menyelesaikan masalah negeri yang menghasilkan sumbangan itu. Termasuk juga cukai-cukai dan denda yang tidak berpatutan, membebankan rakyat miskin yang berada di seluruh negara. Bayaran yang diwajibkan pada rakyat lebih besar daripada yang wajib dilakukan oleh kerajaan tetapi tidak dilaksanakan dengan sempurna seperti rawatan, pendidikan dan kemudahan asas. Kerajaan menjadikan perkara-perkara tersebut salah satu daripada sumber kewangan negara yang dibebankan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, terlalu banyak sumber-sumber alam kurniaan Allah di tanah air kita ini dan semua yang boleh diambil daripada kalangan mereka yang kaya-raya. Akan tetapi malangnya tidak dikendalikan dengan betul lalu membebankan rakyat secara menyeluruh termasuk di kalangan yang miskin tanpa membetulkan proses memanfaatkan sumber alam dan mereka yang kaya-raya tidak diatur supaya menjadi penyumbang yang sistematik dan adil dengan pencapaian produktiviti yang menjadi

hasil negara. Puncanya adalah kerana salah urus, dibayangi rasuah dan monopoli yang haram.

Di antara puncanya juga ialah campur tangan politik yang melampau dalam urusan sehingga menjadikannya sentiasa tidak mencukupi. Kerajaan menjadikan sumber kekayaan negara berkisar di kalangan orang-orang yang tertentu tanpa peduli larangan Allah. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Maksudnya; *“Supaya jangan berkisar di kalangan orang-orang kaya yang tertentu yakni di kalangan kaya-raya yang berkeliaran di sekeliling pihak yang berkuasa dengan sumbangan kewangan untuk mengukuhkan pengaruh dengan rasuah sehingga kewangan tidak diurus dengan saksama”*.

Rukun yang kedua pengurusan. Saya sangat menghargai kakitangan dan pegawai kerajaan yang mengendalikan urusan menjayakan belanjawan mengikut bidang masing-masing. Mereka adalah kalangan yang berpelajaran, berpengalaman dan berkebolehan yang bertaraf tinggi contohnya rakan-rakan yang sama melarikan diri berkhidmat di negara luar, mendapat pujian di negeri tempat mereka berkhidmat.

Mengapa mereka yang berada dalam negeri mengalami halangan yang menjadikan segala rancangan Malaysia yang terdahulu tidak mencapai matlamat yang memuaskan dan kita merasa bimbang Rancangan Malaysia yang sedang dan akan datang mengalami nasib yang lebih buruk. Di antara puncanya ialah wujudnya roh politik kepartian yang sangat kuat dalam pentadbiran dan pelaksanaan di semua peringkat, perjawatan, kenaikan pangkat dan pertukaran tidak berdasarkan dan berkonsepkan kebolehan dan kelayakan yang sebenar.

Dalam negara demokrasi yang maju, para pegawai mengambil tempat dan bertugas secara profesional bukannya kepartian. Mereka boleh menganut apa sahaja fahaman politik yang mereka pilih dan mereka bekerja dan bertugas secara profesional untuk negara di bawah kerajaan yang memerintah tanpa mengira parti dengan tekun berkhidmat kepada negara dan masyarakat.

■1640

Adapun di negara kita ini dirasuk hantu politik kepartian di semua peringkat dari atas sampai ke bawah. Di peringkat atas, semua tahu, mereka yang berada di atas mungkin terlalu tinggi, tidak nampak apa yang berlaku di bawah terutamanya yang paling bawah. Pengurusan di bawah diganggu oleh lapisan yang dinamakan JKK. Mereka yang dilantik oleh parti di peringkat cawangan bagi menjamin rakyat menyokong parti secara paksa dan mengugut semua kelulusan permohonan, bermula daripada

bantuan kebajikan bagi menyara hidup sehinggalah borang para pelajar di semua peringkat wajib mendapat pengesahan JKK. Terpaksa terhegeh-hegeh menyembah JKK sebelum dihantar ke jabatan-jabatan. Para pegawai wajib menerima pengesahan JKK, seolah-olah JKK lebih besar dan berperanan daripada pegawai-pegawai yang berpendidikan tinggi.

Ini antara penyakit pengurusan yang sedang membarah sekarang. Ramai wakil rakyat BN pula bergantung kemenangan pilihan raya. Kepada JKK, sudah tentu mereka mempertahankan golongan ini habis-habisan walaupun merosakkan pengurusan dan pentadbiran. Bagi menyalurkan bajet ini kepada sasarannya secara bijaksana, bukannya 'bijaksini'.

Tuan Yang di-Pertua, negara sedang mengalami kepimpinan yang tidak menjadi teladan walaupun slogan ini pernah diuar-uarkan beberapa dekad yang lalu dan berada dalam lipatan sejarah. Kita telah menyaksikan projek-projek gagal, sedang dan akan terus menyaksikannya. Di pertengahan tahun wajib dibentangkan dalam Dewan ini peruntukan tambahan. Kita tidak mahu peruntukan tambahan kerana kejahatan manusia dengan sengaja, bukannya bencana yang tidak boleh dielak.

Saya adalah Melayu yang tidak lupa dengan peristiwa stadium runtuh, stesen bas runtuh, bangunan makmal di sekolah runtuh, sehingga bumbung masjid ada juga yang runtuh. Mereka yang bertanggungjawab tidak nampak dan tidak didengari ada yang diambil tindakan. Mungkin menunggu supaya dilupakan dan terus mendapat projek baru. Bayangan rasuah belum hilang walaupun ada kedengaran tindakan yang diambil tetapi secara terpilih. Saya yakin negara yang dihinggapi politik wang dalam pemilihan parti dan pilihan raya tidak mampu mengatasi penyakit rasuah, jauh sekali untuk menghapuskannya. Saya serahkan kepada rakan-rakan yang lain menyebutnya secara *detail*.

Tuan Yang di-Pertua, saya baru pulang dari lautan dalam bersama nelayan dan saya menyaksikan sendiri bagaimana kapal pukut tunda yang berkuasa tinggi membersihkan laut daripada batu karang, tempat pembiakan ikan di samping membaham unjam-unjam menarik ikan dan bubu nelayan kecil, kumpulan lanun ini bergerak dengan bebas dan berlesen besar. Bukan sahaja mengganggu nelayan kecil dan sederhana, tetapi sangat berbahaya kerana menghapuskan benih hasil laut dan kawasan pembiakan di dasar laut. Ikan-ikan yang besar dibawa ke luar negara.

Ikan-ikan yang sederhana, kecil dan kurang mutu dibawa ke darat untuk dijual atau dibuat baja. Saya dimaklumkan juga bahawa tuan punya di darat, pekerjaanya dari

negara asing, tuan punyanya berada di darat, bukan di laut. Pekerjaannya dari negara asing. Di antara kegiatannya juga ialah mengisi minyak subsidi dengan banyak untuk dijual di laut. Ada kalangan penguat kuasa memaklumkan kepada saya, tidak boleh diambil tindakan kerana jerung di darat terlalu besar, menganga mulut untuk menelan kami.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun banyak negara dalam dunia termasuk negara maju mengharamkan sebarang cara yang merosakkan hasil laut, tetapi kita masih berterusan dengan amalan makhluk perosak ini. Saya mencadangkan supaya pihak yang lebih berkuasa bertindak dengan berani dan telus bagi menyelamatkan keadaan. Lebih daripada 50% nelayan pukat sederhana dan kecil terpaksa menjual bot, pukat dan alat-alat nelayan bagi mencari pekerjaan yang lain tanpa suatu jaminan yang kukuh. Keadaan yang sama berlaku di kawasan sungai dan tasik di Malaysia Timur dan Barat.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga berkenaan dengan sasaran. Rancangan memajukan negara yang membawa kebaikan kepada rakyat tidak mencapai sasaran sekiranya sumber kewangan berpusing di kalangan orang-orang yang tertentu, di kalangan kroni dan mereka yang tidak layak menerimanya. Perbelanjaan negara tidak bermanfaat sekiranya diletakkan tidak kena pada tempatnya atau tidak sampai kepada sasaran yang sebenar atau mereka yang diberi peluang tidak layak melaksanakannya dengan berjaya. Pendekatan menjadikan hasil kekayaan berpusing di kalangan mereka yang tertentu daripada pemimpin kepada kroni dan ada bahagian untuk pemimpin dan diberi peluang lagi kepada kroni. Hanya sedikit sahaja yang turun kepada sasaran yang sebenar.

Inilah hasil politik wang yang membentuk amalan yang begitu rupa. Amalan ini diakui sendiri oleh pemimpin-pemimpin utama Barisan Nasional. Syarat pertama untuk mendapat projek ialah pengesahan menjadi penyokong kuat Barisan Nasional. Syarat pertama untuk mendapat kemudahan bantuan dalam segala bidang ialah mendapat tandatangan pengesahan daripada JKK. Yang menjadi mangsa terbanyak termasuk kalangan bumiputera sendiri yang diberi hak istimewa.

Saya sangat menghargai semua kaum yang menjadi rakyat negara ini, yang menerima hakikat hak bumiputera yang perlu dibela dengan hak istimewa kerana jumlah mereka lebih besar dan majoriti berada di kawasan yang tiada kemudahan hidup. Dalam masa yang sama, tanpa menafikan hak kaum lain yang terbengkalai. Semua ketetapan ini hendaklah diamalkan dengan cara yang benar dan saksama. Jangan

dipengaruhi oleh fanatik kepartian yang lebih sempit daripada fanatik kaum yang lebih parah berbahayanya.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita melihat wujudnya gejala perkauman yang sengaja dibangkitkan semula. Saya suka menegaskan bahawa Islam tidak menghalang semangat kecintaan kepada kaum masing-masing kerana perkara ini menjadi naluri manusia dan Islam mewajibkan hubungan sesama keluarga secara wajib yang dinamakan silaturahmi, yang diharamkan memutuskannya. Semua para Rasul melahirkan kecintaan kepada kaum bangsanya dalam ucapan mereka. Al-Quran mengesahkan semua Rasul menyampaikan ucapan, *[Bercakap dalam bahasa Arab] "Wahai kaum bangsa kesayangan ku, abdikan diri kepada Allah."* Inilah ucapan para Rasul, menunjukkan kecintaan mereka kepada kaum masing-masing.

Allah sendiri berfirman bahawa Dialah yang mewujudkan pelbagai bangsa dan kaum kerana hikmah memasyarakatkan manusia secara sejagat, bukannya untuk berpecah dan berkelahi sehingga berperang di antara satu sama lain. Firman Allah SWT, *[Membaca beberapa potong ayat Al-Quran] "Wahai manusia, sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan, berbangsa-bangsa dan berpuak-puak supaya kamu berkenalan di antara satu sama lain."* Berkenalan dengan makna hidup bermasyarakat. Bertolong menolong dengan bertukar keperluan dan kebolehan yang berbeza di kalangan pelbagai bangsa dan pelbagai peringkat, menjadikan semua keperluan dapat dihasilkan secara kerjasama, persaudaraan kemanusiaan.

Dalam kecintaan kepada bangsa masing-masing, Allah meletakkan garis panduan. Di antaranya ialah firman Allah SWT, *[Membaca beberapa potong ayat Al-Quran] yang bermaksud, "Wahai orang-orang yang beriman, janganlah sesuatu kaum itu mempersendakan kaum yang lain. Boleh jadi kaum yang dipersendakan itu lebih baik daripada yang mempersendakannya. Dan janganlah kaum wanita mempersendakan wanita yang lain. Boleh jadi wanita yang dipersendakan itu lebih baik daripada yang mempersendakannya. Dan janganlah kamu mencela sesama kamu dan jangan memberi gelaran yang menghina. Seburuk-buruk nama ialah fasik selepas beriman. Dan sesiapa yang tidak bertaubat, mereka itulah orang-orang yang zalim."*

Apabila Allah mengaitkan amalan ini dengan iman dan fasik, menunjukkan bahawa mempersendakan kaum, besar dosanya dalam agama Islam sehingga menjadi fasik yang tidak layak menjadi saksi di mahkamah. Islam juga melarang fanatik kaum yang dinamakan *assabiah*. Sabda Rasulullah SAW, *[Membaca Hadis] yang*

bermaksud, *“Bukan daripada kalangan kami, orang Islam yang sebenar, orang yang mengajak ke jalan assabiah.”* Bukan daripada kalangan kita, orang yang berperang di atas dasar *assabiah* dan bukan di kalangan kita, orang yang mati kerana *assabiah*.

■1650

Lalu ditanya, *“Apakah makna assabiah itu?”* Jawab Rasulullah SAW, *[Membaca sepotong hadis] iaitulah “Kau menolong kaummu di atas perkara yang zalim.”*

Ini menunjukkan bahawa tidak menjadi salah sayangkan kaum masing-masing dan membela kaum masing-masing tetapi salah dan sesat apabila dijadikan kecintaan kaum suatu akidah perjuangan yang melampau. Islam mengharamkan zalim dan menghina serta mengejek di kalangan kaum, sehinggakan Nabi kita Muhammad SAW mengambil tindakan disiplin yang keras terhadap para sahabat yang menghina kaum. Dalam satu peristiwa, Nabi Muhammad SAW bangun berdiri apabila dibawa jenazah seorang penganut agama Yahudi untuk dikebumikan. Apabila ditanya mengapa bangun kerana dia seorang Yahudi, jawabnya, *“Dia juga seorang manusia”*. Maksudnya menghormati kemanusiaan walaupun terhadap Yahudi yang paling bermusuhan dengan Islam.

Islam mewajibkan penganutnya menghormati dan membantu ibu bapa dan keluarga yang beragama lain bagi menjaga hubungan kekeluargaan dan kemanusiaan. Bermakna kecintaan kepada bangsa dan membela bangsa masing-masing yang lemah tidak menjadi kesalahan tetapi hendaklah dipelihara juga hubungan kemanusiaan. Apabila kecintaan kepada bangsa dijadikan akidah yang mengatasi perintah agama supaya berlaku adil terhadap semua dan bersifat kemanusiaan kepada semua adalah haram. Perpaduan rakyat Tuan Yang di-Pertua, sangat penting bagi menegakkan negara kerana rakyat adalah salah satu rukun bagi negara. Kekukuhan perpaduan di kalangan rakyat gagal diwujudkan berasaskan fanatik kaum. Dalam masa yang sama, hak sesuatu kaum dalam negara tidak boleh dihapuskan sekali-kali. Perpaduan dapat diwujudkan dengan menyuburkan sifat kemanusiaan bersama mengikut naluri, bukannya dengan perasaan membuta-tuli.

Tuan Yang di-Pertua, semua kaum mengakui golongan bumiputera merupakan majoriti dan paling ramai dipinggirkan kerana pengurusan yang salah yang wajib diperbetulkan. Dalam masa yang sama, wajib disedari bahawa kaum lain adalah hakikat menjadi rakyat tempatan yang tidak harus dilabelkan dengan kata-kata yang menyakitkan perasaan atau sendaan-sendaan yang boleh mengeruhkan keadaan. Islam meletakkan sikap begini adalah amalan jahiliah yang wajib dikuburkan dan Allah

memuliakan sesuatu kaum dengan berpegang kepada ajaran Islam. Sejarah Islam membuktikan bahawa kepimpinan negara Islam tidak tertetap di tangan bangsa Arab sahaja. Apabila bangsa Arab meninggalkan Islam, kepimpinan bertukar kepada bangsa bukan Arab yang berpegang dengan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, keamanan dan keselamatan. Mutakhir ini kita mengalami gejala jenayah berat dan ringan yang tersebar luas dalam keadaan yang menggerunkan, menunjukkan tidak ada kehebatan undang-undang menjadikan keadaan tidak selamat daripada jalan raya sehingga dalam rumah sendiri. Sudah banyak mangsa yang dilaporkan terbunuh, hilang, cedera, kehilangan harta dan maruah diri. Hilangnya peri kemanusiaan menunjukkan kegagalan undang-undang, kelemahan penguatkuasaan dan badan kehakiman. Marilah kita mengaku kesilapan secara ikhlas kerana Allah sentiasa membuka pintu taubat seluas timur dan barat, sepenuh langit dan bumi. Jangan bersikap angkuh, lalu tidak berlaku adil terhadap diri sendiri sehingga menutup kelemahan kerana sikap begini akan membawa kemusnahan.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian kemajuan negara sangat berkait dengan keadaan keselamatan yang menunjukkan kelemahan dalam dasar dan sistem program pembangunan insan kerana tidak memenuhi keperluan manusia mengikut fitrah mereka dari segi jasad dan roh individu dan masyarakat. Aspek ini berkait dengan peranan pendidikan dan media yang mempengaruhi perkembangan ilmu dan minda. Sistem pendidikan yang gagal melahirkan insan yang beriman dan budiman – bukan sahaja berilmu tetapi beriman dan budiman.

Pembangunan insan menjadi rukun pertama kepada pembangunan tamadun sesuatu umat, aspek kebendaan adalah selepasnya. Semua negara kuasa besar yang musnah ketika mereka berada di kemuncak kekayaan sehingga berjaya mendirikan bangunan yang hebat, tinggi dan kukuh berada di kemuncak kekuatan sehingga menjajah kaum lain tetapi tidak beriman dan budiman. Persediaan pembangunan insan bukan sahaja membangunkan pusat-pusat pendidikan dari segi bangunannya di semua peringkat yang tersergam indah dan kakitangan yang bergaji lumayan, tetapi juga sangat bergantung dengan dasar pendidikan dan sistem yang merangkumi aspek naluri manusia.

Pembangunan insan hendaklah membentuk akal dan rohani, bukan sahaja jasad yang dilihat. Islam mewajibkan semua ilmu berlandaskan iman sehinggakan tidak ada pemisahan di antara ilmu duniawi dan ilmu agama kerana perhitungan dosa, pahala berkait dengan seluruh kegiatan manusia. Begitulah juga akhlak yang mulia, inilah cara

melahirkan manusia yang ikhlas kepada tuhan dengan ilmu dan akhlak yang luhur, menjadi anggota yang berwibawa membangun umat dan negara, rela berkhidmat dengan penuh pengorbanan dan efisien. Gejala bekerja kerajaan kerana tidak ada kerja di tempat lain, lebih suka berkhidmat di luar negara kerana mengejar gaji lebih dan keselesaan yang lebih, masalah birokrasi, rasuah, projek terbengkalai gagal dan sebagainya menandakan kelemahan dalam pembangunan insan. Maka sistem pendidikan dan pentadbirannya hendaklah dilakukan secara islah.

Peranan media sangat penting bagi melahirkan rakyat yang beriman, budiman dan berilmu. Sepatutnya melahirkan rakyat yang minat berfikir dan berilmu dengan minat membaca dan mengkaji, sebaliknya melahirkan rakyat yang minat berhibur dan berkhayal. Keadaan lebih berbahaya pada zaman langit terbuka tanpa sempadan.

Tuan Yang di-Pertua, di awal kemerdekaan, kita pernah menobatkan bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan yang rasmi. Dewan Bahasa dan Pustaka ditubuhkan bagi memperkasakan bahasa kebangsaan sehingga bahasa ini berjaya menjadi bahasa perantaraan berbagai kaum yang diterima sehingga ke peringkat terbawah di kampung Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan lain-lain sehingga berjaya menghubungkan semua kaum supaya mengeratkan perpaduan tanpa menafikan bahasa ibunda kaum masing-masing dan mata pelajaran bahasa asing bagi perhubungan antarabangsa dan menimba ilmu di seluruh pelosok dunia. Usaha dilakukan untuk mengembalikan semula bahasa kebangsaan menjadi bahasa ilmu yang pernah berlaku di rantau ini sehingga digunakan oleh beratus juta manusia ketika bangsa lain memperkasakan bahasa mereka seperti Jepun, China, Jerman dan lain-lain sehingga berjaya menembusi kedudukan di peringkat antarabangsa dalam lapangan yang luas, tiba-tiba pemimpin kita kehilangan jiwa bangsanya sehingga segan berbahasa dengan bahasa kebangsaan sendiri walaupun dalam negeri sendiri. Keadaan menyebabkan kedudukan bahasa kebangsaan dipinggirkan dalam tanah air sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam negara maju, bajet perlu dipantau. Pada zaman kegemilangan Islam, amalan ini pernah dilaksanakan apabila kewangan negara bukan sahaja dipantau sumbernya termasuklah juga pengurusannya dan sasaran. Dalam negara moden, berlaku lebih sistematik dengan melibatkan tiga pihak yang memantau – politik, pentadbiran dan awam. Pihak politik, belanjawan negara bukan sahaja melalui pembentangan di Parlimen untuk mengesahkannya dari segi perundangan, apa yang terpenting ialah juga dipantau melalui soalan dan perbahasan wakil rakyat dan jawapan

para Menteri Kabinet. Pemantauan tidak berlaku dengan tepat sekiranya banyak soalan ditolak dan Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab tidak hadir menjawab dan memberi penjelasan. Dibimbangi ada sesuatu kecacatan yang disembunyikan dan menghalang kritikan-kritikan membina.

Pihak kerajaan dan pembangkang sama-sama bertanggungjawab. Pihak pembangkang hendaklah dianggap penasihat, bukannya musuh. Kalangan kerajaan juga mestilah terbuka dan telus, diberikan hak yang sama untuk memberikan pendapat termasuk mengkritik dengan bebas tanpa syarat yang mengganggu hak memberi pendapat yang berbeza. Kalangan pentadbiran yang mengurus dan mengendalikan secara langsung bukan sahaja memantau dari segi auditan yang khusus kepada aspek kewangan tetapi termasuk juga yang lain jika berlaku kerana yang diambil kira bukan sahaja perbelanjaan kewangan tetapi termasuklah juga pengurusan dan pelaksanaannya. Perkara yang menjadi tujuan ini adalah tercapai atau tidak.

Pihak awam juga diberi hak yang sama memantau bajet kerana masyarakat awam adalah sasaran utamanya. Individu yang berkepakaran melalui NGO dan media juga berhak memantau perjalanan jentera kerajaan dan politik bagi menggunakan jumlah wang yang diamanahkan. Kadang-kadang pendedahan hak ini menyedarkan yang salah dan silap.

Penguatkuasaan OSA adalah langkah yang sangat negatif kerana menghalang hak yang adil terhadap negara bagi kebaikan kerajaan dan rakyat. Undang-undang ini lebih bersifat menyembunyikan kesalahan dan kelemahan. Kerajaan yang kuat dan teguh bersifat berani walaupun menghadapi tuduhan dan tohmahan. Tuduhan yang benar memberi kesempatan melakukan pembaikan dan pembetulan. Tuduhan yang salah perlu dijawab dan ada cara lain untuk bertindak terhadap penyebar fitnah. OSA menjadikan kerajaan berlagak maksum, bersih sepanjang masa. Hanya mereka yang berjuang mengekalkan kuasa sahaja bersifat demikian.

Peraturan alam daripada Allah menetapkan bahawa hanya kerajaan Allah sahaja yang kekal. Semua kerajaan makhluk tidak kekal walaupun pemimpinnya seorang rasul yang paling bersih yang mempunyai mukjizat. Allah mengisahkan satu kerajaan yang hebat tamadun kebendaannya, lalu berlagak dia sahaja yang betul dan memperbodohkan rakyat dengan kesenangan dan kemewahan. Firman Allah SWT, *[Membaca sepotong ayat dari Al-Quran]* -

■1700

Maksudnya, *'Firaun (Raja Mesir) menyeru kaumnya dengan menyampaikan ucapan, "wahai kaum ku tidakkah aku yang memiliki kerajaan negeri Mesir ini? Riaklah sungai yang mengalir di bawah arahan ku masuk ke kebun dan ladang. Adakah kamu tidak dapat melihatnya aku lebih baik daripada orang yang hina ini yakni Nabi Musa yang menentang kerajaannya yang tidak dapat memberi penjelasan dengan nyata mengapa tidak diberikan kepadanya gelang-gelang emas tanda pangkat kebesaran atau para malaikat yang datang mengiringinya.*

Lalu raja itu dapat menjadikan rakyatnya lemah dan bodoh lalu mentaatinya secara melulu. Sesungguhnya mereka menjadi orang-orang yang fasik. Maka tatkala mereka melakukan perkara-perkara yang menyebabkan kami murka, kami pun memberi hukuman seksa ke atas mereka. Lalu kami tenggelamkan mereka semua, maka kami jadikannya pengajaran kepada umat yang terdahulu dan contoh kepada umat yang kemudian".

Kebanyakan pengkaji sejarah zaman kini hanya melihat aspek kehebatan tamadun kebendaan tanpa melihat kezaliman yang tersirat membawa akibat-akibat buruk di sebalik tamadun itu. Allah SWT memerintah supaya kita sentiasa terbuka kepada kebebasan mencari kebenaran dan nasihat-menasihati, kritik yang membina. Firman Allah Taala. *[membaca sepotong ayat al-Quran] "Demi masa sesungguhnya manusia itu dalam kerugian melainkan orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal yang baik dan berpesan-pesan dengan kebenaran dan berpesan-pesan dengan kesabaran".*

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan bajet ini ialah meneruskan apa yang baik sebelum ini. Apa yang baik sebelum ini diteruskan dan berani membuat muhasabah serta membetulkan kesilapan, menampung yang kurang, menguatkan yang lemah. Perjalanannya hendaklah memenuhi rukun kejayaan serta bersikap terbuka kepada semua pihak yang memberi teguran. Saya tertarik dengan persembahan bajet yang bermukadimah al-Quran daripada Surah al-Qassas - Ayat 77.

Ayat ini sebenarnya berkait dengan pengajaran daripada cerita Qarun yang dibinasakan oleh Allah, yang dibinasakan bersama dengan harta kekayaan. Untuk merangkumi pengajarannya, mestilah dibaca 76 sehingga 84. Sila rujuk kepada Al-Quran, saya petik ayat itu. *[membaca sepotong ayat al-Quran] Yang bermaksud, "sesungguhnya Qarun adalah termasuk kalangan kaum Musa, maka dia berlaku zalim terhadap mereka. Dan kami telah mengurniakan kepadanya perbendaharaan harta*

yang kunci-kuncinya sungguh berat dipikul oleh sejumlah orang-orang yang kuat. Ketika kaumnya berkata kepadanya, janganlah kamu terlalu bangga dengan kekayaan itu. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang terlalu membanggakan diri dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepada mu, kebahagiaan di akhirat. Dan janganlah kamu lupakan bahagian mu dari kenikmatan dunia dan berbuat baiklah kepada orang lain sebagaimana Allah telah berbuat baik kepada mu. Janganlah kamu berbuat kerosakan di muka bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerosakan”.

“Qarun berkata, sesungguhnya aku hanya diberi harta itu kerana ilmu yang ada pada ku dan apakah ia tidak mengetahui bahawasanya Allah sungguh telah membinasakan umat-umat sebelumnya yang lebih kuat daripadanya dan lebih banyak mengumpulkan harta. Tidaklah perlu ditanya kepada orang-orang yang berdosa itu tentang dosa-dosa mereka. Maka keluarlah Qarun kepada kaumnya dalam kemegahan, berkatalah orang-orang yang menghendaki kehidupan dunia, moga-moga kiranya kita mempunyai seperti apa yang telah diberikan kepada Qarun. Sesungguhnya ia benar-benar mempunyai keberuntungan yang besar”.

Berkatalah orang-orang yang dikurniakan ilmu kepadanya, “kecelakaan yang besarlah bagi mu, pahala Allah adalah lebih baik bagi orang-orang yang beriman dan beramal soleh. Tidak diperolehi pahala itu kecuali oleh orang-orang yang sabar. Maka kami benamkanlah Qarun berserta rumahnya, hartanya ke dalam bumi. Maka tidak ada baginya satu golongan pun yang menolongnya terhadap azab Allah dan tiadalah ia termasuk orang-orang yang dapat membela dirinya. Jadilah orang-orang yang kelmarin mencita-citakan kedudukan Qarun itu berkata, aduhai, benarlah Allah melapangkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki dari hamba-hambanya dan menyempitkannya. Kalau Allah tidak melimpahkan kurnianya atas kita, benar-benar Dia telah membenamkan kita pula.

Aduhai benarlah tidak beruntung orang-orang yang ingkar nikmat Allah. Negeri akhirat itu kami jadikan untuk orang-orang yang tidak ingin menyombongkan diri dan berbuat kerosakan di muka bumi dan kesudahan baik itu adalah bagi orang yang bertakwa. Barang siapa yang datang dengan membawa kebaikan, maka baginya pahala yang lebih baik daripada kebajikannya. Barang siapa yang datang dengan membawa kejahatan, maka tidaklah diberi pembalasan kepada orang-orang yang telah mengerjakan kejahatan itu melainkan seimbang dengan apa yang dahulu mereka kerjakan”.

Akhirnya kita mendapat pengajaran, Qarun mendapat kecelakaan kerana sumber harta yang haram dan mengurus secara zalim, hanya modal harta tanpa modal insan yang sebenar. Kebahagiaan dunia sepatutnya menjadi jambatan bahagia sementara waktu di dunia dan kebahagiaan kekal di hari akhirat, tiba-tiba celaka di dunia dan lebih celaka di akhirat. Modal insan yang sebenar hendaklah membina roh dan jasad, individu dan masyarakat. Bermakna dengan ilmu, iman dan akhlak, saya tidak nampak kejayaan akan dicapai dengan sistem pendidikan yang tidak berjiwa bangsa kerana meminggirkan bahasa kebangsaan. Tidak beriman dan berakhlak kerana bergantung dengan guru daripada negara barat. Kuasa pihak pentadbir dan pendidik dihapuskan walaupun dibekalkan dengan gaji yang lumayan.

Dalam aspek agama pula, menyalahgunakan guru siswazah agama sekadar mengajar membaca dan menulis melalui program j-QAF. Taraf imam masjid lebih hina daripada JKK dan tok batin. Daripada mana sumber kewangan yang hendak dibersihkan kalau di antara projeknya sebuah kasino untuk bersaing dengan Resort World Sentosa di Singapura. Bagaimana untuk pencapaian taraf negara maju kalau pekerjanya masih mengemis? Isu gaji minimum baru di peringkat menubuhkan majlis konsultasi.

Amalan boros masih diteruskan dengan pembiayaan projek mewah untuk kemegahan dan kepentingan segelintir manusia dan mengabaikan majoriti rakyat. Rasulullah SAW pernah bersabda, *“antara tanda akhir yang membawa kemusnahan alam ialah [membaca sepotong ayat dalam bahasa Arab] apabila kamu melihat berlakunya orang-orang yang dahulunya berkaki ayam tanpa kasut, tanpa pakaian kerana terlalu miskin. Gembala-gembala ternakan, tiba-tiba mereka berlumba-lumba mendirikan bangunan-bangunan tinggi yang mencakar langit”*.

Saya memberi amaran bahawa penerusan membina menara bangunan tinggi yang baru bukannya kemajuan tamadun tetapi permulaan kemusnahan tamadun. Sekian, terima kasih.

5.09 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam membahaskan bajet ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin merakamkan jutaan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan yang telah pun membentangkan bajet tersebut yang pada saya merupakan satu pemangkin kepada

cita-cita, meningkatkan pendapatan negara ke tahap yang tinggi dengan slogan 'transformasi ke arah negara maju berpendapatan tinggi'.

■1710

Pada saya pendapatan ini penting bukan sahaja kepada negara malah rakyat. Ini kerana negara akan mampu bersaing berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara lain yang tidak perlu saya ulas lagi. Bagi rakyat juga perlukan pendapatan yang tinggi untuk menyara hidup dengan keperluan semasa yang sangat bertambah. Umpamanya jika dahulu sebuah rumah tidak perlu sampai ada dua, tiga kereta. Sekarang perlu ada dua kereta, isteri menghantar anak, suami menghantar anak yang satu lagi dan sebagainya. Masing-masing ada tugas yang sangat kompleks pergi pasar dan sebagainya. Maknanya keperluan hidup sekarang sudah pun meningkat atas faktor sekeliling.

Bukanlah bermakna pendapatan yang tinggi yang dicita-citakan ini lebih menyuap untuk kemewahan, kesenangan tetapi inilah realiti semasa. Keperluan itu sangat mendesak dalam keadaan sekarang dan akan datang. Dahulu setiap anak tidak perlu komputer sekarang sudah perlu komputer. Setiap anak ada satu komputer. Nasib baik komputer sudah murah. Dahulu tidak perlu ada komputer zaman kita tetapi sekarang kita sebagai wakil rakyat pun selalu ditandangi oleh mereka yang memerlukan komputer. Maknanya komputer sudah menjadi keperluan. Oleh sebab itulah kita perlu ada satu matlamat yang besar untuk meningkatkan pendapatan negara dan rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin kalau kita lihat suasana sekarang cita-cita kita akan tercapai dan anggaphlah ataupun bolehlah kita saya sebut di sini bahawa sekiranya bajet ini menjadi satu realiti yang berjaya dan saya yakin berjaya ia akan mewujudkan satu impak yang selesa dan meyakinkan sebagai dengan izin *starting* kepada negara berpendapatan tinggi. Lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang di mana telah pun terbukti terkemudian ini ekonomi negara telah pun berkembang 9.5%.

FDI dalam separuh enam tahun ini telah pun meningkat iaitu RM9.6 bilion. Kalau kita tengok Projek IRDA, *committed investment* sahaja tidak kurang RM60 bilion walaupun *target* RM40 bilion. Walaupun *target* tadi RM40 bilion itu adalah petunjuk bahawa *insya-Allah* sekiranya kita konsisten dengan pendekatan baru ini kita akhirnya akan berjaya.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, bolehlah sedikit berkenaan ini sama-sama PACkan. *[Ketawa]*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Sekejap sahaja, sedikit sahaja mengenai angka FDI yang diberikan tadi mengenai *first seven month* tahun ini kita sudah ada dapat lebih kurang RM9 bilion FDI yang telah pun diluluskan oleh MIDA. Akan tetapi baru dua, tiga hari yang lalu Timbalan Menteri MITI telah pun mengatakan bahawa jumlah yang diluluskan pada awal tujuh bulan ini Januari sampai Julai adalah jauh lebih rendah daripada apa yang diluluskan pada tahun lalu. Pada tahun lalu jumlah telah pun diluluskan pada masa Julai 2009 adalah RM22 bilion.

Jadi nampaknya walaupun tahun lalu jumlah yang diluluskan begitu banyak yang benar-benar dilaburkan jauh lebih rendah, tahun ini apa yang diluluskan jauh lebih rendah daripada apa yang diluluskan pada tahun lalu. Apa akan terjadi pada jumlah sebenar yang akan dilaburkan di negara kita?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat PJ Utara di PAC sama saya biasa cakap begitu. Cuma Tuan Yang di-Pertua, saya hendak meletakkan satu permulaan dengan keyakinan tentang angka-angka ini. Apabila sesuatu pelaburan itu telah diluluskan kemudian dijalankan mungkin ada perubahan dan sebagainya, itu soal lain. Akan tetapi saya hendak mula dengan satu keyakinan dan kalau boleh kita hendak supaya kita sama-sama menjadikan bajet ini sebagai suatu realiti.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya tertarik dengan hujah Perdana Menteri yang telah menumpukan empat strategi utama dalam usaha untuk mencapai hasrat merealisasikan bajet tersebut.

- (i) Disebut mendayakan kembali pelaburan swasta;
- (ii) Untuk membangunkan modal insan yang semua kita faham;
- (iii) Mensejahterakan hidup rakyat;
- (iv) Memantapkan penyampaian pentadbiran awam.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok akhirnya ialah bagaimana kita boleh menjadikan bajet ini sebagai satu realiti. Tuan Yang di-Pertua, saya teringat suatu ketika dahulu kita sangat popular ataupun kita kerap menyebut malah kita menggalakkan semua organisasi dalam negara Malaysia. Menekankan tentang mengaplikasi ISO ataupun dengan senang *International Organization for Standardization* yang kita masih ingat lagi yang telah pun kita bermula lama dahulu

sejak tahun 1960. Terkemudian malah sekarang pun sehingga 30 Jun 2010 sebanyak hampir 5,000 syarikat telah pun sudah menggunakan *standard* ataupun ISO tersebut.

Saya mengaku Tuan Yang di-Pertua, saya mengaku dan saya menyanjung tinggi tentang niat dan usaha kerajaan ke atas semua pendekatan untuk penjawat awam. Banyak pendekatan yang telah pun diambil daripada fail meja hinggalah ke piagam pelanggan, itu sangat baik. Daripada objektif umum kepada operasi kepada moto dan misi dan visi juga yang biasa dahulu disebut adalah ISO.

Tuan Yang di-Pertua, ISO ini adalah satu jenama yang diguna pakai seluruh dunia. Semua negara-negara maju telah pun mengamalkan ISO. Kita tidak ketinggalan untuk mengguna pakai ISO dalam semua bidang. Paling popular ialah ISO 9001 yang menekankan tentang pengurusan berkualiti.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sila bolehlah.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat Ledang dan Tuan Yang di-Pertua. Petang-petang ini orang tidak ramai. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Ledang sebab Yang Berhormat Ledang ada sebut tadi strategi kerajaan untuk menjayakan belanjawan ini. Saya pun sebenarnya hendak berharap supaya belanjawan ini berjaya dilaksanakan juga. Akan tetapi berkenaan strategi tadi ada disebut untuk menjadikan Malaysia ini sebagai negara yang mempunyai rakyat yang berpendapatan tinggi.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Ledang strategi bagaimana hendak suruh rakyat kita berpendapatan tinggi ini sedangkan gaji minimum pun kita tidak dapat hendak pastikan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Ledang zaman pentadbiran mantan Perdana Menteri yang baru lepas, Yang Berhormat Kepala Batas ada kebetulan dalam Dewan, memang menstrategikan satu dasar yang agak baik iaitu dasar merujuk kepada pertanian atau mengembalikan zaman kegemilangan tumpuan kepada pertanian, yang ada asas untuk mengatakan masyarakat boleh mencapai satu pendapatan lebih baik sekiranya dijana dengan betul.

Ini kerana kita ada bidang yang kita tumpukan. Saya berharap sebenarnya belanjawan ini ada memberi penekanan secara *tangiblenya* hendak meningkatkan pendapatan rakyat menuju, membawa rakyat menuju kepada pendapatan tinggi ini

berasaskan bidang apa? Pertanian pun tidak disebut, industri pun tidak disebut. Bidang itu bidang apa?

■1720

Kalau setakat ia kata hendak suruh rakyat kita daripada 15,000 kepada 50,000 ataupun 30,000 kepada 50,000 per kapita setahun. Memang kita boleh sebut tetapi pengisian itu bidang apa? Macam mana?

Kebetulan Yang Berhormat Ledang ada sebut permulaannya kata saya pun setuju dan saya berharap, bukan harap sahaja saya berdoa suruh rakyat kita memang patut boleh berpendapatan tinggi. Saya harap Yang Berhormat Ledang boleh lanjutkan sedikit penerangan sebab saya rasa sektor pertanian ini satu sektor yang penting dan mustahak yang memastikan kita ini *sustainable* dari segi pemakanannya. Itu satu dasar yang sangat baik sebenarnya sebab negara kita ini hendak dikatakan di antara perindustriannya atau pertaniannya baru di dalam transisi yang kita sendiri tidak dapat hendak kata dengan kukuh.

Malangnya industri ataupun polisi berkenaan dengan pertanian ini nampak seperti tidak dibawa bersama atau diangkat martabatnya. Agaknya bila dan pentadbiran apa kita hendak tunggu sehingga kita boleh capai *self-sustainability* dalam bentuk pertanian, sekali gus mengangkat dan menjamin pendapatan luar bandar ini agak meningkat. Baru ada nampak polisi yang jelas. Saya hendak tanya pendirian Yang Berhormat Ledang. Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Tuan Yang di-Pertua, pertama saya sebut tadi sudah ada petunjuk bahawa FDI kita meningkat dan nampak sebelum ini perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tadi rasanya silap, sebab yang nyata FDI tahun ini lebih meningkat berbanding tahun lalu. Itu tidak mengapa.

Yang Berhormat Indera Mahkota menyebut tentang bagaimana kita boleh meningkatkan pendapatan. Saya hendak mengajak Yang Berhormat Indera Mahkota supaya menghayati satu Program Transformasi Ekonomi (ETP) susulan daripada Program Transformasi Kerajaan (GTP). Di situ ada disebut NKEA iaitu transformasi yang menekankan tentang 12 sektor utama ekonomi yang semuanya menjurus kepada negara yang berpendapatan tinggi. Bagi saya ini bukanlah cerita-cerita dongeng dan sebagainya. Apa yang penting kita ada iltizam yang tinggi dan perancangan yang kukuh.

Oleh sebab itulah Yang Berhormat Indera Mahkota, saya menyebut tentang ISO tadi. Perlunya kita memantapkan semula pengamalan ISO kerana - bagi saya ISO ini

adalah salah satu daripada pendekatan yang boleh membantu kepada pencapaian matlamat seperti yang dicita-citakan. Sama ada bidang pertanian sebagai mana yang disebut oleh Yang Berhormat Indera Mahkota tadi ataupun bidang-bidang lain termasuklah industri berteknologi tinggi, ICT, bioteknologi dan sebagainya.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ini salah satu pendekatan yang saya fikir, mungkin kita bukan terlepas pandang tetapi kita perlu tegaskan semula. Saya hendak ke arah itu sebenarnya takut nanti saya lari jauh pula. Boleh saya habiskan dahulu mengenai ISO? Sila Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Berdasarkan kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ledang, Tuan Yang di-Pertua ada dua perkara yang saya hendak bertanya.

Pertamanya, sama ada Yang Berhormat Ledang dapat membezakan di antara FDI yang diluluskan dan yang telah benar-benar tercapai dan terlaksana? Apabila kita hendak bandingkan tahun sebelum ini dengan tahun sekarang, memang kita akan lihat bahawa jumlah yang diluluskan memang tinggi. Kalau hendak dilihat yang tahun lepas diluluskan pun jauh lebih tinggi tetapi sebenarnya yang terlaksana ialah rendah. Kalau kita hendak buat perbandingan kita buat *apple to apple* - banding yang diluluskan dengan yang diluluskan. Jangan kita bandingkan yang diluluskan dengan apa yang sebenarnya yang tercapai. Kalau kita buat perbandingan yang sebegitu memanglah nampak seperti seolah-olah apa yang diluluskan tahun ini jauh lebih tinggi daripada tahun sebelumnya. Persoalannya bukan yang diluluskan tetapi apa yang sebenarnya yang terlaksana. Itu yang pertama.

Keduanya tentang soal NKEA dan sebagainya. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Ledang dalam 12 perkara yang disenaraikan dalam *National Key Economic Areas* ini, adakah benda yang baru dalam NKEA ini yang tidak pernah disebut di dalam bajet-bajet sebelum daripada ini? Kita akan lihat bahawa sebenarnya semuanya sama, hanya apa yang berlaku ialah diberikan *packaging* yang baru dengan disenaraikan di bawah NKEA, NKRA dan sebagainya tetapi bendanya semua sama sahaja. Soal *oil and gas* - sebelum adanya NKEA pun ada juga *oil and gas* dan sebagainya. Lalu ini semua merupakan perkara-perkara yang sama yang tidak sebenarnya menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota, iaitu satu fokus dan kaedah yang

akan menentukan bahawa kita akan mencapai pendapatan tinggi yang disebut-sebutkan tadi.

Saya rasa daripada dahulu lagi kita hendakkan pendapatan tinggi. Tidak pernah kita letak matlamat kita hendakkan ekonomi yang berpendapatan rendah. Saya tidak tahulah kalau sebelum ini semua orang kita usahakan bajet yang negara kita mencapai pendapatan rendah. Akan tetapi hanya sekarang ini bezanya hanya ia letak dalam *packaging* yang baru, tetapi sebenarnya masalah yang sebenar masih tidak dijawab iaitu bagaimana hendak mencapai apa yang disebut. Jangan beri retorik-retorik dan *packaging, window dressing* yang baru tetapi masalah yang sama tetap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak terselesai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Masa Yang Berhormat Ledang berjalan. Tinggal 14 minit Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Saya ingat saya hendak pergi kepada ISO. Saya takut saya *misses* ISO ini. Cuma saya hendak jawab pendek sahaja. Tanpa kelulusan tidak akan ada permulaan. Kita tidak mahu main angka – kita tidak mahu berhujah tentang FDI yang lulus dan FDI yang jadi. Apa yang penting untuk tahun ini sahaja telah dinyatakan sekurang-kurangnya kalau pun kita payah hendak terima, sudah pun diluluskan FDI. Maknanya sudah ada kelulusan. Kalau ia tidak masuk kita pun tidak lulus – RM9.6 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tegaskan tentang ISO. Maknanya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita boleh bugarkan semula ISO maknanya kita tegas tentang ISO, saya yakin kita dapat melipatgandakan lebih keyakinan kepada semua pihak dalam negara kita.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: ISO itu apa?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ini adalah *standard* antarabangsa. Contohnya seperti yang saya sebut tadi pengurusan yang berkualiti yang ada dalam satu siri ataupun komponen ISO. Cuma Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut di sini banyak organisasi termasuk jabatan kerajaan, syarikat, GLC dan sebagainya menggunakan ISO.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [Menyampuk]

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Apa dia? Sabar dahulu. Menggunakan ISO...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak beri jalan lagi Yang Berhormat?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tidak. Saya takut nanti saya *miss*. Kemudian tidak mengapa, tinggal 14 minit. Cuma Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bangga ataupun kita sengaja menonjolkan di mana-mana logo syarikat kita dengan siri yang berbagai-bagai contohnya ISO 9001, ataupun tentang produk, *auditing* dan sebagainya.

Pada peringkat awalnya Tuan Yang di-Pertua, orang yakin dengan kualiti kita kerana kita ada logo ISO dan hendak mendapatkan logo ISO pun bukan satu perkara yang mudah. Akan tetapi di akhir perjalanan sesebuah organisasi masih menggunakan ISO tetapi ada kompelin, aduan, tidak kepuasan hati daripada mana-mana pihak, orang ramai termasuklah juga pelabur daripada dalam dan luar negara.

Oleh kerana ISO ini Tuan Yang di-Pertua adalah amalan ataupun bersifat dan bertaraf antarabangsa, tetapi sekiranya kita menggunakannya dengan sewenang-wenangnya kita akan hilang keyakinan di kalangan semua pihak. Ini termasuklah mungkin pelabur-pelabur dalam dan luar negara - terutamanya luar negara kerana ini soal amalan antarabangsa.

■1730

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya meminta supaya pihak Jabatan Standard Malaysia di bawah kementerian MOSTI lebih serius kalau mungkin selama ini tidak serius, kalau selama ini tidak serius. Mungkin kalau sudah serius pun, lebih serius lagi supaya orang ramai yakin dengan ISO dalam semua jenis urusan yang akhirnya orang ramai menggunakan sesuatu produk sama ada dalam bentuk barangan ataupun perkhidmatan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat]**

Jadi persoalannya di sini Tuan Yang di-Pertua, bagaimana orang ramai boleh mengambil bahagian dalam pengamalan ISO ini. Bagaimana orang ramai masih boleh - umpamanya boleh mengadu sekiranya mereka tidak puas hati ke atas sesuatu produk daripada mana-mana syarikat yang menggunakan jenama ataupun logo ataupun apa-apa paparan yang berkait, yang menunjukkan mereka ada ISO. Bagaimana kita boleh didik masyarakat, rakyat-rakyat Malaysia ini supaya sama-sama menjaga standard ISO.

Ini kerana kita tidak mahu mana-mana syarikat, mana-mana organisasi termasuklah jabatan-jabatan kerajaan termasuklah GLC kerana kesannya Tuan Yang di-

Pertua, kesannya sangat besar. Kalau ISO ini tidak dijaga dengan sempurna dari segi amalannya tidak diyakini ia akan menyebabkan, akhirnya pelabur-pelabur daripada luar negara mungkin tidak yakin dengan kita. Ini salah satu perkara Tuan Yang di-Pertua yang perlu kita tegaskan.

Jadi saya minta supaya pihak MOSTI, Jabatan Standard Malaysia melihat perkara ini sebagai satu yang serius supaya kita benar-benar yakin dengan apa yang kita buat. Saya yakin Tuan Yang di-Pertua soal NKEA yang disebut oleh Yang Berhormat Shah Alam tadi sebenarnya walaupun benar ia bukanlah bidang-bidang ekonomi yang ditekankan sebanyak 12 perkara itu. 12 bidang itu bukanlah perkara baru tetapi saya nampak ia disusun semula supaya kita boleh menjana *income* yang lebih daripada bidang ekonomi yang utama itu.

Di sinilah pentingnya Tuan Yang di-Pertua, kita yakin dengan apa yang kita buat. Saya nampak kalau kita boleh beri peluang kepada penyuburan ISO, *insya-Allah* kita mampu untuk mencapai matlamat tersebut.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Tuan Yang di-Pertua, saya minat apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ledang tentang ISO yang mana standard ini, menentukan standard. Matlamatnya cukup baik ialah untuk memastikan supaya produk, perkhidmatan dan sebagainya yang akan diterima oleh pelanggan kita adalah mempunyai kualiti yang cukup baik. Akan tetapi kalau kita lihat pelaksanaan ISO di jabatan-jabatan atau di mana-mana biasanya Yang Berhormat Ledang kita memerlukan *consultant* ataupun perunding di mana kemahiran, kepakaran ada pada perunding dan akhirnya dengan menggesa, mendesak pekerja-pekerja ataupun kakitangan di suatu organisasi itu melaksanakan ISO ini maka kita dapatlah ISO 9002 dan sebagainya.

Akan tetapi dari segi penghayatan itu, saya setuju dengan Yang Berhormat Ledang. Kita tidak hendak nanti kita nampak ada agensi ataupun badan-badan tertentu mendapat ISO berapa ribu dan sebagainya, 9002 mungkin 10 000 sebagainya dan yang akan datang ini mungkin ada lagi tetapi realiti sebenarnya tentang pemahaman, penghayatan tenaga ataupun pekerja-pekerjanya mungkin tidak sampai ke tahap yang sebenarnya yang sepatut kita perolehi.

Jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat Ledang? Saya setuju dengan Yang Berhormat punya harapan serta hasrat itu supaya kalau kita bertambah maju akhirnya sudah tentulah produk-produk kita yang kita keluarkan juga mempunyai kualiti yang baik selaras dengan ISO yang kita perkenalkan dalam sesebuah agensi ataupun apa juga syarikat. Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, saya amat berterima kasih dengan Yang Berhormat Maran kerana dia telah mengingatkan saya tentang perlunya satu *area* seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Maran tentang kelas dalam ISO.

Tuan Yang di-Pertua, ISO ini bukan satu perkara yang hanya boleh kita pakai kepada logo sahaja. Ia perlu ada sistem *auditing*, penilaian setiap tahun dan sebagainya dan Yang Berhormat Maran tadi menyebut berkaitan bagaimana kita boleh menghayati ISO itu. Pada saya Tuan Yang di-Pertua, dalam sebuah organisasi kalau hendak mengamalkan ISO semua perlu faham. Setiap individu dalam sebuah organisasi bukan setakat pengurus sahaja, semua individu termasuklah pencari fail, termasuklah kerani dan sebagainya mesti faham apa dia ISO. Bukan setakat pegawai jaga ISO sahaja, barulah ISO yang diguna pakai oleh sesuatu organisasi itu boleh diterima oleh orang ramai, oleh orang yang mana-mana berurusan dengannya.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Ledang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik betul apabila disebut tentang ISO ini. ISO ini adalah satu sistem piawaian untuk mengukur apa jua macam kita hendak menilai jenis perkhidmatan ataupun produk. Akan tetapi apa yang kita hadapi Yang Berhormat Ledang, kita banyak buang masa. Selepas itu kita banyak buang duit hendak menyediakan untuk mencapai tahap ISO ini kerana ISO ini, dia punya itu - apa yang kita janji kita perlu buat, itu satu daripadanya. Akan tetapi sekarang apabila kerajaan memperkenalkan KPI, saya fikir KPI adalah lebih efektif daripada ISO ini. Macam mana pendapat Yang Berhormat Ledang?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung sedikit Yang Berhormat Jasin tentang peranan ISO. ISO ini dan berbagai-bagai *system standardization for an organization* ini ialah sistem yang dibina bagi membentuk budaya. Jadi sebagai - kita sememangnya ada *job description* ataupun dulu dia panggil senarai tugas dan sebagainya. Dulu-dulu dia ada fail meja. Ini semua adalah sistem-sistem yang membentuk budaya kerja cemerlang supaya akhirnya produktiviti dan juga produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh sebuah organisasi itu berada di satu tahap yang paling tinggi. Jadi untuk sampai ke tahap itu, bila kita menyebut tentang budaya ialah sesuatu yang kita lakukan sudah tidak pakai lagi budaya, orang lain tengok kita cemerlang tetapi kita rasa macam biasa sahaja Yang Berhormat Ledang.

Jadi sistem yang ada pada hari ini, ISO dipamerkan di dalam akhbar, dipamerkan di dinding-dinding pejabat dan sebagainya. Saya tengok ini sebagai satu kaedah *marketability*, pemasaran. Syarikat ini ada ISO, walhal janjinya Yang Berhormat Jasin sebut “*you document what you do, you do what you document*”. Dia tulis apa yang dia buat, dia buat apa yang dia tulis. Tidak berlaku sebenarnya *on the ground*. Takutlah ia menjadi satu budaya yang menyimpang pula. Apa komen Yang Berhormat Ledang tentang ini?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu dan Yang Berhormat Jasin. Saya cuma hendak sebut sama ada fail meja ataupun KPI Yang Berhormat Jasin dan Yang Berhormat Tangga Batu, itu adalah sebahagian daripada komponen ISO. Saya hendak tekankan di sini ialah ISO bertaraf antarabangsa. Maknanya kita tidak boleh kompromi ataupun dalam erti kata lain mungkin kasar sedikit kita tidak boleh syok sendiri dalam negara kita. Kita bimbang kita menggunakan jenama ISO tetapi pihak lain, antarabangsa tidak yakin dengan ISO kita. Ini yang perlu kita jaga, perlu kita *maintain* Tuan Yang di-Pertua, sepanjang masa supaya standard kita, amalan kita ke atas standard itu ataupun pengamalan kita terhadap ISO akan turut diyakini.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mengulang sekali lagi supaya kita benar-benar komited dan sentiasa menyuburkan ISO dan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Tangga Batu tadi, kita tidak boleh berpuas hati dengan apa yang telah kita capai.

■1740

Kita tidak boleh jadikan ia akhirnya sebagai satu budaya. Akhirnya ramai pihak, bukan satu pihak, ramai pihak menyalahgunakan ISO hanya untuk tujuan pemasaran sahaja sedangkan pengamalan tidak dibuat dengan sebenar-benarnya. Inilah salah satu *error* Tuan Yang di-Pertua, yang perlu dilihat oleh Jabatan Standard Malaysia supaya kita akhirnya diyakini oleh semua pihak. Saya menyebut perkara ini kerana saya yakin ia boleh membantu FDI kita, seperti yang banyak kita sebut. Ini kerana kalau kita boleh mengamalkannya, *insya-Allah* negara kita akan dihormati di seluruh dunia.

Ada berapa minit lagi Tuan Yang di-Pertua? [Disampuk] Tadi 14 minit. [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, saya sambung sedikit lagi tentang ISO. Saya juga Tuan Yang di-Pertua, meminta kepada MOSTI, kepada Jabatan Standard Malaysia supaya menjadikan ini sebagai salah satu pendekatan terbanyak yang rakyat boleh terlibat. Maknanya, rakyat ada ruang untuk kompelin misalnya. Sekarang, katakan rakyat

membeli air mineral ataupun dia menggunakan air paip SYABAS misalnya, ataupun Syarikat Air Johor dan berbagai-bagai syarikat lagi yang menggunakan ISO. Akan tetapi, di mana rakyat boleh membuat aduan? Bagaimana rakyat boleh sampai ke tahap boleh *query* dengan izin, penggunaan ISO itu kerana akhirnya ialah kita mesti dihormati oleh orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sambung. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada ketua-ketua kampung, kepada pengerusi JKPP, segala jenis pengerusi JKPP, Tok Batin dan sebagainya ini kerana elaun telah naik. Ramai yang bercakap, ramai yang berhujah di luar sana, yang naik seorang dua. Ketua kampung sahaja naik, yang lain tidak naik kata dia. Akan tetapi saya ingin tegaskan Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berkongsi pandangan dengan rakan-rakan lain bahawa walaupun ketua kampung naik elaun tetapi faedahnya kepada orang ramai. Maksudnya, mudah-mudahan dengan elaun itu naik, peranan ketua kampung lebih cekap dan sudah pasti semua urusan yang berkaitan dengan ketua kampung hatta ingin berniaga sekali pun terpaksa berhubung dengan ketua kampung. Sekali gus ia akan memudahkan segala urusan termasuklah terus mengembangkan ekonomi kita kerana ia ada kait-mengait.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, sementara kita menaikkan berbagai-bagai elaun, kita memberikan banyak kemudahan kepada semua pihak termasuk pegawai kerajaan dan saya ingin juga mengucapkan terima kasih kepada pihak pegawai dan kakitangan kerajaan yang telah pun banyak berkorban. Saya sebenarnya ingin melahirkan rasa simpati sebagai salah seorang wakil rakyat daripada UMNO dan Barisan Nasional, ingin melahirkan rasa simpati kepada pegawai dan kakitangan kerajaan, yang mereka harap-harapkan tidak kesampaian. Mungkin di hati kecil kita di kalangan rakan-rakan, ada yang menganggap ini mungkin satu hukuman kepada kakitangan kerajaan. Sebenarnya, saya katakan tidak dan pada saya, kerajaan ada pertimbangan sendiri.

Saya juga bersama-sama rakan-rakan yang lain, kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, berilah sedikit bonus kepada mereka walaupun kerajaan telah pun memberikan RM1,000 tahun ini. *[Disampuk]* RM500 masa hendak raya, RM500 menjelang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini, berilah mereka tambahan bonus. Janganlah kita hukum

mereka hanya kerana sebilangan kecil seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Salak tadi. Hanya kerana sebilangan kecil, beberapa kerat penjawat awam yang bermasalah, yang ponteng dan sebagainya, terpaksa menghukum yang lain. Kalau itu andaiannya, saya rasa tidak. Itulah Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk menyokong mereka dan saya menyokong bajet ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Penutuplah, sokong bonus pegawai kerajaan. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

5.45 ptg.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Belanjawan ini merupakan belanjawan yang ke-53 yang telah pun dibentangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Malangnya selama 53 tahun kebelakangan ini, nampaknya negeri-negeri yang menyertai Malaysia pada tahun 1963, negeri Sabah dan Sarawak semakin lama kian ditinggalkan ke belakang dan dipinggirkan dalam dasar-dasar ekonomi kerajaan, termasuklah belanjawan yang baru sahaja dibentangkan pada hari Jumaat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya merujuk kepada teks ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dengan secara ringkas kami dapat mengesan bahawa tumpuan Kerajaan Barisan Nasional adalah hanya menuju kepada Semenanjung Malaysia terutamanya di kawasan Kuala Lumpur dan sekelilingnya. Projek-projek besar yang akan dilancarkan oleh kerajaan melalui peruntukan secara langsung atau melalui *public private partnership* (PPP), semuanya bertapak di sekitar Lembah Klang. Misalnya Pembangunan Daerah Kewangan Antarabangsa yang akan memakan pelaburan sebanyak RM26 bilion, pembinaan transit aliran berkapasiti tinggi, MRT yang bernilai sekurang-kurangnya RM40 bilion, pelaburan EPF ataupun KWSP yang dijangka sebanyak RM10 bilion di tanah Sungai Buloh, pembinaan menara 100 tingkat Warisan Merdeka yang bernilai RM5 bilion dan juga pembinaan enam buah lebuh raya yang baru di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan.

Jumlah projek-projek yang telah pun disenaraikan dalam teks ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang akan dilaburkan di Semenanjung Malaysia berjumlah lebih kurang RM109 bilion. Manakala projek-projek yang diutarakan oleh Barisan Nasional, yang telah dinyatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada Sabah dan Sarawak, hanya termasuk sebuah loji jana kuasa kitar padu gas di Kimanis, Resort Nexus Karambunai yang bernilai lebih kurang RM3 bilion, menaik taraf jalan luar bandar

dengan peruntukan RM2.1 bilion, menyediakan bekalan air dengan RM2.7 bilion dan beberapa lagi projek yang bernilai tahap jutaan sahaja.

Jumlah projek-projek ini kepada Sabah dan Sarawak, hanya sebanyak RM9.6 bilion. So, kalau kita bandingkan apa yang akan dilaburkan di Sabah dan Sarawak berbanding dengan jumlah pada keseluruhannya, Sabah dan Sarawak hanya mendapat 8% sahaja.

Walaupun negeri-negeri Sabah dan Sarawak jauh lagi besar dari segi kawasan, jauh kebelakang dari segi pembangunan dan jauh lebih memerlukan bantuan dari segi peruntukan yang diagihkan kepada rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak adalah jauh kekurangan. Yang menjadi ironi, Sabah dan Sarawak telah banyak menyumbang kepada hasil yang dikutip oleh Kerajaan Pusat terutamanya melalui royalti minyak dan juga cukai keuntungan Petronas yang kini menjadi sumber hasil yang terbesar kepada Kerajaan Persekutuan. Sarawak dan Sabah *combine*, memberikan sumbangan lebih kurang 45% kesemua minyak yang digali di Malaysia oleh Petronas dan 65% daripada gas yang dikeluarkan di Malaysia.

Malangnya, walaupun minyak dan gas digali di tanah dan air Sabah dan Sarawak, yang diperuntukkan kepada mereka adalah sisa-sisa sahaja. Pada awalnya saya sebenarnya berasa hairan kenapa wakil-wakil BN daripada Sabah dan Sarawak selalu menyuarakan ketidakpuasan mereka terhadap pembangunan di negeri mereka dan tidak henti-henti mengulangi aduan mereka terhadap Kerajaan Pusat seperti Yang Berhormat Kinabatangan yang selalu membuat aduan. Sekarang saya faham kerana memang benar negeri Sabah dan Sarawak dianaktirikan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Pada tahun 1970, negeri Sabah merupakan negeri yang terkaya sekali di Malaysia selepas Selangor. Terkaya sekali selepas Selangor yang pada masa itu masih melingkungi Wilayah Persekutuan.

■1750

Akan tetapi, dalam masa yang cukup singkat 40 tahun sahaja, Sabah sekarang merupakan negeri yang paling miskin di Malaysia antara 13 negeri. Pada tahun 2007, mengikut data kerajaan, Sabah masih mempunyai 16% keluarga yang masih berada dalam keadaan miskin berbanding dengan hanya 2.3% sahaja di Semenanjung.

Manakala 3.7% keluarga dijangka berada dalam keadaan miskin tegar berbanding dengan 0.3% di Semenanjung atau lebih daripada 12 kali ganda kadar di Semenanjung. Ini pun jika kita tidak menyoal ketepatan data yang dilaporkan oleh pihak

kerajaan dan saya yakin bahawa tahap kemiskinan yang sebenar di Sabah dan Sarawak adalah jauh lebih tinggi daripada apa yang dilaporkan.

Sampai tahun 2009, mengikut laporan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah 41% daripada kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak tidak mempunyai bekalan air. Manakala 23% di Sabah dan 33% di Sarawak tidak mempunyai bekalan elektrik. Ini berbanding jauh dengan pencapaian di Semenanjung di mana 10% kawasan luar bandar masih tidak mendapat bekalan air dan hanya 0.3% yang tidak dapat menikmati bekalan elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, dengan statistik yang begitu teruk sebegini adakah kita dapat mempercayai angka kerajaan di mana kadar kemiskinan di Sabah adalah hanya 16% dan kadar miskin tegar adalah hanya 3.7%. Apalagi mengikut laporan *United Nation Development Program* (UNDP) pada tahun 2008, negeri Sabah mempunyai kadar celik huruf literasi yang terendah di Malaysia. Di mana satu daripada lapan kanak-kanak berumur enam ke atas tidak mencapai peringkat Darjah Lima berbanding dengan satu daripada 50 di Semenanjung.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selalu menegaskan konsep '1Kerajaan, 1Malaysia'. Akan tetapi, hakikatnya di Malaysia kita mempunyai dua dunia yang cukup berbeza *1Malaysia, two different world*. Oleh kerana kita mempunyai dua dunia yang cukup berbeza dari segi geografi, pencapaian ekonomi, jenis pengeluaran ekonomi dan juga tahap pendidikan dan pendapatan, kerajaan tidak boleh menggunakan pendekatan ekonomi dan belanjawan yang sama antara Semenanjung Malaysia dan negeri-negeri di Sabah dan Sarawak.

Misalnya, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri kini kerap menegaskan bahawa negara kita tidak hendak lagi jenis sektor pembuatan yang intensif buruh dan hanya ingin menarik pelaburan bernilai tambah dan berteknologi tinggi. *So, we only want the high value added industries*. Ini merupakan satu pendekatan yang tepat bagi negeri-negeri yang lebih maju seperti Selangor dan Pulau Pinang. Ini adalah betul.

Akan tetapi, jika pendekatan ini dilaksanakan di Sabah dan di Sarawak ia akan terus gagal kerana buat masa ini tidak ada syarikat bernilai tambah tinggi atau berteknologi tinggi yang akan tertarik untuk melabur di Sabah dan Sarawak. Pada sama sekali walaupun strategi kerajaan untuk menarik syarikat-syarikat kewangan terkemuka di dunia untuk bertapak di Malaysia adalah betul untuk Semenanjung Malaysia yang

lebih maju ia tidak akan mencapai apa-apa kesan yang positif kepada negeri Sabah dan Sarawak.

Oleh kerana dasar-dasar Kerajaan Pusat terlalu menumpu kepada Semenanjung Malaysia dan tidak mempunyai strategi berasingan untuk Sabah dan Sarawak mereka menjadi terbiar. Akibatnya ekonomi di Sabah dan Sarawak tidak akan berupaya untuk mencapai potensi mereka yang sepenuhnya. Kini Sabah tidak mempunyai apa-apa sektor pembuatan dan sektor ini hanya menyumbang sebanyak 9% kepada ekonomi berbanding dengan 30% di Semenanjung.

Sektor pembuatan juga merupakan sektor yang dapat memberikan peluang pekerjaan yang tertinggi melalui *mass employment*. Akibat sektor pembuatan yang cukup lemah di Sabah dan Sarawak, kini ramai rakyat Sabah bekerja di Lembah Kelang manakala ramai daripada Sarawak bekerja di sekitar Johor. Pada masa yang sama oleh kerana peluang pekerjaan pengurusan tinggi dan jenis *professional* juga kekurangan ramai yang berkelayakan tinggi berhijrah ke Semenanjung ataupun ke luar negeri untuk pekerjaan mereka. Oleh sebab itu, hanya kerangka tulang yang tertinggal di Sabah dan Sarawak dan ini hanya akan terus menyebabkan kemelesetan ekonomi di negeri-negeri tersebut. Kita perlu merangka dasar pembangunan yang baru dan unik khusus untuk Sabah dan Sarawak yang termasuk sektor pembuatan intensif buruh.

Kita kena ikut sikit dengan contoh dan sejarah pembangunan negara China. Macam mana? Negara China pada tahun 90-an bukan satu negara yang maju dalam sektor pembuatan teknologi tinggi. Mereka tidak yang pada masa itu – mereka baik adalah dalam sektor pembuatan bagi *toys*, barang mainan ataupun pakaian sahaja. Kasut you pergi China – buat dekat China. Akan tetapi, hari ini sudah berbeza oleh kerana mereka bermula dengan sektor pembuatan intensif buruh yang lebih rendah teknologinya hari ini mereka dapat mencapai sektor pembuatan yang jauh lebih maju. Kita perlu ikut bagi Sabah dan Sarawak ikut model seperti Australia dan juga Kanada dan bukan ikut model di mana kawasannya kecil seperti Korea Selatan ataupun United Kingdom.

Kenapa kena ikut Australia ataupun Kanada kalau kita berbanding antara Sabah, Sarawak dengan Australia dan Kanada, semua kawasan ini mempunyai kawasan yang luas tetapi penduduk yang kurang, densiti yang kurang. Semua negara ini bergantung kepada *natural resources*, sumber asli semula jadi yang termasuklah balak dan juga galian-galian yang ada di negeri-negeri ini. Kita perlu belajar daripada negara-negara maju yang seperti begini untuk terus memajukan Sabah dan Sarawak.

Ini merupakan satu strategi yang berlainan dengan strategi yang patut di jalankan, dilaksanakan di Semenanjung. So, kita kena ada dua strategi untuk memajukan negara Malaysia. Satu untuk strategi Semenanjung dan satu strategi untuk kawasan *Borneo*, okey. Akan tetapi, kita memerlukan pelaburan infrastruktur oleh Kerajaan Pusat dan negeri yang intensif dengan segera untuk *play catch up*, okey.

Soalan yang sepatutnya ditanya oleh wakil-wakil daripada Sabah dan Sarawak adalah sampai bila kedua-dua negeri ini akan dapat mencapai tahap yang seimbang dengan negeri-negeri persekutuan di Semenanjung dan bukannya sama ada tahun ini ada RM1 bilion ataupun RM2 bilion yang diperuntukkan untuk membina jalan-jalan.

Pada masa ini Sabah jauh ketinggalan kerana hanya 38.9% daripada jalan merupakan *paved road* ataupun jalan bertar berbanding dengan 89.4% di Semenanjung. Malah Sabah dan Sarawak hanya mempunyai 10,171 kilometer jalan berbanding dengan 35,734 kilometer di Semenanjung pada tahun lalu walaupun kedua-dua negeri tersebut mempunyai 60% keluasan negara kita. Sejak tahun 2000, jalan di Sabah dan Sarawak hanya bertambah 6,390 kilometer sahaja manakala di Semenanjung jalan yang dibina telah bertambah sebanyak 21,589 kilometer atau melebihi 337%.

Dari segi jumlah panjang landasan kereta api perbezaan antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak lebih dahsyat lagi. Sabah mempunyai 134 kilometer landasan kereta api sahaja dan di Sarawak langsung tidak mempunyai sebarang perkhidmatan rel. Manakala di Semenanjung ada terdapat sekurang-kurangnya 2,000 kilometer landasan kereta api yang kian meningkat. Kita perlu menyedari bahawa pencapaian Australia dan Kanada walaupun negara mereka cukup luas, penduduk tidak begitu ramai dan kebergantungan mereka kepada sumber asli seperti balak dan galian hanya berjaya di capai, pembangunan negara-negara Australia dan Kanada hanya berjaya di capai dengan pelaburan intensif kepada infrastruktur pengangkutan terutamanya rel. Sabah dan Sarawak hari ini boleh dikatakan tidak mempunyai infrastruktur rel.

Ada banyak lagi pendekatan yang perlu diambil oleh kerajaan yang berbeza dengan polisi Kerajaan Pusat termasuklah strategi pendidikan yang baru yang khusus mengikut keperluan spesifik penduduk luar bandar di Sabah dan Sarawak. Misalnya model persekolahan Semenanjung dan di kawasan bandar tidak akan mencapai kesan yang cukup baik di kawasan luar bandar yang terpencil.

Akan tetapi, oleh kerana ada masa terhad saya akan beredar kepada perkara-perkara yang lain.

■1800

Sebelum itu, saya ingin menegaskan bahawa kerajaan perlu menerima hakikat bahawa Sabah dan Sarawak jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia merupakan dua dunia yang cukup berbeza. Pelaksanaan dasar *one size fits all* hanya akan merugikan rakyat Sabah dan Sarawak dan akan terus membesarkan jurang antara Malaysia di Timur dan Malaysia di Barat. Akibatnya matlamat 1Malaysia tidak akan dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kerap ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam dan di luar Dewan dan dalam teks ucapan bajet beliau, era kerajaan tahu segalanya sudah pun berakhir atau dalam bahasa Inggeris, *'The era of government knows best is over'*. Sebenarnya era di mana kerajaan tahu segalanya tidak pernah bermula. Negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom telah mengetahui sejak awal bahawa peranan kerajaan adalah daripada segi pembentukan dasar seperti penggalakan persaingan dan bukannya daripada segi penerokaan dunia perniagaan ataupun penentuan pengeluaran negara, *'The role of the government is to create the most conducive environment for businesses to prosper and to get the health all the way of businesses'*. Malangnya, walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akhirnya berpendirian bahawa era kerajaan tahu segalanya sudah pun berakhir.

Akan tetapi, dasar-dasar yang telah pun diputuskan oleh kerajaan selama 12 bulan yang lalu menunjukkan bahawa kerajaan langsung tidak memahami apa maksud sebenar era kerajaan tahu segalanya sudah pun berakhir. Tidak tahu, semua projek strategik berimpak tinggi yang disenaraikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan projek yang akan diterajui oleh kerajaan melalui GLC dan GLICs (*Government-Linked Investment Corporations*) dan bukannya pihak swasta melalui institusi persaingan. Siapakah yang membuat keputusan jenis projek dan pengagihan projek kepada pihak yang tertentu? Kerajaan sendiri! Kalau sememangnya kerajaan percaya bahawa era kerajaan tahu segalanya telah pun berakhir, maka projek-projek seharusnya diterajui oleh pihak swasta melalui satu sistem persaingan yang dapat menimbulkan pihak yang paling berkebolehan untuk membawa nilai impak tinggi ekonomi yang tertinggi dengan kos yang terendah.

Bulan Disember yang lalu, pembinaan MATRADE *Centre* bernilai RM628 juta yang merupakan pusat pameran dan konvensyen yang terbesar di Malaysia telah diswastakan secara langsung tanpa sebarang tender terbuka ataupun tertutup kepada

kumpulan Naza yang mempunyai hubungan yang cukup erat dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Pada masa yang sama, ganjaran kepada pihak Naza adalah berbentuk sekeping tanah yang bernilai pasaran sekitar RM1 bilion yang ditawarkan kepada Naza tanpa sebarang pelelongan terbuka. Adakah proses penawaran projek ini yang berbau kronisme yang langsung tidak telus menunjukkan bahawa era kerajaan tahu segalanya sudah pun berakhir? Selepas itu, kerajaan telah menubuhkan satu syarikat *joint venture*...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *[Bangun]*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Dengan EPF (KWSP) untuk menerokai tanah Lembaga Getah...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Boleh?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Okey. Tadi ada beri.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara sebab dia membalas budi. Petang-petang, mengantuklah. Begini Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Saya hormati pandangan daripada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara cuma saya hendak bertanya daripada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, adakah Yang Berhormat Petaling Jaya Utara juga mengambil kira tentang *multiplier effects*? Kalau kita bina bangunan *infrastructure* yang mahal-mahal ini, yang besar-besar ini, biasanya ia ada *multiplier effects* sebab ia boleh meningkatkan pasaran buruh, bahan-bahan binaan, teknologi, aplikasi komputer, mungkin profesional, jurutera, arkitek dan sebagainya, semuanya ada kaitan. Adakah Yang Berhormat Petaling Jaya Utara mengambil kira ini semua?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *[Bangun]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Walaupun mungkin kaedah pembinaan dan sebagainya itu mungkin kita boleh bincangkan di bab lain, tetapi yang penting, 100 tingkat atau 200 tingkat, ia ada kesan *multiple effects* pada ekonomi? Sekian, terima kasih.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya tidak mempertikaikan sama ada sesuatu bangunan sepatutnya 50 tingkat ataupun 60 tingkat ataupun 100 tingkat. Apa yang penting, siapa yang membuat keputusan tersebut tidak patut datang daripada pihak kerajaan kerana era kerajaan tahu segalanya sudah pun habis.

Kedua, mengenai *multiple effects*. Apabila kita membangunkan sesebuah bangunan memang ada kesan ekonomi tetapi sama ada impak ekonomi ini tinggi ataupun rendah akan bergantung kepada, apakah aktiviti yang dapat tertarik pada

bangunan tersebut. Kalau kita bangunkan – katakan Cyberjaya pada 10 tahun yang pertama, langsung tidak ada aktiviti, seperti *ghost town*. Itu menjadikan satu pembangunan, *one off*. Ia punya *impact* hanya *one off* sahaja tetapi kalau kita dapat menarik semua syarikat terkemuka di dunia untuk menapak di Cyberjaya, ini menjadi impak ekonomi yang cukup tinggi. So, ini tertakluk pada apakah dasar yang akan dapat menarik syarikat-syarikat terkemuka yang besar, yang beraktiviti banyak datang ke tempat tersebut dan bukannya tertakluk pada sama ada bangunan ini 50 tingkat ataupun 100 tingkat.

Kerajaan telah pun menubuhkan satu syarikat *joint venture* dengan EPF untuk menerokai tanah Lembaga Getah Malaysia di Sungai Buloh seluas 2,680 ekar yang dijangka akan membawa jumlah pelaburan sebanyak RM10 bilion. Kedua-dua pemilik tanah kerajaan dan KWSP tidak mempunyai sebarang pengalaman yang tinggi dalam bidang pembangunan hartanah dan ia memang menunjukkan bahawa kerajaan tidak tahu segalanya. Akan tetapi, kalau begitu, mengapakah pihak KWSP dan kerajaan sendiri diberikan tanggungjawab pembangunan hartanah jika era kerajaan tahu segalanya sudah berakhir? Adakah tanah ini diberikan secara percuma kepada syarikat *joint venture* tersebut? Kalau ia diagihkan secara percuma ataupun dengan kos yang rendah, keuntungan yang akan dicapai tidak akan mencerminkan tahap kejayaan projek tersebut.

Kini walaupun KWSP bersifat pelabur portfolio, ia sekarang perlu menguruskan dua buah bank: RHB dan Malaysia Building Society Berhad (MBSB), menguruskan dua buah bank, menjadi antara pemaju tanah yang terbesar di Malaysia dan akan juga terlibat dalam *business* lebuhraya bertol selepas mereka mengambil alih PLUS Expressway Berhad. Nampaknya KWSP akan menjadi konglomerat yang terbesar di Malaysia. Adakah ini yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa *the era of the government knows best is over*. Sebenarnya kerja-kerja ini sepatutnya dipimpin oleh pihak swasta dan bukan pihak yang berkenaan dengan pihak kerajaan.

Pada masa yang sama, kerajaan telah juga memperuntukkan dua keping tanah yang cukup bernilai: Lapangan Terbang Sungai Besi dan kawasan Pasar Rakyat Jalan Tun Razak kepada dana 1Malaysia Development Berhad. Ini termasuklah pembangunan daerah kewangan antarabangsa Kuala Lumpur bersama Mubadala Development Company yang dijangka memerlukan pelaburan sebanyak RM26 bilion. 1MDB di sini merupakan pelabur dan peneroka bagi pihak kerajaan. Sekali lagi soalan

saya akan tanya, adakah ini menunjukkan bahawa era *when the government knows best is over?*

Kesemua projek yang besar dalam bajet ini, dalam EDP semuanya dikendalikan, dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Ini tidak menunjukkan apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri katakan selalu bahawa kerajaan *does not know the best, no more. But the issue is continuing.* Adakah kerajaan tidak belajar daripada kesalahan-kesalahan sebelum ini yang mana projek-projek besar ditawarkan secara terus kepada syarikat-syarikat yang berkaitan dengan kerajaan ataupun syarikat-syarikat kroni dan selepas itu kerajaan perlu *bail out* kesemua syarikat ini seperti syarikat Renong, UEM, TIME dotCom dan banyak lagi syarikat yang pada hujung tahun 1990-an selepas projek-projek besar, gergasi zaman pemerintahan Tun Dr. Mahathir gagal, kerajaan perlu mengeluarkan berbilion ringgit untuk mengambil alih banyak syarikat ini supaya kerja-kerja, projek-projek tersebut dapat diteruskan. Ini merupakan satu kos yang cukup tinggi bagi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua yang duduk di dalam Dewan yang mulia ini ingin mendapat tahu dengan lebih terperinci mengenai pelaburan prestasi keuntungan dan akaun 1MDB yang telah meminjam RM5 bilion dengan jaminan penuh daripada pihak kerajaan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa beliau amat bangga dengan pencapaian keuntungan sebanyak RM425 juta dalam tahun pengurusan yang pertama. Kalau begitu, kami menyeru supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan sudi memberikan laporan terperinci secara lisan ataupun bertulis ataupun menggunakan *annual report* daripada 1MDB kepada Dewan yang mulia ini supaya kita sebagai wakil rakyat dapat lebih memahami kecemerlangan 1MDB dengan lebih mendalam.

■1810

Kita juga ingin mengetahui dengan lebih teliti cara projek *The KL International Financial District* yang bernilai RM26 bilion ini akan dibangunkan. Sama ada satu MDB akan mengumpul dana tambahan melalui bon dan pinjaman yang akan diberikan jaminan daripada Kerajaan dan apakah cara kerjasama pembangunan dengan Mubadala Investment Company?

Dalam pada itu, adakah pihak PNB yang bertanggungjawab untuk membina Warisan Merdeka 100 tingkat yang bernilai RM5 bilion itu perlu mengumpul dana – *need to raise funds* tambahan melalui pinjaman ataupun bon dan sama ada kerajaan akan memberikan jaminan kepada bon tersebut? Kami bimbang kalau semua projek ini

memerlukan pinjaman yang cukup besar dan memerlukan jaminan daripada kerajaan, jikalau satu projek gagal, tanggungjawab yang dibebani oleh kerajaan adalah cukup berat.

Contoh-contoh yang telah diberikan di atas yang dipetik daripada ucapan belanjawan jelas menunjukkan bahawa era kerajaan tahu segala-galanya sudah berakhir adalah hanya retorik sahaja. Malangnya kita tidak nampak apa-apa pendekatan yang benar-benar menunjukkan bahawa Kerajaan serius mengenai *Strategic Reform Initiative* pertama dalam Model Ekonomi Baru iaitu *reenergizing the private sector*.

Justeru itu, rakyat ingin mengetahui apa telah terjadi dengan konsep Model Ekonomi Baru yang hanya beberapa bulan dahulu dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai *gain changer* bagi ekonomi Malaysia? Mana dia ciri-ciri Model Ekonomi Baru dalam Belanjawan 2011 yang baru sahaja dibentangkan di Dewan yang mulia ini? Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerap kali menegaskan bahawa dasar afirmatif (*affirmative action policy*) kerajaan akan dirombak untuk mencapai matlamat *Strategic Reform Initiative* yang kelima iaitu *transparent and market friendly affirmative action*. Saya baca satu perenggan daripada Model Ekonomi Baru mengenai SRIA (*Strategic Reform Initiative Action*) ini.

“A key component of inclusiveness is the fostering of equal and fair economic opportunities. Affirmative action programmes and institutions will continue in the NEM but, in line of views of the main stakeholders, will be revamped to remove the rent seeking and market distorting features which have blemished the effectiveness of the programme. Affirmative action will consider all ethnic groups fairly and equally as long as they are in the low income 40% of households. Affirmative action programmes would be based on market-friendly and market-based criteria together taking into consideration the needs and merits of the applicants...”

Rakyat ingin mengetahui apakah dasar *affirmative* yang akan disentuh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, satu minit sahaja Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Habiskan sekejap. Dua perenggan lagi. Rakyat ingin mengetahui apakah dasar *affirmative* yang akan dirombak semula supaya bantuan ditumpukan kepada pihak yang benar-benar memerlukan bantuan dan bukannya kroni-kroni atas alasan dasar *affirmative* mengikut kaum. Bajet

2011 yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri langsung tidak mempunyai sebarang pendekatan dan rombakan untuk menegaskan *transparent and market friendly affirmative action*.

Datuk Seri Nazir Razak, Ketua Eksekutif Kumpulan CIMB Bank telah pun menyatakan secara terbuka bahawa matlamat Dasar Ekonomi Baru telah tersongsang. *He said, "The NEP has been bastardised to benefit a few people at the expense of the people at large"*. Beliau berkata secara spesifik bahawa beliau tidak faham mengapa polisi AP diteruskan kerana ia hanya memanfaatkan golongan yang berpengaruh dan yang sudah kaya raya. Apabila saya mengemukakan cadangan untuk menggubal polisi diskaun rumah bumiputera supaya wang yang diijamatkan daripada diskaun rumah mewah disalurkan kepada satu dana untuk membantu golongan yang miskin meskipun golongan Bumiputera yang miskin, saya dituduh dan diserang bertubi-tubi daripada pemimpin UMNO termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa saya tidak menghormati Perlembagaan dan berniat memansuhkan hak Bumiputera.

Saya tidak berniat untuk mencabar Perlembagaan dan hanya ingin mencadangkan dasar *affirmative* yang mengikut semangat Model Ekonomi Baru yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, di mana bantuan sepatutnya ditumpukan kepada golongan berpendapatan 40% yang terendah. Akan tetapi, reaksi daripada UMNO menunjukkan bahawa pemimpin UMNO langsung tidak berniat untuk merombak dasar *affirmative* untuk menjadi lebih telus, lebih mesra pasaran ataupun *market-friendly* dan lebih mengikut keperluan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin membaca satu komen facebook yang diberikan kepada saya semalam oleh seorang rakyat Sabah.

"Saya merupakan seorang kakitangan Kerajaan bertugas di Sabah, lahir di Sabah dan bekerja di Sabah. Bagi saya bajet kali ini hanya gula-gula untuk kanak-kanak hingusan. RM500 bukan hadiah yang baik. Di sini, ingin saya mengutarakan beberapa fakta yang mungkin boleh membantu Yang Berhormat.

Pertama, duti import 300 barangan. Adakah ini termasuk susu tepung bayi yang 100% diimport daripada luar negara? Lampin pakai buang. Yang Berhormat boleh buat survey tinjauan di seluruh negara kesemua pasar raya, tin-tin susu bayi yang berkualiti berjenama diletakkan di ruang khas dikunci, mengapa?"

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sudah lebih dua minit Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Ini sahaja, habis ini saya akan *stop*.

“Ramai orang sanggup mencuri susu kerana tidak mampu membeli susu anak. So pertama, adakah relevan? Sedangkan keperluan asas bayi masih belum mencukupi.

Kedua, dana rumah pendapatan isi rumah RM3,000 ke bawah dan harga rumah RM220,000. Pergilah ke Kota Kinabalu Yang Berhormat, tentu terkejut nilai hartanahnya mencecah RM188,000 bagi pangsapuri, rumah teres dua tingkat RM368,000 ke atas. Bagaimana pula nasib golongan middle class isi rumah RM3,000 sehingga RM5,000? Dasar ini hanya menguntungkan pemaju dan broker rumah. Mengapa tidak ada kawalan pemilikan rumah? Orang kaya mampu beli banyak rumah, orang miskin tetap penyewa tegar.”

Tuan Yang di-Pertua, sebuah Kerajaan yang prihatin merupakan sebuah kerajaan yang benar-benar mendahulukan kepentingan rakyat jelata dan bukannya golongan yang terpencil. Seperti apa yang diulas oleh rakyat Sabah tadi, yang penting adalah harga susu tepung bayi ataupun lampin pakai buang yang dikenakan duti import yang tinggi dan menyusahkan kehidupan rakyat dan bukannya pengurangan harga minyak wangi ataupun seluar dalam. Seluar dalam kalau yang miskin tidak pakai pun tidak mengapa. *[Ketawa]*

Akan tetapi, walau bagaimana miskin pun, barangan keperluan seperti susu tepung bayi adalah barangan yang akan menyempurnakan kehidupan mereka. Saya harap pihak kerajaan akan mempertimbangkan ucapan dan perbincangan saya supaya belanjawan kerajaan dapat diubahsuai supaya ia benar-benar mendahului kepentingan rakyat dan bukannya dari segi cakap-cakap manis dan kosong sahaja. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setelah membaca dan meneliti dengan rapi Bajet 2011, saya sangat yakin bahawa bajet ini mempunyai kesemua ciri-ciri yang diperlukan untuk

meningkatkan lagi tahap sosial, ekonomi dan taraf hidup serta kemakmuran semua penduduk Malaysia yang bertuah ini. Kesemua aspek yang diberikan tumpuan dalam rancangan ini akan membolehkan kita memerdekakan diri daripada menjadi sebuah negara yang terjerat sebagai negara berpendapatan sederhana dan melakukan transformasi paradigma ke arah menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi yang mempunyai daya saing kental yang mampu menyahut cabaran-cabaran globalisme yang berjaya.

Bajet tahun 2011 mempunyai keseimbangan yang menyeluruh dan merangkumi kesemua segi kehidupan rakyat jelata. Bajet yang komprehensif ini menunjukkan semangat Kerajaan Barisan Nasional untuk mengharungi segala rintangan dan dugaan yang menghalang hala tuju Malaysia untuk menjadi negara dunia pertama menjelang tahun 2020. Inti pati Bajet 2011 juga berdebar dengan inspirasi laungan 1Malaysia. Tiada sesiapaupun yang akan ketinggalan, melainkan mereka sengaja hendak ditinggalkan.

Dalam proses transformasi negara dan Belanjawan 2011 mempamerkan komitmen kerajaan untuk mempraktikkan konsep 1Malaysia, 'Rakyat didahulukan, Pencapaian Diutamakan'. Kesemua bidang yang diberikan pertolongan oleh kerajaan dalam belanjawan ini merentasi perbezaan bangsa dan agama dan adalah demonstrasi kukuh kerajaan 1Malaysia yang memeluk segala impian dan aspirasi rakyat tanpa mengira perbezaan etnik dan agama.

■1820

Tuan Yang di-Pertua, bajet tahun depan tidak menaikkan cukai untuk mereka-mereka yang merokok dan meminum arak. Malaysia merupakan negara sepuluh terbesar dalam pengambilan alkohol di dunia. Situasi ini berlaku walaupun Malaysia mempunyai cukai yang tinggi untuk kebanyakan jenis alkohol ini dan adalah cukai yang paling tinggi di dunia untuk minuman keras.

Mungkin ini merupakan sebab utama kenapa kerajaan tidak mencadangkan untuk menaikkan cukai yang saya rasa boleh diterima. Walau bagaimanapun ada sejenis minuman keras khasnya dengan izin, *compounded hard liquor* atau lebih dikenali dengan nama samsu yang cukainya tidak cukup tinggi. Alkohol jenis ini adalah sangat pekat dan peratusan alkohol yang tinggi iaitu sekitar 40%.

Minuman jenis ini tiada proses pematangan dan juga mengandungi perisa serta karamel dan gula. Penyalahgunaan alkohol jenis ini adalah satu masalah yang memudaratkan yang sedang berlaku di negara kita sekian lama, khasnya antara

golongan yang berpendapatan rendah, pendapatan di bawah RM1,600 sebulan. Di antara sebab alkohol jenis ini adalah sangat meluas adalah harganya adalah sangat murah berbanding dengan minuman keras lain serta ianya mudah diperolehi di merata tempat seperti kedai ubat, pasar mini dan pasar raya.

Harganya yang begitu murah membuatnya pilihan utama antara mereka yang mengamalkan tabiat minuman keras ini, antara golongan berpendapatan rendah. Harganya untuk setiap hidangan adalah RM1.20 berbanding dengan RM5.60 untuk hidangan untuk arak, bir dan RM7.27 untuk minuman keras berkualiti premium.

Masalah penyalahgunaan samsu ini adalah masalah yang bukan hanya tertumpu kepada satu segmen masyarakat. Akan tetapi adalah masalah nasional yang akan membawa padah kepada negara kita secara umumnya dari aspek sosial, kesihatan dan juga ekonomi. Mereka yang menyalahgunakan alkohol jenis samsu ini telah menjadi hamba kepada tabiat ini. Akibatnya adalah mereka tidak boleh lagi bekerja pada tahap optimum dan produktiviti mereka akan menurun.

Selain itu tabiat ini juga menjadi punca banyak gejala sosial khasnya yang membawa kesan negatif kepada keluarga mereka yang terlalu banyak ketagih kepada minuman samsu ini. Stesen televisyen Al Jazeera telah membuat satu rencana yang menunjukkan pelbagai kesan negatif tabiat ini yang telah menonjolkan betapa serius masalah ini.

Mereka telah mendapati kes-kes kekerasan dalam institusi keluarga di mana tabiat meminum alkohol ini berleluasa. Selain itu masalah kesihatan jangka panjang dan serius juga didapati antara mereka yang menjadi ketagih minuman keras ini. Selain itu, rencana tersebut juga telah menunjukkan penyalahgunaan arak ini juga akan menjana satu persekitaran yang negatif untuk mendidik generasi muda anak-anak mereka untuk menjadi berjaya.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk mengambil tindakan untuk mengatasi masalah penyalahgunaan arak samsu ini dengan memperkenalkan cukai eksais yang lebih tinggi supaya arak ini tidak begitu murah untuk diperolehi. Langkah ini sangat penting untuk memastikan supaya masalah ini tidak menjadi lebih runcing dan juga menjadi pemangkin untuk memastikan mereka yang terjerumus dengan tabiat ini tidak dapat minum terlalu banyak hinggakan mereka kehilangan kesihatan dan hidup keluarga mereka.

Kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk menyekat masalah arak ini supaya generasi muda tidak menjadi mangsa kepada mereka yang cenderung dalam tabiat

meminum samu ini. Harga yang lebih tinggi akan memastikan yang mereka belum mencuba arak ini mungkin tidak mencubanya. Ini sangat penting kerana dijangka pengguna samu ini akan meningkat 3% hingga 5% dari tahun 2009 hingga 2014.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan negara merupakan benteng kekuatan Malaysia. Tanah tumpahnya darahku ini. Kita tidak harus menggadaikan keselamatan negara semata-mata untuk menjadi popular. Justeru, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta kerajaan Barisan Nasional atas peruntukan RM350 juta yang dikelolakan kepada Polis Diraja Malaysia. Peruntukan ini menunjukkan betapa tegasnya iktibar kerajaan untuk mewujudkan persekitaran yang selamat dan aman untuk masyarakat umum negara.

Peruntukan ini juga adalah pengiktirafan kepada prestasi membanggakan Polis Diraja Malaysia yang telah berjaya menurunkan indeks jenayah jalanan sebanyak 38% serta menurunkan indeks jenayah keseluruhan sebanyak 16% dalam tempoh 9 bulan pertama tahun 2010. Syabas diucapkan kepada Polis Diraja Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri atas kejayaan ini. Diharap peruntukan ini membawa kepada kejayaan lebih besar pada masa hadapan. Di sini saya ingin mengilhamkan satu konsep untuk memperluaskan pengaruh Polis Diraja Malaysia dalam kehidupan pelajar-pelajar negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan masa depan negara yang disayangi kita berada dalam tangan generasi muda yang kini berada di bangku sekolah. Generasi ini akan mewarisi negara kita pada suatu hari kelak dan ia adalah tanggungjawab kita semua untuk memastikan yang mereka dilengkapi dengan semua ciri-ciri keperibadian dan sahsiah yang unggul.

Alangkah malangnya tahap disiplin di banyak sekolah berada pada tahap yang tidak begitu memuaskan. Walaupun terdapat banyak faktor yang telah banyak menyumbang kepada situasi ini seperti peranan ibu bapa, dunia serba moden di mana arus maklumat tidak terbatas boleh didapati. Namun saya ingin mencadangkan cara untuk memperkasakan peranan Polis Diraja Malaysia dalam sistem persekolahan negara kita secara semula jadi.

Kebanyakan insan dan khasnya pelajar mempunyai rasa hormat dan terpesona dengan mereka yang menjadi anggota polis. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk mengambil kesempatan untuk memulakan satu unit, contohnya unit polis sekolah yang hanya menumpukan perhatian terhadap pelajar-pelajar sekolah. Unit baru

ini boleh di model selepas satu unit khas yang sedia ada yang tertumpu kepada isu-isu pelancong iaitu polis pelancong.

Tanggungjawab ini adalah hanya untuk merapati golongan pelajar ini dan mempengaruhi mereka untuk menjadi pelajar yang baik serta warganegara yang menghormati serta mengikut undang-undang negara dan sekolah. Selain itu, pihak polis yang ditugaskan kepada setiap sekolah juga akan menjadi dengan izin, *deterrent force* kepada pelajar yang sering melanggar undang-undang sekolah seperti ponteng sekolah dan bergiat dalam aktiviti gengsterisme.

Mekanisme pihak polis merapati dan mengawasi pelajar-pelajar sekolah ini pasti akan membawa kesan yang positif dan memupuk tahap disiplin yang lebih tinggi di kalangan pelajar-pelajar sekolah negara kita. Ini secara langsung akan membawa generasi muda yang lebih bertanggungjawab dan suasana persekolahan yang lebih kondusif untuk mencapai keputusan akademik yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan Malaysia atas usaha mereka membangunkan infrastruktur sekolah-sekolah bantuan modal di seluruh negara yang merangkumi sejumlah bantuan modal untuk sekolah agama, sekolah mubaligh, Tamil dan Cina. Peruntukan sebanyak RM250 juta ini menunjukkan ketelusan dan keikhlasan kerajaan dalam menyediakan persekitaran pembelajaran yang optimum untuk semua belajar tidak kira bangsa dan agama.

Peruntukan sebegini mewujudkan perwatakan konsep 1Malaysia yang disebut-sebut oleh pelbagai lapisan masyarakat negara kita. Ini adalah bukti kukuh yang kerajaan sedang mempraktikkan slogan 1Malaysia. Ianya bukan hanya retorik politik semata-mata. Di sini saya juga ingin meminta pihak kerajaan untuk mencuba walaupun tidak segera akan tetapi bermula dengan proses menukarkan kesemua sekolah separa bantuan kepada sekolah bantuan penuh.

Langkah ini membolehkan sekolah-sekolah tersebut mendapat bantuan dengan lebih mudah serta mengurangkan beban ibu bapa pelajar-pelajar sekolah separa bantuan. Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan kerajaan sepatutnya menjadi punca utama dalam proses pembangunan sekolah dan infrastrukturnya. Namun sudah tiba masa untuk mendapatkan penyertaan yang lebih mantap dari masyarakat umum serta sektor swasta untuk lebih giat melibatkan diri dalam proses memartabatkan suasana dan infrastruktur sekolah di kawasan mereka.

Satu cara untuk menggalakkan sifat proaktif ini adalah dengan membenarkan segala derma dan sumbangan kepada sekolah-sekolah dengan izin, menjadi *tax exemption* atau pengecualian cukai untuk sumbangan tersebut. Ini secara langsung akan memangkin untuk sektor swasta dan individu untuk menghulurkan sumbangan kepada sekolah-sekolah yang memerlukannya. Untuk memastikan tidak hanya satu jenis sekolah atau sekolah tertentu mendapat semua sumbangan, mungkin pihak kerajaan boleh meletakkan satu cap atau tahap maksima untuk sumbangan tersebut.

Ini akan memastikan yang pengagihan yang lebih saksama dan adil berlaku kepada sumbangan ini apabila disalurkan. Saya juga ingin mencadangkan yang pihak kerajaan cuba mengintegrasikan konsep 1Malaysia dan memulakan kempen derma pengecualian cukai ini. Satu cara untuk membuat sedemikian adalah pihak swasta dan individu yang ingin membuat sumbangan digalakkan untuk berbuat demikian kepada sekolah yang memerlukannya dan bukan hanya kepada sekolah yang sama jenis dengan bangsa mereka.

Dengan cara ini bukan sahaja masyarakat umum boleh menjadi penyumbang kepada meningkatkan kualiti suasana pembelajaran akan tetapi juga memupuk semangat 1Malaysia di mana semua yang memerlukan bantuan akan ditolong tidak kira bangsa, agama dan keturunan. Ini kerana pada pucuk perkaranya semua pelajar di mana-mana sekolah adalah anak-anak ibu Malaysia.

■1830

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas peruntukan beliau sebanyak RM166 juta untuk mengatasi masalah yang berkaitan dengan kebajikan golongan warga emas negara kita. Peruntukan ini menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap warga negara yang telah membina negara kita dengan titik peluh dan darah mereka. Peruntukan tersebut adalah tepat dan amat wajar untuk memastikan warga emas negara kita tidak bersusah payah pada usia emas mereka.

Mengikut statistik, Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat terdapat lebih kurang dua juta warga emas di negara kita pada tahun 2009. Warga emas ini adalah generasi yang telah menyumbang banyak ke arah pembangunan negara kita sehingga menikmati kemakmuran yang kita nikmati pada hari ini. Seluruh negara patut berhutang budi kepada segala pengorbanan dan sumbangan yang telah mereka lakukan. Alangkah malangnya segala sumbangan mereka sebagai pemimpin keluarga tidak dibalas dengan kasih sayang yang sepatutnya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kes-kes di mana ibu bapa dibiarkan tinggal bersendirian dan dihantar kepada rumah orang-orang tua dan kebajikan kian meningkat. Ini bukan suatu fenomena yang patut dibanggakan dan pastinya bukan adat dan budaya orang timur. Ia adalah tanggungjawab serta berkat seseorang anak untuk memastikan ibu bapanya dijaga dengan segala keperluan yang disediakan. Satu cara untuk mengembalikan kecenderungan ini adalah untuk pihak kerajaan memberi insentif cukai untuk mereka menjaga ibu bapa mereka di rumah mereka sendiri. Insentif cukai ini boleh berpandukan kepada molek modal insentif cukai yang kita gunakan untuk ibu bapa yang menjaga anak-anak mereka. Dengan cara ini lebih ramai anak-anak akan mendapat galakan untuk memastikan yang ibu bapa mereka dijaga mereka sendiri dan tidak dihantar ke rumah orang tua atau ditinggalkan sendiri.

Kepada mereka yang betul-betul tidak mempunyai kebolehan kewangan atau menjaga ibu bapa mereka, mereka boleh menghantar permohonan kepada Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menyatakan ketidakupayaan mereka. Jika pihak kementerian mendapat permohonan, mereka boleh diberi kelulusan berdasarkan situasi kementerian boleh menghantar surat yang akan membolehkan mereka menghantar ibu bapa mereka ke rumah orang tua. Jikalau surat daripada kementerian tidak dikeluarkan maka ibu bapa tersebut tidak patut diterima sebagai penghuni sah di mana-mana rumah orang tua dan rumah kebajikan.

Mekanisme insentif cukai dan surat daripada kementerian ini adalah batu loncatan yang amat perlu untuk memastikan yang warga emas negara kita tidak diabaikan dan sengsara pada usia lanjut mereka serta menjadi pendorong kepada anak-anak supaya menjaga ibu bapa yang telah banyak berkorban untuk kebaikan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan untuk memperuntukkan RM50 juta bagi membantu golongan pekerja estet memiliki rumah sendiri adalah satu langkah yang patut disanjung, yang terkandung dalam Bajet 2011 ini. sekalung penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang amat prihatin kepada nasib pekerja-pekerja ladang dan isu perumahan kepada mereka. Golongan ini telah lama menabur bakti di estet-estet yang menyumbang kepada pembangunan negara kita dan ada di antara mereka yang masih tidak mempunyai sebuah rumah untuk dipanggil rumah sendiri walaupun sudah bekerja di estet ini lebih daripada 50 tahun dan merentasi tiga generasi keluarga mereka.

Langkah ini menunjukkan betapa kerajaan menghargai sumbangan mereka kepada proses pembangunan negara dan pasti disambut baik oleh golongan pekerja estet. Namun saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya satu badan khas ditubuhkan untuk memantau supaya bantuan kewangan di bawah Skim Pembiayaan Rumah Kos Rendah untuk golongan pekerja estet ini sampai kepada mereka yang benar-benar memerlukannya dan wajar menerimanya. Langkah ini juga adalah untuk memastikan yang implementasi rancangan mulia kerajaan ini adalah sejajar dengan aspirasi kerajaan untuk membantu golongan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan untuk memperuntukkan RM250 juta ke arah memperkasakan Malaysia sebagai pilihan utama pelancong adalah satu langkah yang bijak dan mempunyai dasar pandangan jauh yang amat wajar. Negara kita telah dianugerahkan pelbagai jenis flora dan fauna serta alam sekitar yang unik dan penuh keindahan.

Selain itu kita sebagai sebuah negara yang mempunyai infrastruktur yang amat baik serta populasi yang berhemah dan berpendidikan, masyarakat kita yang berbilang kaum, bangsa dan agama adalah satu keunikan yang boleh diambil kesempatan untuk menarik pelancong. Malaysia diberkati dengan hutan tropika yang berjuta-juta tahun lamanya serta pantai-pantai yang mempunyai keindahannya tidak terhingga. Kerajaan akur dengan potensi pelancongan negara kita dan telah mengambil langkah yang tepat untuk meningkatkan jumlah pelancong ke negara kita yang telah menyumbang lebih daripada RM50 bilion pada tahun 2009.

Aspirasi kerajaan dalam membangunkan pasaran pelancong pasti akan mencapai kejayaan dan mampu menjadi penjana ekonomi yang sangat penting dan sangat lumayan kepada negara kita. Saya ingin meminta pihak kerajaan untuk menyalurkan pelaburan daripada peruntukan sebanyak RM85 juta ke kawasan Hulu Selangor untuk menyediakan infrastruktur seperti hotel dan *resort* peranginan. Hulu Selangor adalah satu tempat yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai destinasi pelancongan yang belum direalisasikan dan saya ingin meminta pihak kerajaan untuk membantu dalam proses menukar Hulu Selangor menjadi tapak pelancongan yang premium.

Hulu Selangor juga mempunyai banyak tempat yang mempunyai keindahan yang memegunkan. Terdapat hutan belantara yang sesuai untuk *dengan izin, nature track* dan *hike* seperti Bukit Kutu, yang potensinya belum pada tahap *optima*. Selain itu Sungai Perta yang juga boleh dibangunkan lagi kerana keindahan air terjunnya serta

sungainya yang sesuai untuk aktiviti dengan izin *wide water rafting*. Kolam Air Perta, satu lagi tempat yang sesuai dan indah serta mempunyai daya penarik pelancong, dikatakan air di dalam kolam tersebut mempunyai kebolehan untuk menyembuhkan pelbagai kesakitan dan keaiban badan. Kawasan sekitar Empangan Selangor juga mempunyai potensi yang hebat untuk dibangunkan sebagai destinasi *eco-tourism* yang unggul. Ini adalah harapan saya agar pihak kerajaan membantu membangunkan Hulu Selangor sebagai destinasi pelancongan kerana potensi yang amat besar untuk menjadi penjana ekonomi kepada rakyat tempatan dan industri pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap golongan belia terserlah apabila kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM60 juta untuk program memperkasakan kemahiran industri di pusat kemahiran pembangunan negeri dan pada masa yang sama sejumlah RM220 juta diperuntukkan kepada graduan-graduan daripada jurusan lain untuk memastikan bahawa mereka bersiap sedia untuk menceburkan diri dalam bidang-bidang yang lain. Sementara itu sebanyak RM470 juta diagihkan untuk mengukuhkan keupayaan kemahiran belia yang tidak mempunyai kelayakan ijazah yang termasuk pelajar lepasan sekolah, belia dan juga pekerja-pekerja. Apa yang lebih manis ialah peluang ini dapat dinikmati oleh semua belia di Malaysia tidak kira agama, bangsa dan juga etnik mereka, sekali lagi konsep 1Malaysia berkumandang dalam Bajet 2011.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melafazkan penghargaan kepada kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak kerana langkahnya di dalam peruntukan RM200 juta untuk menawarkan kelas malam untuk pelbagai bahasa dan muzik. Langkah ini pasti diterima baik oleh semua pelosok masyarakat yang ingin mempelajari bahasa ibunda mereka atau bahasa tambahan serta muzik. Langkah ini sekali lagi menunjukkan yang kerajaan menekankan pembangunan sejagat kesemua masyarakat di Malaysia dan bersifat 1Malaysia.

Saya ingin melontarkan cadangan kepada pihak kerajaan untuk memberikan peluang dan menggaji semula guru-guru yang sudah bersara untuk menjalankan kelas-kelas tersebut. Ini akan membolehkan warga pendidik yang telah bersara untuk mendapat *supplement* pendapatan mereka selain sumber pendapatan pencen. Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa Belanjawan 2011 adalah sebuah belanjawan yang dirancang dengan teliti serta komprehensif yang menyeluruh. Bajet ini mempunyai ciri-ciri yang mampu menyemarakkan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara yang

mempunyai daya saing untuk bertarung dalam gelanggang dunia yang penuh dengan serba kompetitif. Perancangan tersusun dan semangat bajet ini memberikan kerajaan semua peralatan untuk memenuhi segala rintangan dan dugaan. Bajet ini juga adalah bukti bahawa 1Malaysia adalah kenyataan yang sehati dengan prinsip dan jiwa Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, tiada siapa yang akan terpinggir selain daripada beberapa rakan pembangkang serta penyokong mereka yang tidak tahu bagaimana untuk menghargai kebaikan daripada keburukan, yang benar daripada yang menipu, yang berjaya membentuk kerajaan daripada yang berangan-angan untuk membentuk kerajaan dan mereka jugalah yang tidak dapat menikmati Malaysia yang gemilang yang bakal menjadi hasil bajet. Pengagihan yang bijak peruntukan ini akan menjadi *stimuli* untuk negara kita melakukan transformasi berjaya dalam segala aspek kepentingan dan kemakmuran nasional negara kita.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak serta kabinet yang diterajui oleh beliau yang telah berjaya mewujudkan bajet yang berguna ini.

■1840

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak serta kabinet yang diterajui oleh beliau, yang telah berjaya mewujudkan bajet yang berwibawa ini. Saya juga ingin mengambil peluang ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jawatankuasa Kabinet Khas untuk kaum India yang telah memberi sumbangan kepada pembentukan bajet yang pasti menyentuh hati dan hidup masyarakat India di negara kita.

Akhir kata sekali dengan izin [*Bercakap di dalam bahasa Tamil*] maksudnya, "*Segala puji-pujian dan kesyukuran kepada Tuhan yang Maha Penyayang kerana memberikan saya peluang memeta masa depan negara yang tercinta kita Malaysia.*" Saya berdoa agar segala impian dan objektif Bajet 2011 akan direalisasikan secepat mungkin dan dengan sejaya mungkin. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong menerima Bajet 2011.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota.

6.41 ptg.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berhajat untuk hanya menyuarakan beberapa perkara ringkas kerana Bajet 2011 ini memang sepatutnya menyebut tentang 20 perkara. Mengenai 11 perkara yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan Perdana Menteri yang bunyinya seolah-olah ini bajet terakhir beliau dalam Parlimen ini. Saya pun tidak tahu apa maksudnya, tetapi bunyinya macam itulah.

Perkara pertama yang hendak saya sentuh di sini ialah apabila belanjawan kita telah pun dicadangkan sebanyak RM212 bilion yang mana berbanding dengan *revenue* ataupun hasilnya RM168 bilion. Ini bermakna kita juga membentangkan sekali lagi defisit sebagai mana dinyatakan oleh Ketua Pembangkang pagi tadi. Walaupun turun 0.4% tetapi masih lagi defisit dalam sekitar 5.7%. Maksudnya tidak ada pembaharuan sama sekali dari segi elemen defisit *budgeting* yang kita bawa pada kali ini untuk tahun ke-13. Saya bimbang defisit ini menjadi ukuran atau landasan kepada pihak-pihak berkuasa negeri atau kerajaan-kerajaan negeri untuk mengamalkan dan kerjasama terutama negeri yang saya wakili negeri Pahang sudah pun 13 tahun berturut-turut defisit ini. Saya takut menjadi motivasi pada peringkat negeri untuk juga mengemukakan belanjawan yang bersifat defisit macam ini. Harapnya tidak begitulah.

Ahli-ahli Dewan sekalian, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta kepada rakan-rakan semua untuk memerhatikan satu perkara yang diberikan kepada kita untuk penelitian dalam perbincangan bajet pada kali ini. Pertamanya berkenaan dengan penyata hutang - akaun memorandum hutang awam dalam negeri kita yang berjumlah RM348.599 bilion sahaja pada kali ini. Akaun memorandum hutang awam luar negeri pula mencatat RM13.786 bilion sahaja. Selain daripada itu ada penyata hutang memorandum jaminan dalam negeri berjumlah RM75.676 bilion sahaja. Akaun memorandum jaminan luar negeri berjumlah RM8.637.741 bilion menjadikan keseluruhan hutang akaun hutang kita pada tahun ini adalah sebanyak RM446.7 bilion.

Saya hendak minta kemudiannya Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan untuk menjelaskan ada kenyataan yang dibuat pada minggu lepas semasa menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat kita mengatakan hutang negara kita telah berkurangan begitu baik. Juga ada rancangan penyelesaian yang begitu baik untuk melunaskan hutang negara daripada jumlah yang kita letakkan dalam buku laporan cadangan belanjawan ini menunjukkan bahawa ada kenaikan sebanyak RM68 bilion.

Tahun lepas hutang kita cuma RM378 bilion dan sekarang RM446.7 bilion,

maksudnya peningkatan sebanyak RM68 bilion. Ini juga menunjukkan peningkatan kita lebih daripada 18% hutang. Apakah polisi kewangan ataupun polisi fiskal yang hendak kita bentangkan, kita cadangkan pada kali ini apabila nampak gayanya dalam masa kita bercadang ataupun mengharapkan kepada strategi pertama iaitu pihak swasta akan menjadi penjana utama kepada pertumbuhan akan menjana cadangan belanjawan kita. Apakah dengan kedudukan hutang kita bertambah sebanyak RM68 bilion ini menunjukkan bahawa sektor swasta kita berani atau menjadi antara agensi yang paling ke depan untuk menjana belanjawan kita yang berjumlah RM212 bilion yang kita cadangkan. Ini adalah satu pada saya dilema yang harus kita fikir bersama sama ada benar atau tidak sektor swasta akan tampil menjadi agensi atau menjadi golongan pertama yang kita sasarkan.

Memang benar saya bersetuju juga kerana strategi kedua menyentuh tentang membangkitkan atau membangunkan modal insan sebagaimana pernah disebut pada beberapa belanjawan yang lalu. Belanjawan ini mengatakan menumpukan atau meningkatkan faedah rakyat dan memperbaiki penyampaian awam. Ini tidak ada perkara yang baru terhadap strategi yang hendak dicapai cuma saya masih lagi merasa ragu ataupun minta penjelasan supaya keraguan ini boleh kita selesaikan. Bagaimana pihak swasta hendak dipanggil atau diminta untuk menjadi berperanan utama dalam menjayakan belanjawan yang masih lagi bergantung kepada kedudukan defisit yang agak besar.

Pagi tadi saya mengemukakan satu persoalan di mana kerajaan telah membuat pengumuman dan cadangan bahawa 20% dana yang ditadbir oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang kini telah mencatat jumlah sebanyak RM373.7 bilion bersama dengan dana-dana awam yang lain. Kerajaan telah mencadangkan sebanyak 20% dana ini boleh dilaburkan dan 20% ini adalah peningkatan daripada 7%, iaitu 13% daripada 7% menjadi 20%. Maksudnya tambahan 13% dana EPF boleh dilaburkan dalam sektor luar negara. Tidak lama juga selepas daripada itu, Yang Berhormat Pasir Salak bertanya untuk menghuraikan rasa *confuse* beliau berkenaan perkara ini.

Saya hendak ulang lagi sekali. Apa yang saya sebut 20% pelaburan yang dicadangkan untuk di lulus ambil daripada EPF ini adalah untuk tujuan melabur daripada luar negara kerana ini dinamakan portfolio asing atau portfolio luar negara. Saya hendak melahirkan kebimbangan ini kerana EPF - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja adalah bertujuan untuk menjadi dana menjamin kehidupan hari tua seseorang pekerja yang berada di dalam negara kita tidak kira apa latar belakang ia, bangsa ataupun agama.

Sepatutnya kita sebagai pentadbir ataupun sebagai pemegang utama teraju kepimpinan ataupun pentadbiran dalam negara kita, kalau benar kita mendahulukan rakyat atau melihat sektor di dalam belanjawan ini untuk meningkatkan faedah tumpuan kepada rakyat sepatutnya ini antara perkara yang paling asas sekali kita tengok untuk membela kedudukan mereka.

Apatah lagi dalam suasana pelaburan global yang dilihat tidak berapa memihak kepada kita, walaupun pihak Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan beberapa hari yang lalu dari sudut pertukaran asing kita dilihat lebih ada kekukuhan sedikit, ada peningkatan. Namun saya hendak ingatkan kepada kita semua supaya melihat kekukuhan nilai Ringgit Malaysia ini tidak menjadi jaminan utama kita kepada apa-apa keuntungan sekiranya kita labur ke dalam pasaran luar negara untuk jangka panjang. Kita tidak boleh dilihat agak terlalu optimis dalam perkara yang berlaku dalam suasana sementara. Kita pernah melalui peristiwa-peristiwa yang sama di mana akibat *foreign exchange*, negara telah kehilangan pelaburan. Saya tidak mahu lagi mendengar, rakan-rakan kita tidak mahu lagi mendengar alasan di mana pihak kerajaan mengatakan bahawa kerugian ini akibat daripada kejatuhan ataupun kekalahan kita akibat *foreign exchange*.

Beberapa rakan penjawat yang memegang jawatan utama Menteri dan Timbalan Menteri pernah memberikan alasan-alasan yang serupa mengatakan bahawa apa yang berlaku itu adalah di luar jangkaan kita, di luar kawalan kita. Seheinggakan kenaikan harga barang asas untuk memproses susu juga diberikan alasan yang sama kerana kita tidak berjaya mengawal akibat berlakunya kenaikan dalam tukaran asing, menyebabkan harga barangan asas yang diimport daripada luar itu terpaksa dibuat harga lebih.

■1850

Maka kerajaan tidak punya pilihan terpaksa menerima cadangan atau pun membuka cadangan untuk menaikkan harga susu yang terpaksa dijual pada rakyat negara kita dengan harga yang lebih tinggi akibat terpaksa menerima dan *absorb* sebahagian daripada kenaikan kos tersebut. Cadangan atau pun alasan-alasan ini adalah terlalu tradisi dan saya rasa amatlah tidak wajar pada kali ini untuk memberi alasan tersebut. Sila.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, Yang Berhormat Indera Mahkota. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan pelaburan luar negara yang ingin dinaikkan bagi pihak EPF atau pun KWSP daripada 7% hingga ke 20%. Tidakkah ini memberikan satu signal yang menunjukkan bahawa *domestic investment climax* tidak

seindah seperti yang mana yang digambarkan apabila kita sendiri yang menggalakkan untuk menambahkan pelaburan di luar negara. Tidakkah ini memberikan satu gambaran bahawa kita tidak yakin dengan kemungkinan atau pun wujudnya peluang-peluang pelaburan yang baik di dalam negara kita sendiri? Maka, tidakkah itu memberikan satu *message* yang negatif, ya?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sungguh terang dan tidak perlu bersuluh itu Yang Berhormat Shah Alam. Saya rasa sepatutnya kalau ada ramai rakan-rakan Ahli Yang Berhormat terutama di barisan penyokong kerajaan. Sepatutnya kita sama-sama menggunakan ruang ini untuk berbincang. Saya tidak ada masalah. Saya sedia untuk mendengar dan menerima atau pun menjawab kalau ada tujuannya untuk mencari penyelesaian terhadap cadangan-cadangan kita. Memang betul dahulu kita beria-ia membantah apabila pihak EPF dengan secara terbuka dan terang menyatakan EPF terpaksa untuk menaikkan jumlah pelaburan portfolio antarabangsa sebab dia tidak berjaya menggunakan dana itu untuk dilaburkan dalam negara. *Reason* atau pun sebab musabab pada masa beberapa tahun dahulu dikatakan tidak ada pelaburan yang menguntungkan di dalam negara. Itu yang diberi alasannya oleh pihak EPF.

Dalam keadaan ekonomi atau pun suasana pelaburan sekarang ini apabila kerajaan mengatakan untuk meningkatkan *domestic growth* dengan izin. Maksudnya kita memerlukan suntikan pelaburan domestik atau pun dalaman lebih besar daripada apa yang tersedia pada masa ini. Apa kata kalau RM70 bilion iaitu 20% daripada nilai dana RM373.7 bilion itu, kalau 20% lebih kurang nilainya RM70 bilion apa kata RM70 bilion itu kita laburkan dalam pasaran modal dalaman kita. Tidakkah bermaksud kita boleh membantu untuk memperkayakan pertumbuhan ekonomi dalaman kita? Apa kata kalau kita gunakan dana itu benarkan kita laburkan pada sektor-sektor yang mengkhususkan pada ikhtiar atau pembangunan SME, syarikat-syarikat permodalan kecil dan sederhana atau pun *small medium enterprise*.

Ini adalah asas yang sangat mustahak untuk kita lihat kalau benar kita mahu menumpukan kepada *domestic growth* seperti yang kita kata masalah yang sedang kita hadapi. Akan tetapi saya tidak faham agak nampak bertentangan cadangan supaya membenarkan EPF melabur setinggi RM70 bilion di dalam pasaran yang berportfolio luar negara, ini untuk apa?

Teringat saya pada tahun lepas, rasanya baru beberapa hari lepas, kita sedang bincang kerajaan dalam Bajet 2010 yang lalu mencadangkan bahawa perwujudan SPV dan satu cadangan membayar *fees* kepada agen-agen pelaburan. Kita mengiktiraf

agen-agen pelaburan bersifat atau berportfolio asing. Adakah ini menyediakan ruang terlebih dahulu untuk kita memberi kemudahan atau ruang mendapat komisen-komisen kepada kroni-kroni?

Saya tidak nampak perkara ini pada tahun lepas. Akan tetapi apabila kita baca, renung semula, dan teliti cadangan yang dibentangkan dua atau tiga hari lepas atau minggu lepas nampak gaya ada kolaborasi dan ada kena mengenanya. Tahun lepas kita beria-ia mahu mewujudkan SPV lah, agen-agen lah, dan sebagainya. Mengiktiraf peranan mereka dan sekarang baru tahun ini kita nampak. Oh! Rupanya RM70 bilion wang EPF kita mahu laburkan ke luar negara dan sudah tentu mahu labur ke luar negara ini kita boleh mengiktiraf, melantik agen-agen atau pun apa-apa yang boleh menjalankan bagi pihak EPF.

Ini saya mahu Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan yang sebaiknya kenapa RM70 bilion ini kita buka dan kita tambah sebanyak 20%. Kenapa dan untuk tujuan apa, ia dalam kaunter apa, dalam bidang apa? Adakah ia menguntungkan atau tidak atau pun yang akan bakal jadi seperti yang kita laburkan dalam MEDCAP atau pun dahulu kita laburkan pada institusi yang pernah saya tanya apakah jaminan kepada pelaburan ini tidak terjerumus atau kena mengena kepada bidang-bidang yang ada kena mengena dalam aspek perjudian atau pun industri-industri *sinful* yang pernah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dahulu? Apakah jaminannya? Ini kerana sebab munasabahnya, kalau dibuat pelaburan dalam negara barangkali dari segi portfolionya boleh dikaji dengan teliti. Kalau luar negara siapa yang akan menjadi penelitinya atau pun badan yang menyelaras atau meneliti perkara ini? saya tidak mahu persoalan ini menjadi pertimbangan terkemudian hari. Kita tidak dapat mengawal kerana portfolio ini bukan di bidang kuasa kita. Kita cuma benarkan melabur di luar negara.

Malang sekali kalau kita terlibat dalam pelaburan-pelaburan yang dianggap menguntungkan tetapi dalam bidang yang berkaitan dengan perjudian arak dan sebagainya, saya rasa amat malang sekali rakyat Malaysia yang menabung dan menyumbang pada dana ini terjerumus sama sekali dan terikut sama terlibat dalam industri yang sebegini popular di kalangan masyarakat dunia pada hari ini. Saya melihat cadangan kerajaan mengatakan bahawa mengecualikan cukai sebanyak 50% duti setem untuk pembelian rumah pertama yang bernilai RM500,000 ke bawah. Memang cadangan itu agak baik tetapi siapakah di kalangan mereka yang memiliki atau pun mencapai taraf ini?

Pada sesi yang lepas, Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab dengan terang soalan yang kita bertanya berkali-kali, berapakah kadar pemilikan rumah di dalam negara kita. Saya tanya berkali-kali tidak ada jawapan tetapi pada satu jawapan terakhir yang diberi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengesahkan sebenarnya kerajaan Malaysia tidak ada satu lagi polisi pun yang berkenaan dengan pemilikan rumah. Ini satu pengakuan yang pada saya cukup menakutkan. Tidak ada statistik pemilikan rumah. Tidak tahu berapa peratus rakyat Malaysia ada dan tidak ada rumah, menyewa, duduk tanah haram, tanah setinggalan, dan sebagainya tidak ada jawapan.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan meneng ada polisi sedikit. Itu di negeri Pahang, di negeri sayalah kata. Jawapan itu memang sebenarnya jawapan untuk sengaja melarikan diri memberi jawapan supaya daripada banding tidak jawapan langsung. Saya hendak beritahu dan nyatakan, penyiasatan atau kajian yang kita buat mengatakan bahawa hanya 17% penduduk Malaysia mempunyai rumah. Bermakna 80% rakyat Malaysia tidak ada rumah. Bertahun-tahun duduk rumah setinggalan, duduk tanah haram, di Sabah dan Sarawak ramai duduk dalam semak sahaja. Akan tetapi polisi ini walaupun disebut dalam Parlimen dan ditunggu nampak gayanya tidak ada juga.

Saya mahu dengar kementerian kata cadangan atau belanjawan kata kerajaan menumpukan dasar pemilikan rumah kepada rakyat Malaysia sekurang-kurangnya 60% rakyat Malaysia mesti ada rumah pertama. Bukannya rakyat Malaysia ini sepatutnya seorang rakyat Malaysia ada 100 atau pun 1,000 buah rumah. Ada satu rumah itu bernilai sehingga RM20 ke RM30 juta. Bekas Yang Berhormat Menteri Besar Selangor pun rumah dia sehingga RM24 juta. Ini bukan polisi yang kita tunggu. Ini *mockery* kepada sistem perumahan atau pun pemilikan rumah dalam negara kita, ia tidak munasabah sama sekali. Dasar yang kita bentangkan pada baru-baru ini mengatakan mengelakkan daripada spekulasi, mengambil keuntungan berlebihan dari segi sewa rumah, harga tanah, mengelakkan wujudnya *bubble* dari sudut frasa hartanah dan sebagainya.

Ini tidak akan menjamin serta selesainya hanya kerana kita menumpukan kepada aspek duti setem yang kita kata dikecualikan 50% atau 100% bagi pemindahan aset daripada ibu kepada bapa atau bapa kepada anak atau pun di sebaliknya atas pembina kasih sayang. Ini sudah lama. Perkara ini tidak berlaku. Maksudnya pengecualian duti setem ini tidak perlu disebut telah lama perkara ini efektif. Kalau jenis pemilikan pertukaran hak miliknya di antara seratanya daripada ayah, ibu kepada anak.

■1900

Ini tak payah kita masukkan dalam ini berbanding keperluannya kita masuk dan sebut secara jelas, ambil masa sepuluh minit menyebut bahawa kerajaan prihatin mengecualikan cukai import kepada 300 jenis barang dan perkhidmatan termasuklah beg-beg tangan, seluar-seluar dalam yang mahal-mahal, baju tidur kelambu, minyak wangi dan sebagainya. Sebahagian daripada item itu yang memang harganya murah memang dah lama tidak ada cukai, tidak perlu kita sebut. Yang dimaksudkan barangan import yang mahal itu dikecualikan cukai import ini sudah tentu barang-barang yang berkualiti tinggi. Saya rasa, saya tak tahu siapa golongan yang memakai, yang memerlukan atau menyambut baik kata duti import kepada beg-beg tangan yang berjenama tinggi ini dikecualikan, maka bersoraklah, melompat-lompatlah semua orang mengatakan sambut baik perkara ini sebab agaknya ramai sangat yang berminat memakai beg-beg tangan yang mahal ini. Saya tak boleh nak mampu nak sebut satu jenama besar pun. Saya ingat Bata itu dah mahallah kot?

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sikit sahaja ya.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota, sekali lagi Tuan Yang di-Pertua. Dasar nak mengecualikan cukai duti import sebanyak 30% bagi barangan berjenama ini kononnya bertujuan untuk menjadikan Malaysia ini sebagai pusat beli-belah yang antarabangsalah kiranya. Lalu kalau orang nak beli barangan berjenama, datang ke Malaysia kerana ianya murah tetapi di situ apa yang kita sedang lakukan ialah kita sedang berusaha gigih untuk menjual barangan keluaran orang lain yang tidakkah ini bercanggah dengan dasar yang kita nampak *billboard* besar-besar di *highway* inikan “Beli Barangan Malaysia” dan sebagainya dan tidakkah dulu dikenakan cukai duti import ini bertujuan untuk menentukan bahawa barangan Malaysia akan diutamakan lebih-lebih lagi oleh pelancong kerana apabila kita lihat bahawa *target group*nya adalah pelancong datang ke Malaysia melancong untuk membeli belah lalu tidakkah ianya agak pelik di mana kita ini menjadikan negara kita sebagai tempat untuk memasarkan barangan yang kecil yang seperti inilah beg tangan, baju dalam, baju tidur, kelambu, seluar dalam untuk orang lain. Patutnya benda-benda ini kita sendiri pun boleh keluarkan. Mengapa kita hendak berikan keutamaan kepada barang luar negara? Terima kasih.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tepat sekali. Memang, saya pun nak pertikaikan perkara itu sebenarnya Yang Berhormat Shah Alam sebab Menteri

Pelancongan sendiri mengesahkan bahawa purata *stay*, purata singgahan pelancong yang datang ke Malaysia cuma 2.1 hari sahaja. Takkan dia datang 2 hari ini datang nak beli beg, semata-mata datang ke Malaysia nak beli beg, seluar dalam, beli minyak wangi, beli kelambu. Saya tidak nampak rasional perkara ini dan baru sekejap Yang Berhormat Kuala Selangor mengatakan pendapatan daripada pelancongan sekitar RM50 bilion. Betul tadi? Lebih kurang ya, Yang Berhormat Hulu Selangor sebut tadi kan? RM50 bilion bukan? Pendapatan yang dijana oleh pelancongan katanya. Saya teliti, saya dengar tadi. Saya nak sebut di sini, RM50 bilion ini kalau dijana pendapatan kepada kerajaan daripada sudut cukai.

Saya minta Menteri Pelancongan menyatakan berapakah cukai yang kita kutip daripada agensi pelancongan. Saya nak dengar sebab saya ada *figure*nya sekarang, saya nak dengar Menteri Pelancongan masa menjawab menyatakan berapakah jumlah cukai yang dikutip daripada agensi yang kena mengena dengan pelancongan yang dikatakan menjana RM50 bilion ini. Kita ada maklumat dia tetapi biar dia jawab dahulu sebab saya nak kata perbandingannya *stay* ataupun tempoh menginap di Malaysia ini mengikut Menteri mengatakan cuma 2.1 hari sahaja untuk satu pelancong. Jadi munasabah kah tidak kerana tujuan nak tarik pelancong masuk dalam Malaysia kita menghapuskan cukai import pada barangan 300 jenis tadi termasuklah barang-barang yang disebut.

Saya bimbang oleh kerana barangkali seluar dalam yang kita hapuskan cukai ini berjenama tinggi jadi kita nak pakai itu kita mesti nak tunjuk kepada orang. Jadi kita pakai macam Superman, seluar dalam dekat luar. Baru nampak kalau tidak tak ada guna pakai yang berjenama tinggi. Jadi kita tak mahu menggalakkan rakyat kita berfikiran songsang macam ini akibat daripada kita membuat polisi yang mendatangkan orang kata satu kesukaan baru kepada rakyat Malaysia dan dalam masa yang sama tolonglah fikirkan bahawa pengecualian duti import kepada barang-barang ini akan menyebabkan matinya atau tidak kompetitifnya industri pembuatan tempatan terutama kepada item-item yang bertanding dengan 300 yang diimport tadi.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: [*Bangun*]

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sekejap sahaja ya.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Sama juga Tuan Yang di-Pertua, dah petang ini dia macam saya juga, dah petang nak kena sambut menyambutlah. Begini Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Indera Mahkota, tapi sebelum itu daripada banyak senarai barang yang disebut nampak

dia ingat seluar dalam sahajalah tapi tak apalah, itu soal lainlah, tadi dia bergurau tadi itu. Yang Berhormat Indera Mahkota, saya secara peribadi kalau hujah daripada Yang Berhormat Shah Alam tadi nampaknya barangan import ini mungkin akan bukan sahaja bersaing malahan juga mungkin mengatasi pembelian barang-barang, dalam hal itu saya setuju tetapi yang saya nak sebut ini ialah lebih kepada soal yang disebut oleh Yang Berhormat Hulu Selangor tadi, pendapatan daripada industri pelancongan RM50 bilion. Saya nak tanya kepada Yang Berhormat Indera Mahkota, adakah Yang Berhormat memikirkan soal dengan pendapatan daripada pelancongan RM50 bilion itu ia juga menjana kegiatan ekonomi lain, kegiatan ekonomi sampingan dan sebagainya ataupun yang biasa kita sebut *multiplying effect*. Saya rasa ia juga menjurus kepada menyuburkan suasana ekonomi dalam negara kita walaupun mungkin bukanlah soal *tax*, cukai yang kita utamakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat Ledang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, lima minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Lima minit? Okey. Daripada segi cukai tadi, cara kita nak ukur secara fizikalnya ialah cukai yang dikutip secara *direct*. Soal *multiplying effect* itu tak ada siapa yang boleh mengesahkan daripada segi pengiraan cukai kerana itu tergantung kepada kaedah kita melihat barangkali daripada segi *service tax* dan sebagainya yang kita naikkan daripada 5% kepada 6%. Itu boleh kita ukur tetapi mengambil masa satu tahun kalendar untuk menyatakan *effectnya*. Saya bersetuju kesan *multiplying effect* ada tapi pengukurannya memang sukar untuk kita nyatakan kecuali mengatakan satu angka RM50 bilion dan sebagainya. Itu adalah *estimation* yang tidak ada siapa boleh memberikan pengesahan yang tepat.

Saya nak sebut perkara yang ringkas dalam masa lima minit ini adalah berkenaan dengan cadangan untuk kita melihat berlakunya transformasi menyeluruh ekonomi kita melalui pelan-pelan yang diberi atau yang dipersembahkan oleh kerajaan. Kita ada GTP kemudian kita ada ETP dan semua ini nak melonjakkan ekonomi kita sekali gus untuk mengeluarkan negara kita sebagai yang disebut berkali-kali, mengeluarkan negara daripada perangkap. Perangkap apa? Perangkap ekonomi sederhana dan rendah. Yang rendah itu yang mustahak, yang sederhana itu okeylah. Mana yang rendah itu golongan yang paling miskin dalam masyarakat.

Kita sendiri sekarang tak dapat mengesahkan berapakah gaji minimum kita. Saya dok ingat harap belanjawan ini kerajaan menyatakan dengan tepat gaji minimum

kita adalah sekian banyak, RM1,500 kah RM1,000 kah ataupun di bandar macam mana, di luar bandar macam mana tapi tidak ada. Senyap sepi berkenaan dengan aspek gaji minimum yang kita harapkan bersama. Banyak orang menjangka perkara itu disebut ataupun tidak, malang yang lebih buruk lagi saya dengar, saya pun takut apabila Setiausaha Agung UMNO terpaksa mengatakan bahawa UMNO sebenarnya kawan-kawan, rakan UMNO marah kepada Model Baru Ekonomi ini bukan sebab apa, sebab tak faham.

Itu yang disebut oleh Setiausaha Agung UMNO sendiri. Dia tak ada dalam Dewan ini tapi saya baca dalam surat khabar, dalam *The Star*, dalam *Berita Harian* banyak lagi menyebut bahawa kekecewaan Setiausaha Agung UMNO menyebut perkara itu sebab katanya yang tak faham itu ahli-ahli UMNO. Kalau ahli-ahli UMNO tidak faham berkenaan dengan Model Ekonomi Baru kerana katanya tidak menggariskan dengan tepat kedudukan bumiputera dalam institusi MBE itu sendiri, apa diharap kepada orang-orang lain yang bukan ahli UMNO, masyarakat luar bandar Sabah dan Sarawak. Maknanya kalau dah UMNO sendiri marah, Setiausaha Agung terpaksa kata macam itu, saya rasa sebahagian besar daripada rakyat yang duduk terutama Sabah dan Sarawak yang miskin macam juga orang-orang saya di kampung itu saya rasa makin teruklah kalau macam itu tak faham. Kalau orang itu marah, bermakna orang-orang lain yang tidak faham dan tidak nampak perkara ini marahnya sudah tentu dua kali ganda.

Saya nak menyatakan simpati saya sekiranya betul model baru ekonomi yang hendak dibawa ini di bawah perancangan geran ataupun pelan transformasi kerajaan dan ekonomi ini permulaannya telah dikritik oleh UMNO sendiri, ahli-ahli UMNO sendiri, saya minta supaya kita semua yang berada dalam Dewan ini untuk tengok. Tidak perlu kita kritik tetapi kita bantulah. Sudah cukuplah kena kritik itu dari ahli sendiri, kita yang ramai dalam Dewan ini, mari kita pakat-pakat tengok mungkin ada satu pelan lain yang lebih baik untuk memperbaiki terutama daripada usul ataupun strategi keempat. Itu mempertingkatkan *delivery* sektor awam. Penyampaian awam kepada polisi-polisi yang telah dibentangkan yang mereka sendiri menerima kritikan hebat.

■1910

Saya rasa Pakatan Rakyat, kami bersetuju dan bersedia untuk memberi cadangan-cadangan. Tidak usahlah kritik lagi kita akan beri cadangan. Sudah cukup kritikan yang diberikan oleh UMNO sendiri. Kita cuba untuk bawa satu penerangan dalam gagasan baru. *Insyah-Allah* saya rasa ini ada mungkin lebih daripada itu tidak

perlu kita sebut sekarang. Tunggu Menteri jawab nanti kita akan beri ulasan. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kepong.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya tanya? Mengapa, hari ini hari pertama kita bahas belanjawan bajet, tidak ada Menteri. Timbalan Menteri dua tiga orang, kerajaan kata mesti ada ubahan. Jangan ikut kelaziman, kebiasaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Akan tetapi ini baru hari pertama. Ahli-ahli kami sudi untuk tunggu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Untuk bangkitkan pandangan, kritikan, sumbangan. Namun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tanya saya kalau saya...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Menteri tidak ada Timbalan Menteri tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya jawab dari segi *point of order* tidak ada halangan bagi mereka untuk tidak hadir Yang Berhormat. *As long as* kita cuba kuorum mesyuarat ini boleh berjalan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Kuorum tidak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kepong.

7.12 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Bajet 2011 ini dengan hati yang berjaga-jaga kerana saya nampak banyak inisiatif, banyak benda-benda yang manis belaka termasuklah kadar tol tidak dinaikkan selama lima tahun dan skim untuk membeli rumah yang pertama dengan beberapa kemudahan dan sebagainya. Ini memang perkara-perkara yang nampak baik. Namun ada banyak lagi terutamanya mengenai transformasi ke arah negara maju berpendapatan tinggi. Saya pun berharaplah kita dapat mengubah menjadi sebuah negara yang maju berpendapatan tinggi. Memang semua ini kita harapkan. Saya berharaplah semua ini tidak menjadi murah di mulut, mahal ditibangkan iaitu pada

peringkat pelaksanaannya kurang efisiennya, kurang keazaman dan tidak dapat menjayakan semua yang ada sekarang.

Di sini saya hendak bangkitkan satu perkara mengenai defisit kita dan memang kita nampak defisit kita sekarang 5.4% dan diharapkan defisit ini dapat dikurangkan. Menurut Kementerian Kewangan matlamatnya secara beransur-ansur defisit fiskal kita akan dikurangkan kurang daripada 3% daripada KDNK pada akhir RMKe-10 ini iaitu pada 2015. Kita akan kurangkan kepada 3%. Saya berharap usaha ini akan diteruskan sebab defisit kita itu sudah lebih daripada satu dekad dan hasil kita kebanyakan lebih daripada 30% daripada Petronas, daripada minyak kita. Minyak kita pun tidak boleh dikekalkan selama-lamanya.

Di sini selain daripada defisitnya saya nampak di dalam belanjawan bajet ini tidak menyentuh mengenai kemungkinan berlakunya perang perdagangan. Saya menyebut di sini kerana sekarang nampaknya ada pertikaian kontroversi antara Amerika Syarikat dengan China kerana Amerika Syarikat menganggap mata wang China Yuan itu terlalu rendah dan sengaja direndahkan oleh pihak China sehingga import ke Amerika Syarikat kerana China merupakan negara perdagangan yang pertama kepada Amerika Syarikat dan import dari China ke Amerika Syarikat adalah murah berbanding dengan produk-produk Amerika Syarikat sendiri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: *[Berjalan masuk ke Dewan]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat Padang Rengas pun tidak begitu prihatin kepada kemungkinan berlakunya perang perdagangan. Dia jaga Padang Rengas, negara tidak begitu berminat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Cukai...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Cukai, semua itu dia kata di kampung-kampung imam itu pun dapat naikkan...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ramai yang bercakap tadi itu, apabila tengok Yang Berhormat Kepong berbahas saya pun masuk.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itulah, Yang Berhormat Padang Rengas pun kadang-kadang keluarkan kenyataan pendirian pun baik jugalah. *[Ketawa]* Mengenai pagi tadi dia ada sebutkan mengenai orang-orang yang melanggar peraturan, mengeluarkan kenyataan yang sensitif dari segi agama dan kaum dan sebagainya ada diambil tindakan. Memanglah 1Malaysia dahulu kerana Perak dia memang terpaksa buat demikian, kalau di Johor berlainan. *[Ketawa]* Di Perak memang istimewa sedikit,

Yang Berhormat Padang Rengas dia boleh berbuat demikian tetapi di Johor saya nampak, kalau dia pergi ke Johor, dia senyap sahaja.

Ini mengenai perang perdagangan di antara China dan Amerika Syarikat, ini penting. Kerana kita eksport banyak dan import pun banyak dari negara China. Kalau nilai Yuan itu diubahkan dengan banyak kita akan terjejas. Saya berharaplah pihak kerajaan dapat mengadakan satu dasar dan langkah yang disediakan oleh pihak kementerian untuk berjaga-jaga menghadapi sekiranya berlaku perang perdagangan di dunia ini. Kerana bukan sahaja di Amerika Syarikat, European Union (EU) pun begitu juga.

Saya memang memperhatikan bahawa di Amerika Syarikat, *Senate* dan Kongres sedang memperbahaskan undang-undang khas untuk menentang China. Misalnya Amerika Syarikat mengenakan tarif ke atas import-import dari China dan Amerika Syarikat termasuk *Anti Dumping Duty* atau *Countervailing Duty* ke atas produk-produk import dari China.

■1920

Ini memang satu langkah yang bermulanya satu perang perdagangan menggunakan masalah isu mata wang untuk mewujudkan perang perdagangan yang akan menjejaskan Malaysia juga. Saya berharap pihak kerajaan dapat memperhatikan hal ini. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua mengenai Program Transformasi Ekonomi Negara atau National Economic Transformation Programme.

Memang satu perkara yang penting kerana hendak wujudkan pelaburan RM1.3 trilion untuk pelaburan bagi Malaysia pada tahun 2020. Jadi tidak sampai 10 tahun lagi kita hendak menarik begitu banyak pelaburan dan 90% daripada pihak swasta. Saya berharap dapat dijayakan. Di dalam tempoh yang sama, saya nampak negara China hendak menarik pelaburan 24 trilion yen iaitu USD3.6 trilion, walhal RM1.3 trilion ini adalah USD4,400 bilion dan dengan masa yang sama negara China hendak menarik USD3.6 trilion, kita hendak tarik USD4,000 atau lebih USD4,000 bilion kepada negara.

Ini penting kerana pihak China hendak menarik begitu banyak dan saya tidak tahu di mana pihak pelabur akan berminat sama ada di China atau di negara ini. Ini penting dan daripada bajet ini kita tidak nampak macam mana kita dapat menarik begitu banyak pelaburan yang penting untuk rakyat Malaysia.

Pertama pelabur itu memang hendak cari negara-negara yang lebih selamat, stabil yang pertama, dasar yang konsisten, integriti rasuah walaupun kita ada PRM, tetapi masih saya dengar rungutan-rungutan daripada pelabur yang kata rasuah di

Malaysia ini memang masih teruk. Yang Berhormat Shah Alam tahulah, dia sentiasa sebutkan, masih teruk dan mengenai integriti ini memang, walaupun pihak Yang Berhormat Padang Rengas ini tidak begitu berminat dengan integriti, tetapi kita berharaplah juga ubahkan sikap kerana kita hendak, seperti tidak bolehlah gunakan telefon bimbit di dalam Dewan macam itu.

Kita mesti ada integriti dan tambah pula mengenai isu sumber manusia kerana walaupun kita ada langkah yang baru di dalam bajet ini, tetapi saya berharap ini dapat diperbaiki lagi kerana kita ada pekerja asing di dalam negara kita, iaitu yang sahnya 1.8 juta orang dan pendatang tanpa izin atau PATI itu mungkin 3 juta atau 4 juta orang dan lebih. Maka ini jadi pekerja-pekerja sumber manusia di negara ini dan kalau kita ikut trend sekarang, pelabur-pelabur lebih suka pergi ke Laos kerana dia nampak walaupun ada rasuah juga tetapi dasar mereka konsisten. Begitu juga pergi ke Kampuchea yang nampaknya walaupun ada rasuah tetapi dasar mereka juga konsisten.

Kalau kita bandingkan syarat-syarat di Kampuchea dengan negara ini, syarat di situ memang lebih baik, memang terbuka kerana dia ikut WTO atau World Trade Organization. Dia baru sahaja hendak menjadi anggota WTO dan dia perlu mengikut dengan sepenuhnya syarat-syarat yang dikenakan oleh WTO, walhal di Malaysia ini kita jadi anggota lebih awal lagi iaitu tahun 1960-an kita menjadi anggota, kita tidak payah hendak mematuhi syarat-syarat WTO sekarang dan sebab itulah syarat-syarat kita untuk *investor* untuk pelaburan itu tidak begitu terbuka untuk Malaysia ini.

Sebab itulah pihak kerajaan mesti mengkaji mengapa pihak pelabur pergi ke Laos, pergi ke Vietnam, termasuk Indonesia walaupun tidak manis Indonesia dia serang Kedutaan Malaysia di Jakarta, kira tidak manislah. Kalau tidak silap saya para pelabur mungkin lebih berminat pergi ke Myanmar pula. Di situ memang ada rasuah dan sebagainya, tetapi perlulah kita bermesra dengan jeneral sahaja, tidak payah bermesra dengan orang lain.

Sebab itu mereka memang berminat pergi ke Myanmar dan saya berharap pihak kerajaan dapat mengkaji semua ini iaitu dasar yang konsisten, kestabilan, integriti, sumber manusia, efisiensi dan birokrasi. Kita mesti menggalakkan walaupun ada di sini langkah untuk menggalakkan pihak kakitangan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Minta penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat Ledang?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ledanglah. PAC.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat Ledang, saya hendak sebutkan 1.2 juta kakitangan kerajaan, mengenai birokrasi.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Boleh? Kita sama-sama PAC bolehlah. Terima kasih Yang Berhormat Kepong, sedikit sahaja tidak sampai satu minit. Tadi Yang Berhormat Kepong menyebutkan tentang Myanmar kalau boleh bermesra-mesra dengan jeneral-jeneral. Kalau kita pergi ke utara lagi negeri yang lebih besar lagi di atas itu saya sebutkan jiran negaranya, tanyalah mana-mana pelabur kita yang datang ke negara mereka. Mereka akan bercakap mereka juga terpaksa bermesra-mesra dengan orang-orang besar di sana termasuk orang-orang yang di sekelilingnya, tetapi FDI mereka meningkat, negara yang besar itu meningkat jauh meningkat malahan mereka hampir menjadi *giant economy* dalam dunia.

Maknanya kerana tidak ada pemimpin daripada negara mereka yang belot, yang pergi ke negara Malaysia cerita buruk pasal negara mereka dan sebagainya. Ini juga satu faktor Yang Berhormat Kepong. Adakah Yang Berhormat Kepong juga berfikir ke arah itu dan memasukkan dalam ucapan Yang Berhormat Kepong. Sekian, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ledang, kita mesti memerhatikan mengapa sumber-sumber, sebab musabab pihak pelabur bukan kita dengar satu dua orang bercakap. Saya pun belum pasti orang yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ledang itu, apa yang dicakap itu, mana?

Saya percaya Yang Berhormat Ledang itu dia dengar cerita sahaja, cerita dongeng pun dia dengar juga. Sebab itulah kita mesti menggalakkan sifat-sifat mahmudah yang menggalakkan keikhlasan, penuh keazaman, amanah tekun, cekap, semangat setia kawan, menjauhi diri dari sifat-sifat mazmumah seperti takbur dan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kepong, sambung esok untuk 12 minit lagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Hah, sambung esokkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi hari Selasa, 19 Oktober 2010.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.